

# AMALAN PENTAKSIRAN AUTENTIK DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI BEBERAPA BUAH SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KULIM

Nur Aisyah Husna Rambli<sup>1</sup> dan DR. Ahmad Sukari Mohamad<sup>2</sup>

g-p19303010@moe-dl.edu.my<sup>1</sup>

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

## ABSTRAK

Corak pendidikan negara kini mengalami evolusi dalam mendepani cabaran pendidikan abad ke-21. Sistem pentaksiran dalam bilik darjah turut mengalami perubahan seiring dengan perkembangan semasa untuk meningkatkan potensi murid dalam semua aspek. Oleh hal yang demikian, semua guru perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam melaksanakan pelbagai jenis pentaksiran dalam bilik darjah. Namun, pelaksanaan pentaksiran autentik kurang diberi penekanan oleh guru di sekolah. Justeru, kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji kaedah pentaksiran autentik yang sering digunakan oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah dan melihat sejauhmana tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pentaksiran autentik sebagai satu amalan dalam pentaksiran bilik darjah di sekolah mereka. Responden kajian ini terdiri daripada 165 orang guru di beberapa buah sekolah rendah di daerah Kulim. Seterusnya, kajian ini merupakan satu pendekatan kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan perisian SPSS Versi 27.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian mendapati majoriti responden sering menggunakan kaedah pemerhatian, tugas bertulis, penilaian sendiri, praktikal atau amali, penilaian rakan sebaya dan persembahan dalam pentaksiran autentik di sekolah mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pentaksiran autentik di sekolah berada pada tahap tinggi (min=4.28). Kesimpulannya, guru-guru Pendidikan Islam perlu menitikberatkan kepentingan pelaksanaan pentaksiran autentik sebagai satu amalan dalam pentaksiran bilik darjah untuk membentuk kemenjadian murid secara holistik.

**Kata Kunci:** Pentaksiran bilik darjah, pentaksiran autentik, guru sekolah rendah

عملن فنتكسیرن اوتیتیک دالم كالغن كورو فنیدیقن إسلام دبیراف بواه سکوله رنده ددایره

کولیم

نور عائشة حسنی رمبلی دان دوکتور احمد سوکاري محمد

g-p19303010@moe-dl.edu.my

جابتن فنیدیقن إسلام دان مورل، آی.ئی.جی.کی.تی.بی.

## ابستزک

چورق فنډيديقن نکارا کيني مغالي ايزولوسي دالم مندثني چابرن فنډيديقن ابدک-21. سيستم فنتکسیرن دالم بيليق درجه تورو مغالي فروبهن سايریغ دغن فرکمبغن سماس اونتوق منیغکنکن فوتینسي مورید دالم سمو اسفیک. اولیه حال یغ دمیکین، سمو کورو فرلو ممفویایي فغتاھوان یغ تیغکي دالم ملقساناکن فلباکاي جنيس فنتکسیرن دالم بيليق درجه. نامون، فلقساناان فنتکسیرن اوتینتیک کورغ دبري فنکن اولیه کورو دسکوله. جوسنزو، کاجین این مروفاکن ساتو کاجین تینجاوان یغ دجانکن برتوجوان اونتوق مگکاجي قاعده فنتکسیرن اوتینتیک یغ سریغ دکوناکن اولیه کورو فنډيديقن اسلام دسکوله رنده دان ملیهت سجاوهمان تاهف فغتاھوان کورو ۲ فنډيديقن اسلام دالم ملقساناکن فنتکسیرن اوتینتیک سباکاي ساتو عملن دالم فنتکسیرن بيليق درجه دسکوله مریک. ریسفوندن کاجین این تردیري درفد 165 اورغ کورو دبراف بواه سکوله رنده ددایره کولیم. سنزوسن، کاجین این مروفاکن ساتو فنکتن کوانتیتایف یغ مگکوناکن اینسنزومن سؤال سلیدیق. داتا یغ دفراولیه دأنالیسیس سجارا ستاتیسٹیک دیسکریفٹیف مگکوناکن فریسین SPSS ورسې 27.0 باکي منداقتن ککرشن، فراتوسن، مین دان سیسیهن فیاواي. داقتن کاجین منداقتي ماجوریتی ریسفوندن سریغ مگکوناکن قاعده فمرهاتین، توکسن برتولیس، فنیلین کنډیري، فرکتیکل اتاو عملي، فنیلین راکن سبايا دان فرسمبهن دالم فنتکسیرن اوتینتیک دسکوله مریک. داقتن کاجین جوک منونجوکن بهاوا تاهف فغتاھوان کورو ۲ فنډيديقن اسلام دالم ملقساناکن فنتکسیرن اوتینتیک دسکوله براد فد تاهف تیغکي (مین=4.28). کسیمفولنن، کورو ۲ فنډيديقن اسلام فرلو منیتیقبرتن کفنتیغن فلقساناان فنتکسیرن اوتینتیک سباکاي ساتو عملن دالم فنتکسیرن بيليق درجه اونتوق مبنتوق کمنجادین مورید سجارا هولیسٹیک.

**کات کونچي:** فنتکسیرن بيليق درجه، فنتکسیرن اوتینتیک، کورو سکوله رنده

## PENGENALAN

Pentaksiran autentik merujuk kepada suatu bentuk penilaian yang dilakukan berdasarkan pencapaian sebenar yang dipamerkan oleh murid di dalam bilik darjah (Boon Pong Ying et. al, 2017). Dalam erti kata yang lain, pentaksiran autentik ini bermaksud suatu penilaian yang dilakukan terhadap murid yang melaksanakan aktiviti dan tugas yang merujuk kepada situasi kehidupan sebenar murid. Guru yang menggunakan pentaksiran autentik ini dapat memberi ruang dan peluang kepada murid untuk mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan yang bermakna dalam diri mereka ketika melaksanakan tugas yang diberikan. Namun, isu ketidaksediaan guru dalam menjalankan pentaksiran alternatif acapkali menjadi bualan hangat sejak ia mula diperkenalkan. Radin (2008) menyenaraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran adalah berdasarkan kefahaman, kemahiran, latihan dan panduan yang diterima guru serta keupayaan guru untuk mentaksir dari aspek bebanan tugas dan masa.

Kalai Selvan (2015) menjelaskan guru masih kurang faham menjalankan pentaksiran disebabkan kekurangan pengetahuan berkaitan dasar atau program pendidikan terutamanya apabila berlaku perubahan. Amie Doris dan Ruhizan (2019) pula merumuskan, tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan masih di tahap sederhana. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran serta sumber yang boleh dijadikan panduan akan menyebabkan ketidakyakinan guru dalam menjalankan pentaksiran (Noorzeliana et. al., 2014). Berdasarkan kajian-kajian yang telah dikemukakan, sudah jelas bahawa pengetahuan guru dalam melaksanakan pentaksiran adalah sangat penting dan akan memberi kesan kepada guru untuk melaksanakannya di dalam bilik darjah.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan pentaksiran autentik di sekolah. Kesiediaan guru untuk melakukan perubahan dalam sistem pentaksiran akan menyebabkan pentaksiran yang dijalankan lebih bersifat menyeluruh seiring dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah untuk menilai tahap pelaksanaan pentaksiran autentik dalam kalangan GPI di dalam bilik darjah. Dengan cara ini, pihak sekolah dapat membantu GPI dengan memberikan bimbingan dan sokongan yang berterusan untuk menjalankan pentaksiran autentik dengan lebih adil dan relevan.

Justeru, kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenal pasti kaedah pentaksiran autentik yang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah.
2. Mengenal pasti tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pentaksiran autentik di sekolah.

Persoalan kajian boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Apakah kaedah pentaksiran autentik yang digunakan oleh Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah?
2. Apakah tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pentaksiran autentik di sekolah?


## LITERATUR

### TEORI DAN MODEL KAJIAN

Rajah 1 menunjukkan Model Pengajaran Robert Glaser yang telah dikemukakan pada tahun 1962 oleh Robert Glaser.

#### Rajah 1

*Model Pengajaran Robert Glaser (1962)*



Robert Glaser telah membahagikan proses pengajaran dan pembelajaran kepada empat komponen utama iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah pengajaran dan penilaian. Beliau juga memberi penekanan kepada aspek memberi maklum balas pada setiap komponen tersebut. Guru perlu menentukan objektif pengajaran bersesuaian dengan

pengetahuan sedia ada murid. Manakala kaedah pengajaran perlu dipilih berdasarkan objektif pengajaran dan pengetahuan sedia ada murid. Komponen penilaian perlu dijalankan oleh setiap guru bagi mengenal pasti kelemahan dalam proses pengajaran dan seterusnya melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti pengajaran pada masa hadapan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Responden kajian ini terdiri daripada GPI yang mengajar di beberapa buah sekolah rendah di daerah Kulim dengan penglibatan seramai 165 orang GPI sebagai sampel kajian. Kajian tinjauan ini menggunakan set borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen soal selidik telah disebarkan secara atas talian melalui pautan Google Form untuk mendapatkan maklumat mengenai demografi responden, kaedah pentaksiran autentik yang digunakan oleh GPI di sekolah dan tahap pengetahuan GPI dalam melaksanakan pentaksiran autentik di sekolah mereka. Dapatan kajian yang diperoleh menggunakan alat kuantitatif secara soal selidik dikumpul dan dianalisis menggunakan program Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 27.0.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Jadual 1 menunjukkan dapatan soal selidik bagi kaedah pentaksiran autentik yang digunakan oleh GPI di sekolah rendah.

### **Jadual 1**

*Kaedah Pentaksiran Autentik yang Digunakan Oleh GPI di Sekolah Rendah*

<b>NO ITEM</b>	<b>ITEM</b>	<b>KEKERAPAN</b>	<b>PERATUS (%)</b>
B1	Projek	99	60
B2	Persembahan	135	81.8
B3	Pemerhatian	163	98.8
B4	Produk	87	52.7
B5	Praktikal atau Amali	148	89.7
B6	Tugasan Bertulis	160	97
B7	Buku Skrap	115	69.7
B8	Portfolio	88	53.3
B9	Penilaian Rakan Sebaya	138	83.6
B10	Penilaian Kendiri	155	93.9
B11	Pentaksiran Atas Talian	90	54.5

Berdasarkan jadual di atas, kaedah pentaksiran autentik yang kerap digunakan oleh GPI ialah kaedah pentaksiran autentik pemerhatian iaitu 163 (98.8%) orang guru, kaedah pentaksiran autentik tugas bertulis dengan 160 (97%) orang guru, kaedah pentaksiran autentik penilaian sendiri dengan 155 (93.9%) orang guru, kaedah pentaksiran autentik praktikal atau amali dengan 148 (89.7%) orang guru dan kaedah pentaksiran autentik penilaian rakan sebaya dengan 138 (83.6%) orang guru. Dapatan kajian juga mendapati kaedah pentaksiran secara persembahan kerap digunakan dalam kalangan guru sekolah rendah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan 135 (81.8%) orang guru. Kaedah pentaksiran autentik secara penghasilan produk mempunyai kekerapan paling rendah iaitu 87 (52.7%) orang guru.

Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Nor Azizah Atan et. al. (2020) yang menyatakan kaedah pentaksiran yang kerap digunakan oleh guru sekolah rendah di sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor ialah kaedah pentaksiran pemerhatian dan penulisan. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kedua-dua kaedah pentaksiran ini mempunyai kekerapan yang sama iaitu 22 kekerapan (88%).

Jadual 2 menunjukkan dapatan soal selidik bagi tahap pengetahuan GPI dalam melaksanakan pentaksiran autentik di sekolah.

## **Jadual 2**

### *Tahap Pengetahuan GPI dalam Melaksanakan Pentaksiran Autentik di Sekolah*

<b>Konstruk</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap Min</b>
Pentaksiran Autentik	4.33	.407	Tinggi
Pentaksiran Prestasi	4.31	.436	Tinggi
Pentaksiran Portfolio	4.25	.430	Tinggi
Penilaian Rakan Sebaya	4.26	.392	Tinggi
Penilaian Kendiri	4.32	.443	Tinggi
Pentaksiran Atas Talian	4.20	.545	Tinggi
Min Keseluruhan: 4.28			

Dapatan soal selidik menunjukkan pengetahuan guru dalam melaksanakan pentaksiran autentik memperoleh (min=4.33), pentaksiran prestasi (min=4.31), pentaksiran portfolio (min=4.25), penilaian rakan sebaya (min=4.26), penilaian sendiri (min=4.32) dan pentaksiran atas talian (min=4.20). Konstruk pentaksiran autentik mempunyai nilai skor min paling tinggi (min=4.33) berbanding konstruk yang lain manakala konstruk pentaksiran atas talian memperoleh nilai min yang paling rendah (min=4.20). Walau demikian, semua konstruk yang dikaji berada pada tahap yang tinggi seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas.

Tahap pengetahuan guru yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran autentik tidak bersesuaian dengan kajian Nor Azizah Atan et. al. (2020) yang mengatakan bahawa tahap kefahaman guru-guru tentang pentaksiran autentik adalah sederhana. Seterusnya, tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan pentaksiran atas talian juga berada pada tahap yang tinggi. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Amir, Arumugham dan Azhan (2022) yang mengatakan bahawa guru-guru berupaya melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan baik dan sistematik melalui platform DELIMa. Menurut kajian yang dijalankan oleh Rafiee, Nurul Hafizah dan Roslah (2020) juga menyatakan aplikasi Quizizz adalah bermanfaat dengan sebahagian besar guru bersetuju untuk menjalankan penilaian prestasi menggunakan aplikasi tersebut.

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN**

GPI perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa berkaitan dengan pelaksanaan pentaksiran autentik di dalam bilik darjah. Hal ini kerana guru yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti diri akan dapat melaksanakan pentaksiran dengan lebih adil dan relevan. Pihak sekolah juga terutamanya pihak pentadbir memainkan peranan yang besar dalam memastikan semua guru dapat melaksanakan pentaksiran autentik dengan lebih berkesan. Pihak pentadbir perlu sentiasa bekerjasama dan memberikan sokongan secara berterusan kepada guru-guru untuk melaksanakan pentaksiran autentik ini. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran autentik di dalam bilik darjah. Bagi merealisasikan hasrat FPK, KPM perlu mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan yang lebih luas kepada guru-guru berkaitan kaedah pelaksanaan pentaksiran autentik di dalam bilik darjah dengan mengadakan bengkel dan kursus secara berterusan untuk meningkatkan kompetensi guru dalam melaksanakan pentaksiran autentik dengan lebih berkesan.

Bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan menyeluruh, kajian lanjutan perlu dijalankan di semua sekolah di daerah Kulim. Hal ini bagi memastikan hasil kajian yang akan diperolehi dapat memberi gambaran secara menyeluruh tentang tahap pengetahuan guru berkaitan amalan pentaksiran autentik di sekolah. Selain itu, kajian lanjutan juga dicadangkan untuk menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan kajian gabungan dengan mempelbagaikan instrumen kajian. Antaranya adalah menggunakan instrumen temubual dan pemerhatian bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih menyeluruh. Di samping itu, bagi membantu guru dalam melaksanakan pentaksiran autentik dengan lebih meluas, kajian lanjutan dicadangkan untuk

memfokuskan kepada aspek yang lain seperti sikap dan kemahiran guru dalam melaksanakan pentaksiran autentik serta tahap pelaksanaannya di sekolah.

## KESIMPULAN

Tuntasnya, guru seharusnya mempunyai pengetahuan yang luas dalam melaksanakan pentaksiran di dalam bilik darjah terutamanya pentaksiran autentik bagi memastikan pentaksiran yang digunakan adalah relevan dan berkesan. Guru perlu sentiasa mempersiapkan diri untuk melakukan perubahan dalam melaksanakan pentaksiran di dalam bilik darjah agar dapat membentuk kemenjadian murid secara holistik. Sokongan yang berterusan daripada pihak pentadbir sekolah dan rakan sejawat adalah sangat penting dalam meningkatkan motivasi guru untuk melaksanakan pentaksiran autentik di dalam bilik darjah dengan berkesan.

## RUJUKAN

- Amie Doris Dorin & Ruhizan Mohammad Yasin. (2019). Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Proceedings of International Conference of Future Education and Advances*, 8-15.
- Boon Pong Ying, Lee Leh Hong & Lawrence Aloysius Aeria. (2017). *Pentaksiran dalam Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kalai Selvan Arumugham. (2015). *Pemahaman Guru Tentang Pentaksiran Formatif: Kajian Kes Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah*. Kertas Kerja Seminar Darulaman. Anjuran IPG Kampus Darulaman, Kedah. Oktober 2015.
- Kalai Selvan Arumugham. (2019). *Pentaksiran Bilik Darjah dan Kemenjadian Murid: Pengukuran Tahap Perkembangan Pembelajaran Murid dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Kertas Kerja The 2nd Seminar on Malay Language Teaching Literature and Culture, Geothe University Frankfurt. Anjuran Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Amir Shaukhi Ahmad, Kalai Selvan Arumugham & Azhan Anuar. (2022). Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam Norma Baharu: Pemimpin Pertengahan dalam Mengupayakan Pelaksanaan PBD Berasaskan Teknologi. *Sains Insani* eISSN: [0127 7871]
- Nor Azizah Atan, Zaharah Mohamad, Norasyikin Yaacob & Norshila Shafie. (2020). Amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi Pentaksiran Autentik dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *Proceedings of International Conference on The Future of Education (IConFE) 2020*, Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus, Penang, Malaysia.
- Noorzelianna Idris, Norazilawati Abdullah & Saniah Sembak. (2014). *Isu dan Cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kalangan Guru*. Kertas Kerja International Conference on Teachers Education (ICOTE). Brunei.
- Radin Mohd Shamsul Zamri bin Hirzin (2008). *Penilaian Program Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah Teknologi Kejuruteraan SPM*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rafiee Jamian, Nurul Hafizah Zainal Abidin & Roslah Arsad. (2020). Analisis Deskriptif bagi Penggunaan Aplikasi Quizizz ke atas Guru dalam Penilaian Prestasi Murid bagi Subjek Matematik. *Mathematical Sciences and Informatics Journal*, 1(2), 87-97.



# PELAKSANAAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM KALANGAN PELAJAR OPSYEN PENDIDIKAN ISLAM DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS KETIKA MENJALANI PRAKTIKUM

Yumni Yusrina Nordin<sup>1</sup> & Fahmiddin Yazan<sup>2</sup>

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

yumnnyusrina23@gmail.com<sup>1</sup>

## Abstrak

*Pembelajaran koperatif adalah kaedah pembelajaran abad ke-21 yang melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran secara berkumpulan. Namun, terdapat beberapa isu dalam pelaksanaan pembelajaran koperatif antaranya guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran. Maka, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aktiviti pembelajaran koperatif yang dilaksanakan, kemahiran 6K yang diterapkan kepada murid ketika melaksanakan pembelajaran koperatif dan faktor dorongan pelaksanaan pembelajaran koperatif. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan. Seramai 102 orang pelajar opsyen Pendidikan Islam IPGK terlibat dalam instrumen kajian yang digunakan iaitu soal selidik yang disebarkan melalui Google Form secara atas talian. Hasil dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan SPSS edisi 26. Hasil analisis kajian menunjukkan aktiviti pembelajaran koperatif yang digunakan oleh kebanyakan pelajar opsyen Pendidikan Islam IPGK ialah Peta i-Think yang mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.75. Manakala, kemahiran 6K yang diterapkan kepada murid menunjukkan kemahiran kreativiti mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.75. Akhir sekali, faktor dorongan pelaksanaan pembelajaran koperatif adalah disebabkan faktor murid mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.52. Kajian ini dapat memberi impak yang positif kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan lebih banyak kursus dan seminar berkaitan pembelajaran abad ke-21 kepada guru. Kajian ini masih boleh ditambahbaik dengan melibatkan responden daripada pelbagai pengkhususan dan kaedah gabungan digunakan dalam kajian lanjutan.*

**Kata kunci:** Pembelajaran koperatif, pembelajaran abad ke-21, aktiviti pembelajaran koperatif, kemahiran 6K, faktor dorongan

## فلقسانان ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف دالم ڪالغن ڦلاجرا اوڦشن ڦنديديقن اسلام سبواه اينستيتوت ڦنديديقن ڪورو ڪمفوس ڪتيڪ منجالي ڦرڪتيڪوم.

بمبي يسرينا نوردن دان فهم الدين يازن

yumnuyusrina23@gmail.com

جابتن ڦنديديقن اسلام دان مورل، اءي.ڦي.جي.ڪي.تي.بي

### ايسنڪ

ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف اداله ساتو قاعده ڦمبلاجرن ابدڪ-21 يڄ مليبتڪن موريد سجارا اڪتيويي ڦمبلاجرن سجارا برڪومڦولن. نامون، ترڊاڦت بيراڦ ايسو دالم فلقسانان ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف انٽاراڦ ڪورو ماسيه مڄڪوناڪن ڦنڊڪتن تراديسيونل دالم ڦعاجرن دان ڦمبلاجرن. مڪ، اوبچيڪتيڪ ڪاجين اين اداله اونٽوق مڄنل ڦسٽي اڪتيويي ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف يڄ دلقساناڪن، ڪماهين 6K يڄ دترڦڪن ڪڦڊ موريد ڪتيڪ ملقساناڪن ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف دان فڪتور دوروڄن فلقسانان ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف. ريڪ بنتوق ڪاجين اين اياله ڪاجين تينجاون يڄ مڄڪوناڪن ڦنڊڪتن ڪوانتيتاتيف. سراماي 122 اورڄ ڦلاجرا اوڦشن ڦنديديقن اسلام اءي.ڦي.جي.ڪي. ترلييت دالم اينستزومن ڪاجين يڄ ڊڪوناڪن ياءيت سوآل سليڊيق يڄ دسيبرڪن ملالوئي Google Form سجارا اتس تالين. حاصليل داڦتن ڪاجين اين داناليسيس سجارا ديسڪريڦتيف دڄن مڄڪوناڪن SPSS ايديسي 26. حاصليل اناليسيس ڪاجين منونجوقڪن اڪتيويي ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف يڄ ڊڪوناڪن اوليه ڪبايقن ڦلاجرا اوڦشن ڦنديديقن اسلام اءي.ڦي.جي.ڪي. اياله ڦتا *i-Think* يڄ منجاتڪن نيلاي مين ترتيڄڪي ياءيت 3.75. ماناڪالا، ڪماهين 6K يڄ دترڦڪن ڪڦڊ موريد منونجوقڪن ڪماهين ڪرياتيويي منجاتڪن نيلاي مين ترتيڄڪي ياءيت 3.75. اخير سڪالي، فڪتور دوروڄن فلقسانان ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف اداله دسبڪن فڪتور موريد منجاتڪن نيلاي مين ترتيڄڪي ياءيت 3.52. ڪاجين اين داڦت مبري ايمڦڪ يڄ ڦوسيتيف ڪڦڊ ڦيهق ڪمنٽرين ڦنديديقن مليسيا (ڪي.ڦي.عيم) اونٽوق ملقساناڪن لبيه بايق ڪورسوس دان سمينر برڪاءيتن ڦمبلاجرن ابدڪ-21 ڪڦڊ ڪورو. ڪاجين اين ماسيه بوليه دتبه بايق دڄن مليبتڪن ريسڦونڊن درڦڊ ڦلباڪاي ڦغڄصون دان قاعده ڪابوڄن ڊڪوناڪن دالم ڪاجين لنجوتن.

**ڪات ڪونچي:** ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف، ڦمبلاجرن ابدڪ-21، اڪتيويي ڦمبلاجرن ڪوڦراتيف، ڪماهين 6K، فڪتور دوروڄن.

## PENGENALAN

Pembelajaran koperatif merupakan kaedah pembelajaran abad ke-21 yang dilaksanakan oleh guru dalam bentuk kumpulan kecil di dalam bilik darjah. Pembelajaran koperatif adalah strategi berpusatkan murid di mana ia lebih menumpukan kepada penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Umami Solehah Hamzah & Nurfaradilla Muhd Nasri, 2020). Terdapat pelbagai aktiviti pembelajaran koperatif yang boleh dilaksanakan oleh guru seperti peta i-Think. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Roslizam Daud et al. (2020) mengatakan bahawa pendekatan peta i-Think diterima baik oleh guru Pendidikan Islam serta mereka juga mahu pendekatan tersebut dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang tahun. Malah, pendekatan peta i-Think memudahkan murid untuk mempelajari sesuatu pelajaran serta memudahkan guru bagi menjadikan pengajaran sebagai satu proses yang bermakna dan berkesan.

Namun, terdapat beberapa isu yang menyebabkan pembelajaran koperatif masih lagi kurang dilaksanakan oleh guru di sekolah. Antara isu yang menyebabkan kurangnya pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru di sekolah adalah kerana masih terdapat guru yang menggunakan kaedah pengajaran tradisional atau strategi berpusatkan guru ketika mengajar. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norazlin Muhd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) melalui data temu bual yang dilakukan dengan salah seorang guru sekolah, beliau mengatakan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 masih pada tahun pertama pelaksanaan dan masih belum dilaksanakan secara meluas. Selain itu, kurang penerapan kemahiran abad ke-21 juga antara isu yang terdapat dalam pelaksanaan pembelajaran koperatif. Kajian yang dilakukan oleh Norazlin Muhd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) melalui data temu bual yang dilakukan dengan salah seorang guru sekolah. Beliau mengatakan bahawa sebahagian daripada kemahiran pembelajaran abad ke-21 sukar untuk diaplikasikan dalam bilik darjah.

Oleh itu, kajian mengenai pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK ketika menjalani praktikum penting untuk dijalankan. Hal ini kerana, jika kajian ini tidak dijalankan, keberkesanan dan kualiti pembelajaran murid di dalam bilik darjah tidak dapat ditingkatkan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Objektif kajian ini ialah:

- I. Mengenal pasti aktiviti pembelajaran koperatif yang dilaksanakan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK ketika menjalani praktikum.
- II. Mengenal pasti kemahiran 6K yang diterapkan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam IPGK kepada murid ketika melaksanakan pembelajaran koperatif.
- III. Mengenal pasti faktor dorongan pembelajaran koperatif dalam kalangan pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK.

Soalan kajian ini ialah:

- I. Apakah aktiviti pembelajaran koperatif yang dilaksanakan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK ketika menjalani praktikum?
- II. Apakah kemahiran 6K yang diterapkan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam IPGK kepada murid ketika melaksanakan pembelajaran koperatif?
- III. Apakah faktor dorongan pembelajaran koperatif dalam kalangan pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK?

Kajian yang dijalankan memberi tumpuan kepada pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK yang telah menjalani praktikum. Di IPGK tersebut, pelajar opsyen Pendidikan Islam yang telah menjalani praktikum ialah pelajar dariambilan Jun 2020 Semester 1 Tahun 4 manakala pelajar opsyen Pendidikan Islam ambilan Jun 2021 Semester 1 Tahun 3 dan Pra PPISMP ambilan Jun 2023 tidak dilibatkan. Kajian ini melibatkan pelajar opsyen Pendidikan Islam manakala pelajar selain opsyen Pendidikan Islam tidak terlibat dalam kajian ini. Kajian ini juga menggunakan instrument soal selidik. Instrumen kajian yang lain seperti temu bual, pemerhatian dan sebagainya tidak terlibat.

Kepentingan kajian ini dibahagikan kepada beberapa pihak iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Pendidikan Guru, guru Pendidikan Islam dan murid. Kepentingan kajian ini kepada Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dapat merancang dan menyusun kursus-kursus dalam perkhidmatan sebagai latihan kemahiran yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kompetensi guru Pendidikan Islam. Kemudian, kepentingan kajian ini kepada IPG diharapkan melalui pendedahan mengenai pembelajaran abad ke-21 dapat meningkatkan profesionalisme keguruan dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam. Kepentingan kajian kepada guru Pendidikan Islam pula ialah membantu dalam kemahiran memilih dan merancang aktiviti pembelajaran koperatif yang bersesuaian dengan topik pengajaran dan kemampuan murid supaya objektif pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai. Akhir sekali, kepentingan kajian ini kepada


murid ialah mewujudkan budaya cintakan ilmu dalam kalangan murid dengan melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## LITERATUR

Kajian ini menggunakan teori Konstruktivisme oleh Lev Vygotsky (1978). Teori Konstruktivisme Lev Vygotsky (1978) memberi penekanan kepada kepentingan hubungan antara seseorang individu dan lingkungan sosial untuk membentuk pengetahuan. Prinsip dan strategi utama yang digunakan dalam teori ini ialah Zone of Proximal Development (ZPD) dan teknik Scaffolding. Faktor utama yang dapat memicu perkembangan kognitif seseorang adalah melalui interaksi sosial individu tersebut dengan orang lain. Bantuan guru dan rakan sekelas akan dapat membantu melonjakkan prestasi murid dalam pembelajaran. Murid mestilah saling bekerjasama antara satu sama lain menyelesaikan masalah untuk memperoleh kesepakatan dan ilmu pengetahuan yang sama (Muhd Affan Ahamad, 2022). Hal ini kerana, sesuatu konsep pengajaran dan pembelajaran akan mudah difahami oleh murid menerusi perbincangan secara berkumpulan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Azizi Yahya dan Intan Sapinas Bahuri (2007) menunjukkan faktor rakan sebaya iaitu murid mencatatkan nilai min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.18. Selain itu, melalui teori Konstruktivisme, murid juga bertanggungjawab membina pengetahuan mereka menerusi aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru.

### Rajah 1

*Teori Konstruktivisme Lev Vygotsky (1978).*




Sumber: Steve Wheeler (2013).

Selain itu, kajian ini juga menggunakan Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke-21 (2017). Model ini menjadikan kearifan professional guru sebagai elemen penting bagi menerapkan kemahiran Abad Ke-21 dalam diri murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam kelas (Rohani Arba, 2015). Kearifan guru ialah pengetahuan praktikal guru diintegrasikan dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan pengetahuan konteks dan diperhalusi menerusi amalan refleksi yang berterusan. Guru akan dapat menilai serta memilih kaedah pengajaran yang sesuai bagi menerapkan kemahiran Abad Ke-21 dalam diri murid melalui kearifan yang ada pada guru tersebut. Guru juga akan mentaksir kemenjadian murid secara holistik berdasarkan kompetensi pembelajaran 6C iaitu Communication, Critical Thinking, Collaboratve, Creativity, Character dan Citizenship (Noni M. & Julin, E, 2020). Hal ini kerana, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ainun Rahmah Ibrahim et al. (2017), tahap sikap, motivasi dan pencapaian murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu selepas menggunakan kemahiran abad ke-21 berada pada tahap yang tinggi.

Pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran abad ke-21 yang dapat membantu guru menerapkan kemahiran 6K dalam diri murid. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norlela Ahmad et al. (2019) membincangkan tentang kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 menurut persepsi guru. Konstruk yang mencatatkan nilai skor min yang tertinggi ialah menerapkan kemahiran kreativiti dan inovasi dalam gerak kerja kumpulan murid iaitu sebanyak 3.70. Hasil daripada kajian yang dilakukan membuktikan bahawa amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 memberikan kesan yang positif kepada pembangunan murid.


**Rajah 2**

*Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke-21.*



Sumber: Rohani Arba et al. (2017)

**Rajah 3**  
*Kerangka konseptual.*



Berdasarkan kerangka konseptual kajian di atas, kajian ini menggunakan teori Konstruktivisme Lev Vygotsky (1978) dan Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke-21. Terdapat tiga aspek utama yang menjadi tajuk perbincangan dalam kajian iaitu aktiviti pembelajaran koperatif, kemahiran 6K yang diterapkan dalam pembelajaran koperatif dan faktor dorongan pelaksanaan pembelajaran koperatif. Guru seharusnya melaksanakan pembelajaran abad ke-21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti pembelajaran koperatif. Terdapat banyak aktiviti pembelajaran koperatif yang menarik dapat dilaksanakan oleh guru dalam proses pengajaran serta dapat membantu guru mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Kemudian, menerusi aktiviti pembelajaran koperatif, guru dapat menerapkan kompetensi pembelajaran 6K iaitu komunikasi, kritis, kolaborasi, kreativiti, karakter dan kewarganegaraan Terdapat beberapa faktor yang mendorong guru untuk melaksanakan pembelajaran koperatif iaitu dari segi faktor guru, murid dan fasiliti. Justeru, hasil daripada kajian ini diharapkan pelajar opsyen Pendidikan Islam akan mahir melaksanakan pembelajaran koperatif dalam proses pengajaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Populasi bagi kajian yang dijalankan ini ialah 122 orang yang terdiri daripada pelajar opsyen Pendidikan Islam IPGKambilan Jun 2020 Semester 1 Tahun 4 yang telah menjalani praktikum. Bilangan sampel ditentukan melalui kaedah persampelan bertujuan menggunakan kaedah Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen soal selidik digunakan melalui pengedaran borang soal selidik secara atas talian iaitu Google Form. Pengkaji menggunakan indeks nilai Alpha Cronbach bagi menentukan item soalan yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi atau rendah dengan menggunakan SPSS edisi 26. Nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan item soal selidik ialah 0.978. Menurut Bond dan Fox (2015), nilai tersebut adalah sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi. Kemudian, pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk menganalisis data yang telah dikumpul (Yee Sye Foong, 2018). Pengkaji juga menggunakan skala interpretasi skor min oleh Ridhwan (2012) untuk menganalisis dapatan kajian yang telah dikumpul.



## DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Dapatan kajian ini bagi menjawab soalan kajian.

### Dapatan Kajian Soalan Kajian 1: Apakah Aktiviti Pembelajaran Koperatif Yang Dilaksanakan Oleh Pelajar Opsyen Pendidikan Islam Di Ipgk Ketika Menjalani Praktikum?

Aktiviti pembelajaran koperatif yang dilaksanakan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK ketika menjalani praktikum seperti dalam rajah 4.

#### Rajah 4

*Aktiviti pembelajaran koperatif yang dilaksanakan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK ketika menjalani praktikum.*



Berdasarkan rajah 4 di atas menunjukkan peta i-Think mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.75. Kemudian, aktiviti kedua tertinggi ialah Gallery Walk iaitu nilai min sebanyak 3.64. Seterusnya, aktiviti ketiga yang mencatat nilai min tertinggi ialah Role Play iaitu nilai min 3.54. Seterusnya, diikuti dengan Think-Pair-Share mencatatkan nilai min 3.52. Kemudian, aktiviti Idea Rush dan Round Table mencatatkan nilai min yang sama iaitu 3.36. Seterusnya, diikuti dengan aktiiti Rally Robin mencatatkan nilai min 3.30. Aktiviti Fan & Pick mencatatkan nilai min 3.28 diikuti dengan aktiviti Team Word-Web dengan nilai min yang dicatatkan ialah 3.27. Kemudian, aktiviti Hot Seat mencatatkan niali min 3.25 diikuti dengan aktiviti Showdown dengan nilai min yang dicatatkan ialah 3.21. Seterusnya, aktiviti Three Stray, One Stay mencatatkan nilai min 3.20 diikuti dengan aktiviti Stand-N-Share dengan nilai min 3.18.

Kemudian, aktiviti Value Lines mencatatkan nilai min 3.16 diikuti dengan aktiviti Trade-A-Problem mencatatkan nilai min 3.12. Seterusnya, aktiviti Jigsaw mencatatkan nilai min 3.10 diikuti dengan aktiviti Rotating Review dengan nilai min yang dicatatkan ialah 3.09. Manakala, aktiviti Line Ups mencatatkan nilai min 3.03 diikuti dengan aktiviti terendah ialah Three Step Interview iaitu nilai min 2.97. Akhir sekali, aktiviti yang mencatatkan nilai min terendah ialah Stir The Class iaitu nilai min 2.92 namun masih berada pada tahap sederhana.


Hasil analisis dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa Peta I-Think mencatatkan nilai min tertinggi, Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK melaksanakan aktiviti peta i-Think ketika menjalani praktikum. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Roslizam Daud et al. (2020) mengatakan bahawa tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran berada pada tahap tinggi. Menurut pengkaji juga, murid dapat mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan mudah serta dapat memudahkan guru untuk melaksanakan pengajaran berkesan melalui pendekatan peta i-Think.

### **Dapatan Kajian Soalan Kajian 2: Apakah Kemahiran 6k Yang Diterapkan Oleh Pelajar Opsyen Pendidikan Islam Di Ipgk Kepada Murid Semasa Melaksanakan Pembelajaran Koperatif?**

Kemahiran 6K yang diterapkan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK kepada murid semasa melaksanakan pembelajaran koperatif dalam rajah 5 di bawah.

#### **Rajah 5**

*Kemahiran 6K yang diterapkan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK kepada murid semasa melaksanakan pembelajaran koperatif.*



Berdasarkan Rajah 5 di atas menunjukkan kreativiti mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.75. diikuti dengan kolaborasi mencatatkan nilai min 3.69. Seterusnya, komunikasi mencatatkan nilai min diikuti dengan karakter mencatatkan nilai min 3.64. Kemudian, kritis mencatatkan nilai min 3.60. Akhir sekali, kemahiran yang mencatatkan nilai min terendah ialah kewarganegaraan dengan nilai min yang dicatakan ialah 3.56. Walau bagaimanapun, keseluruhan kemahiran 6K mencatatkan nilai min tertinggi. Hasil analisis di atas membuktikan bahawa kesemua kemahiran 6K diterapkan oleh pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK kepada murid ketika melaksanakan pembelajaran koperatif.


Hasil analisis dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kemahiran kreativiti mencatatkan nilai min tertinggi. Hal ini menunjukkan kebanyakan pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK menerapkan kemahiran 6K iaitu kreativiti kepada murid ketika melaksanakan pembelajaran koperatif. dapatan ini selari dengan dapatan kajian Norlela Ahmad et al. (2019) membincangkan tentang kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 menurut persepsi guru. Konstruk yang mencatatkan nilai skor min yang tertinggi ialah menerapkan kemahiran kreativiti dan inovasi dalam gerak kerja kumpulan murid.

**Dapatan Kajian Soalan Kajian 3: Apakah Faktor Dorongan Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif Dalam Kalangan Pelajar Opsyen Pendidikan Islam Di Ipgk Yang Telah Menjalani Praktikum?**

Faktor dorongan pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK yang telah menjalani praktikum dalam rajah 6 di bawah.

**Rajah 6**

*Faktor dorongan pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam kalangan pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK yang telah menjalani praktikum.*



Berdasarkan rajah 6 di atas menunjukkan faktor murid mencatat nilai purata min tertinggi iaitu 3.52 diikuti dengan faktor fasiliti dengan nilai min 3.39. Kemudian, faktor yang mencatat nilai purata min terendah ialah faktor dengan nilai min yang dicatatkan ialah 3.34 namun masih berada pada tahap yang sederhana.

Berdasarkan hasil analisis dapatan di atas, pengkaji mendapati bahawa faktor murid mencatatkan nilai purata min tertinggi berbanding faktor guru dan fasiliti. Hal ini membuktikan kebanyakan pelajar opsyen Pendidikan Islam di IPGK bersetuju dengan kenyataan bahawa faktor murid merupakan faktor yang mendorong pelaksanaan pembelajaran koperatif. Dapatan ini selari dengan dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh Azizi Yahya dan Intan Sapinas Bahuri (2007) menunjukkan faktor rakan sebaya iaitu murid mencatatkan nilai min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa faktor yang mendorong pelaksanaan pembelajaran koperatif ialah faktor murid. malah melalui kajian yang dilakukan oleh Ainun Rahmah Ibrahim et al. (2017) menunjukkan tahap sikap, motivasi dan pencapaian murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi selepas menggunakan kemahiran abad ke-21.

### **KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

Kesimpulannya, pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid. Hal ini kerana aktiviti pembelajaran yang menarik akan menjadikan murid lebih bersemangat untuk mengikuti proses pembelajaran serta mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Maka, seorang bakal guru hendaklah menyiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan kaedah pengajaran yang terkini bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik serta meningkatkan lagi keberkesanan pembelajaran murid dan kualiti pengajaran.

Kajian yang dijalankan masih boleh dilakukan penambahbaikan dalam kajian lanjutan. Pengkaji mencadangkan agar responden daripada pelbagai pengkhususan seperti Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan lain-lan dilibatkan dalam kajian lanjutan. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan melibatkan responden daripada IPG pelbagai zon secara meluas. Pengkaji juga mencadangkan supaya kaedah gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk kajian lanjutan. Akhir sekali, pengkaji juga mencadangkan agar instrumen kajian yang lain seperti temu bual dan pemerhatian digunakan untuk kajian lanjutan.

Dapatan kajian ini akan memberi tumpuan kepada empat implikasi iaitu implikasi kajian ini adalah dapat membantu pihak KPM merancang pelaksanaan latihan dalam perkhidmatan seperti kursus kepada guru mengenai pembelajaran koperatif. Kemudian, hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak IPG untuk merancang dan mengadakan program berkaitan pembelajaran koperatif kepada semua pelajar daripada pelbagai pengkhususan. Malah, hasil kajian ini juga dapat membantu meningkatkan kemahiran guru Pendidikan Islam dalam mengendalikan aktiviti pembelajaran koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Akhir sekali, hasil kajian ini dapat melahirkan murid yang aktif melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah melalui pelaksanaan pembelajaran koperatif.

## RUJUKAN

- Ainun Rahmah Ibrahim, Zamri Mahmood & Wan Muna Wan Muhd. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLej)*, 7(20), 77-88.
- Azizi Yahya & Intan Sapinas Bahuri. (2007). Tinjauan Amalan Pembelajaran Koperatif di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Maktab Rendah Sains Mara, Gerik, Perak. Fakulti Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences* (3rd ed). Routledge/Taylor & Francis Group.
- Muhd Affan Ahamad, Erda Wati Bakar & Juwati Johari. (2022). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Kosnruktivisme dalam Pengajaran Seni Bahasa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7, 1-25.
- Norazlin Muhd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 87-105.
- Noni M. & Julin, E. (2020). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke-21 dan Kaitannya dengan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25).
- Norlela Ahmad, Shoo Sin Lui, Hariati Abdul Wahid & Ruhaila Yusuf. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 28-51.
- Ridhwan. (2012). *Skala Pengukuran Variabel-Variabel Penelitian*. Alf. Bandung.
- Robert V. Krejcie & Daryle W. Morgan. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 607-610.
- Rohani Arba. (2015). Kearifan Temapatan Profesional Guru Dalam Menerapkan Kemahiran Insaniah Di Dalam Bilik Darjah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Rohani Arba, Hazri Jamil & Muhd Zahir Ahmad. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1-11.
- Roslizam Daud, Roslan Abdul Rahman & Nuradilah Abdul Wahab. (2020). Sikap dan Tingkah Laku Guru Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Proses Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah. *Asian People Journal*, 3(2), 24-35.
- Rowen Tingang Musa, Nor Suraiya Abd Karim, Nur Hamiza Adenan, Rawdah Adawiyah Tarmizi, Noor Wahida Md Junus & Vicky Ezekiel Anak Kelong. (2021). Tahap Kesiediaan Guru Pelatih Matematik UPSI Dalam Melaksanakan PAK21. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 82-91.

- Steve Wheeler. (2013). University of Plymouth.
- Ummi Solehah Hamzah & Nurfaradilla Muhd Nasri. (2020). Kajian Meta Analisis: Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Motivasi Pembelajaran Murid. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 3, 21-33.
- Vygotsky, L. (1978). *Mind In Society*. The Development of Higher Psychological Processes (eds M.Cole, V. Jph-Steiner, S. Scriber and E. Souberman). Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Yee Sye Foong. (2018). *Asas penyelidikan dalam pendidikan*. Pelangi Professional Sdn. Bhd.

**PENGETAHUAN DAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)  
DALAM PEDAGOGI SEMASA PRAKTIKUM DALAM KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN  
ISLAM DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)**

Nur Afiqah Mohd Nazri<sup>1</sup> dan Khairani Zakariya (Ph.D)<sup>2</sup>

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

afikahnazri@gmail.com<sup>1</sup>

**Abstrak**

Menjelang abad ke-21, kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia negara yang maju dengan peradaban yang tinggi agar setanding dengan negara maju yang lain. Oleh itu, pengintegrasian antara kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan pedagogi Pendidikan Islam perlu dititikberatkan dalam pembentukan generasi baharu yang berfikiran tinggi dan berakhlak untuk menyumbang kepada nilai peradaban yang unggul. Namun begitu, hasil dapatan kajian lalu mendapati masih kurang pelaksanaan KBAT oleh guru di sekolah. Justeru, kajian terhadap tahap pengetahuan KBAT, tahap pelaksanaan KBAT serta faktor pelaksanaannya dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG) dijalankan atas sebab mereka ini bakal guru yang akan keluar mengajar di sekolah. Reka bentuk kajian ini ialah penyelidikan tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang disebar melalui Google Form kepada 122 pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG, namun hanya 95 orang responden sahaja yang menjawab soal selidik ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan berkaitan KBAT berada pada tahap tinggi dengan skor min bernilai 3.53. Sementara, tahap pelaksanaan KBAT berada pada tahap sederhana dengan nilai skor min 3.39. Manakala faktor utama pelaksanaan KBAT adalah faktor murid dengan nilai min 3.61, diikuti dengan faktor guru dengan nilai min 3.54 seterusnya faktor sekolah dengan nilai min 3.52. Kajian ini memberi impak kepada pelajar Pendidikan Islam IPG yang bakal menjadi guru dalam mempertingkatkan pengetahuan dalam unsur KBAT dalam pedagogi dan pelaksanaannya semasa PdP dapat dimantapkan seperti yang dihasratkan oleh KPM. Kajian ini mencadangkan agar responden yang lebih ramai dilibatkan dan instrumen temubual serta pemerhatian diaplikasikan dalam kajian lanjutan.

**Kata Kunci:** KBAT, pedagogi, pengetahuan, pelaksanaan, Pendidikan Islam.

فغناھوان دان فلقسانان كماھرن بر فیکیر ارس تیغکی (کي.بي.أي.تي) دالم فیدا کوکي سماس  
فرکتیکوم دالم کالغن فلاجر فندیقن إسلام دسبواه اینستیتوت فندیقن کورو (أي.في.جي)

نور عفیقه محمد نذري دان خیرانی زکریا

جابتن فندیقن إسلام دان مورل، أي.في.جي.کي.تي.بي

afikahnazri@gmail.com

## ايسٽرڪ

منجڻع ابدڪ-21، ڪراچان برحسرت اونٽوق منجاديڪن مليسيا نڪارا يڻ ماجو دڻن ڦرادبن يڻ تيڻڪي اڪر سٽنديڻ دڻن نڪارا ماجو يڻ لائين. اوليه ايت، ڦڻيتڪراسين انتارا ڪماهين برڦيڪير ارس تيڻڪي (ڪي.بي.آي.تي) دڻن ڦيداڪوڪي ڦنديديڻن اسلام ڦرلو دتيتيڻرٽڪن دالم ڦمبنتوقن ڪينراسي بهارو يڻ برڦيڪيرن تيڻڪي دان براچلاق اونٽوق مپومبغ ڪڦد نيلاي ڦرادبن يڻ اوڻڪول. نامون بڪيتو، حاصل داڻن ڪاجين لالو منداڻتي ماسيه ڪورڻ ڦلڦسانان ڪي.بي.آي.تي اوليه ڪورو دسڪوله. جوسنزو، ڪاجين ترهادڻ تاهڻ ڦڻتاهوان ڪي.بي.آي.تي، تاهڻ ڦلڦسانان ڪي.بي.آي.تي سرتا ڦڪتور ڦلڦسانان دالم ڦيداڪوڪي سماس ڦرڪتيڪوم دالم ڪالڻن ڦلاجر ڦنديديڻن اسلام دسبواه اينستيتوت ڦنديديڻن ڪورو (آي.ڦي.جي) دجالنڪن اتس سبب مريڪ اين باڪل ڪورو يڻ اڪن ڪلوار مڻاجر دسڪوله. ريڪ بنتوق ڪاجين اين اياله ڦيلديڻن تينجاوان دڻن ڦندڪن ڪوانتيتاڻيڻ. اينسنزومين يڻ دڪوناڪن اياله سؤال سليديڻ يڻ دسپيرڪن مالوئي Google Form ڪڦد 122 ڦلاجر ڦنديديڻن اسلام دسبواه آي.ڦي.جي، نامون هاڻ 95 اورڻ ريسٽونڊن سهاج يڻ منجواب سؤال سليديڻ اين. حاصل اناليسيس منونجوڪن بهارو تاهڻ ڦڻتاهوان برڪاڻين ڪي.بي.آي.تي برادا ڦد تاهڻ تيڻڪي دڻن سڪور مين برنيلاي 3.53. سمٽارا، تاهڻ ڦلڦسانان ڪي.بي.آي.تي برادا ڦد تاهڻ سدرهان دڻن نيلاي سڪور مين 3.39. مانڪالا ڦڪتور اوتام ڦلڦسانان ڪي.بي.آي.تي اداله ڦڪتور موريد دڻن نيلاي مين 3.61، داڪوتي دڻن ڦڪتور ڪورو دڻن نيلاي مين 3.54 سنزوسن ڦڪتور سڪوله دڻن نيلاي مين 3.52. ڪاجين اين مميري ايمڦق ڪڦد ڦلاجر ڦنديديڻن اسلام آي.ڦي.جي يڻ باڪل منجادي ڪورو دالم ممڦرتيڻڪن ڦڻتاهوان دالم عنصر ڪي.بي.آي.تي دالم ڦيداڪوڪي دان ڦلڦسانان سماس ڦي.دي.ڦي داڻت دمنٽڦڪن سڦرتي يڻ دحسرتڪن اوليه ڪي.ڦي.عيم. ڪاجين اين منجاديڪن اڪر ريسٽونڊن يڻ لبيه راماي دلبيٽڪن دان اينسنزومين تموبوال سرتا ڦمرهاتين داڦليڪاسيڪن دالم ڪاجين لنجوتن.

ڪات ڪوڦڻي: ڪي.بي.آي.تي، ڦيداڪوڪي، ڦڻتاهوان، ڦلڦسانان، ڦنديديڻن اسلام.



## Pengenalan

Amalan berfikir amat digalakkan dalam Islam bagi mengelakkan budaya taklid buta. Larangan bertaklid ini telah dinukilkan Allah dalam surah al-Maidah ayat ke-104. Budaya bertaklid semakin membimbangkan apabila terkait dengan agama seumpamanya dalam persoalan ibadah yang mana tidak mustahil akan menyebabkan masyarakat jauh ketinggalan. Justeru, pelaksanaan kurikulum dalam pendidikan menjadi tonggak utama dalam menghapuskan budaya ini di samping melahirkan masyarakat yang maju dari pelbagai aspek. Matlamat ini boleh dicapai dengan lebih mudah sekiranya amalan berfikir diberi penekanan. Kepentingan amalan berfikir ini telah disedari oleh semua pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia. Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan kemampuan untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (Hazram Ismail, 2020). Dengan pengamalan KBAT pada tahap yang tinggi, kemenjadian individu yakni generasi masa depan Malaysia yang tidak lagi berpegang kepada pengetahuan akademik semata-mata dapat dilahirkan seterusnya mampu bersaing di peringkat global. Oleh itu, guru dilihat sebagai insan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan aspirasi ini.

Dalam ujian PISA (Programme for International Student Assessment) bagi tahun 2009 hingga 2018, keputusan keseluruhan yang dicapai oleh Malaysia adalah lebih rendah daripada purata OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development) yang ditetapkan iaitu dengan skor kurang daripada 450 yang mana meletakkan Malaysia di kedudukan 47 daripada 78 negara yang terlibat (Phang Chi Lick & Mohd Mahzan, 2020). Ini menunjukkan tiada pengaplikasian KBAT yang optimum dimana ianya menjadi punca kemahiran berfikir rakyat Malaysia kekal rendah. Hal ini berlaku dikatakan berpunca daripada amalan pengajaran guru di sekolah. Pengetahuan guru tentang kemahiran berfikir dalam proses PdP didapati berada di tahap yang rendah iaitu dalam kajian Gunahlan & Ikhsan (2018) dengan nilai peratusan kurang daripada 50% dan kajian kualitatif Pusparini et al. (2020). Ujian tahap pengetahuan KBAT yang dilaksanakan dalam kajian Zulkipli et al. (2017) menjadi bukti apabila hampir separuh (33.2%) daripada guru-guru Matematik yang diuji memperoleh skor yang rendah (0 hingga 6), ekoran daripada kekeliruan guru terhadap istilah dalam KBAT (Nani Herlin Jamin, 2022). Seterusnya, pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru juga dikatakan berada pada tahap rendah iaitu dalam kajian kualitatif Hazram Ismail (2020) yang mendapati bakal guru mempunyai tahap yang rendah

dalam mengintegrasikan KBAT. Kajian tersebut adalah berdasarkan pemerhatian dan temubual bersama beberapa responden. Selain itu, pelaksanaan KBAT yang rendah ini juga didapati dalam kajian Gunahlan & Ikhsan (2018) yang mendapati pelaksanaan KBAT oleh guru dalam PdPc berada pada tahap lemah iaitu di bawah peratusan 30%. Tidak hanya tertumpu kepada guru-guru dalam perkhidmatan, guru pelatih sendiri masih ramai yang tidak mempraktikkan KBAT. Dalam kajian kualitatif YM Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018), aspek pembinaan bahan kreatif dan penyediaan yang berunsur KBAT kurang diberi tumpuan secara khusus oleh guru pelatih sepanjang menjalani tempoh praktikum. Rentetan daripada kajian yang lalu banyak menumpukan guru yang berjawatan tetap maka satu kajian akan dilakukan terhadap guru pelatih. Oleh kerana kajian yang lalu juga kurang menumpukan kepada faktor pelaksanaan KBAT, maka kajian berkaitan faktor tersebut turut dilaksanakan yang mana ia penting untuk diketahui supaya kelemahan daripada beberapa aspek dapat diperbaiki pada masa hadapan. Keseluruhannya, kajian ini dilihat sebagai persediaan kepada pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran yang berunsur KBAT di sekolah dalam kalangan guru pelatih.

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada tiga objektif iaitu:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG).
- ii. Mengetahui tahap pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG).
- iii. Mengetahui faktor pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG).

Di samping itu, kajian ini memberi fokus kepada beberapa soalan kajian yang berikut:

- i. Apakah tahap pengetahuan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG)?
- ii. Apakah tahap pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG)?
- iii. Apakah faktor pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG)?

Kajian ini juga dapat memberi kepentingan kepada beberapa pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan guru-guru yang kompeten dan berkualiti. Kajian ini


dapat membantu mereka merangka dasar-dasar pendidikan yang lebih baik bagi mempersiapkan guru-guru dengan kemahiran pedagogi yang kreatif dan inovatif. Selain itu, ia dapat membantu pihak IPG merangka pelan dan strategi yang sesuai dalam meningkatkan tahap profesionalisme guru pelatih di IPG. Seterusnya, dapatan kajian ini memberi ruang kepada pelajar Pendidikan Islam di IPG untuk menentukan kesediaan mereka daripada aspek pengetahuan dan pelaksanaan terhadap KBAT. Dengan ini, pelajar boleh mengambil langkah untuk mempertingkatkan pengetahuan tentang elemen KBAT dan memperbaiki kemahiran sedia ada.

## Literatur

Kajian ini telah menggunakan Teori Kemahiran Berfikir Ibnu Khaldun (1377), Teori Perkembangan Kognitif (1865) dan Model Reflektif Wallace (1991). Ketiga-tiganya dilihat ada menyebut berkaitan aspek pengetahuan. Dalam konteks kajian ini, guru memainkan peranan penting yang mana menjadi keperluan kepada guru untuk mempunyai asas pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan pengajaran yang berunsurkan KBAT. Hal ini disebabkan keupayaan kognitif tidak dapat diperkembangkan sekiranya terdapat batasan di dalam asas pengetahuan dan kemahiran guru mengadaptasinya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.


### Rajah 1

*Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget*




### Rajah 2

*Teori Kemahiran Berfikir Ibnu Khaldun*




Sumber: Ibnu Khaldun (1377) (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002)

**Rajah 3**  
*Model Reflektif Wallace*



Berdasarkan Rajah 4, kajian ini ditinjau melalui dua pecahan aspek utama iaitu tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan KBAT yang mana dalam melaksanakan KBAT, terdapat faktor yang mendorong kepada pelaksanaan tersebut iaitu faktor sekolah, faktor guru dan faktor murid. Tahap pengetahuan dan pelaksanaan KBAT ini penting kerana kedua-duanya dapat membawa kepada pelaksanaan KBAT yang optimum di dalam bilik darjah yang seterusnya mampu mempengaruhi kemenjadian murid KBAT dan kepentingan untuk mengenalpasti faktor pelaksanaan KBAT adalah supaya pihak-pihak berkenaan boleh mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi pembudayaan KBAT di sekolah.

**Rajah 4**  
*Kerangka Konseptual Kajian*



## **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah penyelidikan tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Populasi dalam kajian ini terdiri daripada 122 orang pelajar opsyen Pendidikan Islam Ambilan Jun 2020 di sebuah IPG yang telah menjalani praktikum fasa 1 tetapi hanya seramai 95 orang pelajar sahaja yang terlibat sebagai responden kajian. Ia dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibina dan diubah suai daripada pengkaji lepas (Abd Wahab, 2021; Nazihah Fauzi, 2018). Soal selidik ini disoal dalam bentuk skala likert empat mata. Borang soal selidik diedarkan secara atas talian menggunakan aplikasi *Google Form*.

Soal selidik ini telah disemak oleh tiga orang pensyarah pakar daripada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Jabatan Ilmu Pendidikan serta pensyarah penyelia bagi memastikan kandungannya adalah tepat dan sesuai untuk diedarkan kepada responden. Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, menurut interpretasi skor Alpha Cronbach oleh Bond dan Fox (2015), soal selidik ini secara keseluruhannya berada di tahap sangat baik dan boleh diterima iaitu dengan nilai Alpha Cronbach= 0.919.

Seterusnya, data yang dikumpul melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 26. Bagi menerangkan demografi responden, kekerapan dan peratusan digunakan. Manakala, min dan sisihan piawai digunakan bagi menjelaskan tahap pengetahuan KBAT, tahap pelaksanaan KBAT dan faktor pelaksanaannya. Jadual interpretasi min skala likert empat mata Riduwan (2012) digunakan oleh penyelidik.

## **Dapatan dan Perbincangan**

### **Dapatan dan Perbincangan Soalan Kajian 1:**

Apakah tahap pengetahuan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG?

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG berada pada tahap tinggi dengan nilai (min= 3.53, sp= 0.408). Perincian bagi konstruk ini boleh dilihat dalam Jadual 2. Terdapat dua item dengan bacaan min paling tinggi iaitu item "Saya mengetahui terdapat empat tahap kemahiran

berfikir aras tinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.” dan item “Saya mengetahui aktiviti penyelesaian masalah dapat mengembangkan potensi individu setiap murid” yang mana kedua-duanya mempunyai nilai (min= 3.71, sp= 0.458). Sementara, item paling rendah adalah item “Saya mengetahui coRT merupakan salah satu alat berfikir.” dengan bacaan (min=2.94, sp= 0.897).

## Jadual 2

*Analisis Tahap Pengetahuan KBAT dalam Pedagogi semasa Praktikum dalam kalangan Pelajar Pendidikan Islam di Sebuah IPG*

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Saya mengetahui terdapat empat tahap kemahiran berfikir aras tinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.	3.71	0.543	Tinggi
Saya mengetahui aktiviti penyelesaian masalah dapat mengembangkan potensi individu setiap murid.	3.71	0.458	Tinggi
Saya mengetahui teknik penyoalan adalah penting dalam melaksanakan KBAT.	3.65	0.500	Tinggi
Saya mengetahui kaedah sumbang saran dapat melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	3.65	0.500	Tinggi
Saya mengetahui KBAT ialah penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru.	3.63	0.506	Tinggi
Saya mengetahui penyediaan bahan bantu mengajar yang kritis dan kreatif dapat menggalakkan KBAT seperti kotak minda.	3.60	0.514	Tinggi
Saya mengetahui penggunaan elemen menganalisis dalam set induksi dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid ketika pertama kali memulakan pengajaran.	3.57	0.539	Tinggi
Saya mengetahui pedagogi adalah antara elemen utama KBAT.	3.53	0.599	Tinggi
Saya mempunyai keyakinan untuk melaksanakan KBAT dalam PdP.	3.38	0.639	Sederhana
Saya mengetahui coRT merupakan salah satu alat berfikir.	2.94	0.897	Sederhana
<b>Purata Min Keseluruhan</b>	<b>3.53</b>	<b>0.408</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Soal Selidik Afiqah Nazri (2023)

Berdasarkan analisis daripada dapatan kajian, secara keseluruhannya tahap pengetahuan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan Pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG adalah pada tahap yang tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian Ahmad Syafiq

Yusof et al. (2022) dan Talhah Ajmain (2016) yang mendapati bahawa tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap KBAT berada pada tahap tinggi. Melalui dapatan kajian ini, pengetahuan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG mengenai KBAT tidak dapat diragui lagi kecuali pengetahuan berkaitan coRT. Buktinya, sebanyak 35% responden dalam kajian ini tidak bersetuju dengan item “Saya mengetahui coRT merupakan salah satu alat berfikir.” dan dapatan ini dilihat mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Anida Sarudin et al. (2018) yang mendapati hampir kesemua informan mereka (guru) yang ditemu bual tidak mengetahui secara mendalam berkaitan dengan aplikasi CoRT, Dapatan ini jelas menunjukkan masih ramai yang tidak menguasai alat berfikir coRT. Jadi, perkara yang satu ini perlu kepada peningkatan di masa hadapan. Akhir sekali, aspek pengetahuan ini dilihat penting kerana sebelum menyemai kemahiran KBAT dalam diri murid, guru terlebih dahulu harus memahami keseluruhan konteks KBAT seperti yang dicadangkan bagi memastikan pelaksanaannya itu berkesan.

#### **Dapatan dan Perbincangan Soalan Kajian 2:**

Apakah tahap pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di Sebuah IPG?

Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG berada pada tahap sederhana dengan nilai (min= 3.39, sp= 0.409). Perincian bagi konstruk ini boleh dilihat dalam Jadual 3. Berdasarkan statistik, item yang paling tinggi adalah item “Saya kerap menggunakan kaedah soal jawab dalam pengajaran saya semasa praktikum.” yang mempunyai nilai (min= 3.65, sp= 0.521). Sementara, item paling rendah adalah item “Saya menggunakan kaedah Enam Topi Berfikir (*6 Thinking Hats*) dalam PdP bagi membantu murid membuat penaaakulan.” dengan nilai (min= 2.69, sp= 0.946).

### Jadual 3

*Analisis Tahap Pelaksanaan KBAT dalam Pedagogi semasa Praktikum dalam kalangan Pelajar Pendidikan Islam di Sebuah IPG.*

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Saya kerap menggunakan kaedah soal jawab dalam pengajaran saya semasa praktikum.	3.65	0.521	Tinggi
Saya mengemukakan soalan yang menggunakan kata tanya “mengapa” dan “bagaimana” yang boleh menggalakkan pemikiran KBAT.	3.60	0.514	Tinggi
Saya mengaplikasikan KBAT dalam PdP berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).	3.60	0.514	Tinggi
Saya merancang pelaksanaan elemen KBAT dalam pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan Aras Taksonomi Bloom.	3.55	0.521	Tinggi
Saya menggalakkan murid menggunakan peta minda bagi mengorganisasi maklumat.	3.47	0.616	Sederhana
Saya memastikan terdapat soalan pengaplikasian, penilaian, penciptaan dalam proses PdP.	3.46	0.561	Sederhana
Saya menyediakan aktiviti yang membolehkan murid berfikir aras tinggi seperti aktiviti konstruktivisme.	3.29	0.698	Sederhana
Saya menggunakan lapan jenis peta pemikiran (i-Think) dalam PdP bagi membantu murid berfikir.	3.26	0.687	Sederhana
Saya menggunakan kaedah Enam Topi Berfikir (6 Thinking Hats) dalam PdP bagi membantu murid membuat penaakulan.	2.69	0.946	Sederhana
<b>Purata Min Keseluruhan</b>	<b>3.39</b>	<b>0.409</b>	<b>Sederhana</b>

Sumber: Soal Selidik Afiqah Nazri (2023)

Berdasarkan analisis daripada dapatan kajian, secara keseluruhannya tahap pelaksanaan dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan Pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG adalah pada tahap yang sederhana. Hasil dapatan ini selari dengan kajian Abd Wahab (2021) yang mendapati tahap amalan pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan pelajar Pendidikan Islam IPG berkenaan melaksanakan KBAT dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Walaubagaimanapun, masih wujud ruang penambahbaikan bagi pelajar untuk meningkatkan lagi pelaksanaan KBAT terutama dalam penerapan kaedah Enam Topi Berfikir (6 Thinking Hats). Hal ini kerana sebanyak 43.1% responden yang tidak bersetuju dengan item “Saya menggunakan kaedah Enam Topi Berfikir (6 Thinking Hats) dalam PdP bagi membantu murid membuat penaakulan.”. Ini menunjukkan hampir setengah pelajar Pendidikan Islam di IPG berkenaan tidak menggunakan kaedah enam topi berfikir dalam pengajaran. Hal ini bermungkinan disebabkan kaedah Enam Topi Berfikir ini jarang didedahkan secara umum. Sehubungan dengan itu, dapatan keseluruhan terhadap tahap pengetahuan KBAT dan tahap pelaksanaannya dilihat mempunyai perbezaan yang mana tahap pelaksanaan KBAT mengalami penurunan iaitu berada di tahap sederhana berbanding dengan tahap pengetahuan KBAT yang berada di tahap tinggi. Hal ini



berlaku mungkin kerana didorong oleh faktor perpindahan elemen pengetahuan yang bersifat kognitif kepada pengamalan yang lebih berfokuskan kepada psikomotor (NurSafra Mohd Zhaffar, 2021). Selain itu, ia juga mungkin kerana pelajar Pendidikan Islam di IPG berkenaan kurang keyakinan dan hanya mengetahui KBAT secara teori sahaja yang menyebabkan amalan praktiknya itu kurang.


### Dapatan dan Perbincangan Soalan Kajian 3:

Apakah faktor pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG?

Terdapat tiga faktor pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG iaitu faktor yang paling dominan ialah faktor murid dengan nilai (min= 3.61, sp= 0.415), diikuti faktor guru dengan nilai (min= 3.54, sp= 0.463) seterusnya faktor sekolah dengan nilai (min= 3.52, sp= 0.465). Dapatan ini ditunjukkan dalam Rajah 5 di bawah.

### Rajah 5

*Analisis Faktor Pelaksanaan KBAT dalam Pedagogi semasa Praktikum dalam kalangan Pelajar Pendidikan Islam di Sebuah IPG*



Perincian bagi konstruk ini boleh dilihat pada Jadual 4. Hasil analisis mendapati faktor murid mencatatkan nilai min paling tinggi (min= 3.61, sp= 0.415). Item bagi faktor murid ini boleh dilihat pada item “KBAT berkemampuan mengembangkan pemikiran murid.” dengan nilai (min= 3.66, sp= 0.475), diikuti item “Penggunaan KBAT boleh memaksimumkan penglibatan murid secara aktif.” dengan nilai (min= 3.63, sp=0.506), seterusnya item “KBAT melatih murid menyelesaikan masalah di dunia sebenar.” yang memperoleh bacaan (min= 3.56, sp= 0.499).

Berikutnya, faktor guru. Item bagi faktor guru ini boleh dilihat pada item “Guru bermotivasi untuk menghasilkan PdP yang lebih bermakna.” yang mempunyai nilai (min= 3.59, sp= 0.536), diikuti item “Guru memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan KBAT dalam PdP.” dengan nilai (min= 3.55, sp= 0.521), seterusnya item “Kesediaan guru berhadapan dengan pelaksanaan KBAT” yang memperoleh bacaan (min= 3.49, sp= 0.563).

Di samping itu, faktor sekolah mencatat nilai min paling rendah namun masih berada pada tahap tinggi. Faktor ini dapat dilihat pada item “Pembudayaan KBAT oleh pihak sekolah seperti susun atur bilik darjah yang berpusatkan murid.” yang mempunyai nilai (min= 3.57, sp= 0.498), diikuti item “KBAT digalakkan pelaksanaannya oleh pentadbir sekolah” dengan nilai (min= 3.56, sp= 0.560), seterusnya item “Penyediaan fasiliti sekolah yang memudahkan pelaksanaan KBAT seperti bilik khas PAK-21.” yang mempunyai bacaan (min= 3.44, sp= 0.695).

#### Jadual 4

*Analisis Faktor Pelaksanaan KBAT dalam Pedagogi semasa Praktikum dalam kalangan Pelajar Pendidikan Islam di Sebuah IPG.*

Item	Faktor	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
KBAT berkemampuan mengembangkan pemikiran murid.		3.66	0.475	Tinggi
Penggunaan KBAT boleh memaksimumkan penglibatan murid secara aktif.	Murid	3.63	0.506	Tinggi
KBAT melatih murid menyelesaikan masalah di dunia sebenar.		3.56	0.499	Tinggi
Purata Min		3.61	0.415	Tinggi
Guru bermotivasi untuk menghasilkan PdP yang lebih bermakna.		3.59	0.536	Tinggi
Guru memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan KBAT dalam PdP.	Guru	3.55	0.521	Tinggi
Kesediaan guru berhadapan dengan pelaksanaan KBAT.		3.49	0.563	Tinggi
Purata Min		3.54	0.463	Tinggi
Pembudayaan KBAT oleh pihak sekolah seperti susun atur bilik darjah yang berpusatkan murid.		3.57	0.498	Tinggi
KBAT digalakkan pelaksanaannya oleh pentadbir sekolah.	Sekolah	3.56	0.560	Tinggi
Penyediaan fasiliti sekolah yang memudahkan pelaksanaan KBAT seperti bilik khas PAK-21.		3.44	0.695	Tinggi
Purata Min		3.52	0.465	Tinggi
Purata Min Keseluruhan		3.56	0.404	Tinggi

Sumber: Soal Selidik Afiqah Nazri (2023)

Berdasarkan analisis daripada dapatan kajian, terdapat tiga faktor pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG iaitu faktor sekolah, faktor guru dan faktor murid. Dapatan ini selari dengan Zarina Rashid (2016) yang

menyatakan bahawa terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi aplikasi KBAT iaitu faktor pelajar, faktor sokongan kurikulum dan sekolah dan faktor guru.

Hasil analisis kajian ini mendapati faktor murid adalah faktor yang paling dominan dalam pelaksanaan KBAT dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPG berkenaan. Dapatan ini dilihat mempunyai persamaan dengan kajian Nazihah Fauzi (2018) yang menunjukkan para guru sangat bersetuju bahawa KBAT dapat menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif di kalangan murid, penglibatan murid dalam aktiviti PdP dan menggalakkan murid menyelesaikan masalah pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, ia menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islam di IPG berkenaan sangat mementingkan kemenjadian murid. Mereka mempunyai persepsi yang tinggi bahawa KBAT ini dapat memberi banyak kebaikan kepada anak didik mereka. Selain itu, faktor guru yang menjadi faktor kedua dominan dalam pelaksanaan KBAT. Dapatan ini selari dengan kajian Nazihah Fauzi (2018) yang menunjukkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh guru itu menjadi salah satu pendorong ia melaksanakan KBAT. Seterusnya, faktor sekolah yang juga mempengaruhi pelaksanaan KBAT tetapi tahap pengaruhnya itu rendah berbanding faktor murid dan guru. Dapatan ini dilihat mempunyai persamaan dengan kajian Nazihah Fauzi (2018) yang membuktikan sokongan daripada pihak sekolah dapat mempengaruhi pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah.

### **Kesimpulan, Cadangan dan Implikasi**

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tahap pengetahuan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG adalah di tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islam di IPG berkenaan mempunyai pengetahuan yang amat baik terhadap KBAT dan membuktikan bahawa mereka mengambil peduli tentang pelaksanaan dasar dalam sistem pendidikan negara. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan Pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG adalah di tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islam di IPG berkenaan menerapkan pengajaran yang berunsurkan KBAT semasa menjalani praktikum. Bagaimanapun, ia berada di tahap sederhana memuaskan yang mana masih perlu kepada peningkatan terutama dari segi alat berfikir bagi mencapai kepada tahap sangat memuaskan. Seterusnya, terdapat tiga faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di sebuah IPG iaitu faktor murid, faktor guru dan faktor sekolah.

Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang boleh ditambahbaik dalam kajian lanjutan akan datang. Antaranya, pengkaji mencadangkan agar pengkaji-pengkaji lain meluaskan lagi skop dan batasan kajian seperti semua pelajar di IPG berkenaan atau pelajar di semua IPG atau guru pelatih di Institut Pengajian Tinggi dan Swasta. Hal ini bagi membolehkan dapatan kajian yang diperoleh kelak mampu menerangkan situasi yang berlaku dengan lebih menyeluruh. Selain itu, mempelbagaikan instrumen kajian iaitu kaedah temu bual dan pemerhatian. Hal ini kerana kaedah-kaedah ini boleh menyokong dan mengukuhkan dapatan daripada responden yang mana ia akan menyumbang kepada dapatan kajian yang lebih jelas, tepat dan terperinci. Seterusnya, pengkaji mencadangkan supaya objektif ditambah iaitu mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan KBAT dengan tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPG tersebut. Penambahan ini dapat menjadikan kajian lebih menarik dan pasti mampu mengukuhkan lagi dapatan kajian dari sudut pengetahuan dan pelaksanaan terhadap KBAT.

Dapatan kajian ini dilihat dapat membantu pelajar Pendidikan Islam di IPG berkenaan untuk menilai dan melengkapkan diri mereka dengan persediaan yang lebih rapi. Ini kerana masih wujud ruang penambahbaikan. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada para pensyarah mengenai pengetahuan dan pelaksanaan KBAT dalam pedagogi semasa praktikum dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPG berkenaan. Dari situ, para pensyarah boleh mengambil pendekatan untuk mengukuhkan lagi pengetahuan dan pelaksanaan pelajar terhadap KBAT menerusi amalan pengajaran pensyarah itu sendiri. Seterusnya, kajian ini mampu memberikan input kepada pihak IPGM dalam merancang tindakan susulan. Pihak IPGM boleh merangka pelbagai program atau bengkel berkaitan KBAT bagi memantapkan pengetahuan dan pelaksanaan KBAT dalam kalangan pelajar IPG. Hal ini dilihat penting sebagai usaha berterusan untuk melahirkan murid KBAT.

Konklusinya, KBAT amat penting dalam menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21. Ia diberi penekanan kerana telah menjadi keutamaan oleh negara dalam mempersiapkan tenaga kerja mahir untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 yang mana negara mampu bersaing di peringkat dunia.

## Rujukan

- Abd Wahab Abd Hamid. (2021). Amalan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Pedalaman Sabah. *e-Prosiding IBIEAC* (pp. 75-85). Sabah: Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.
- Adnan Abd Rashid. (2014). Elemen Pemikiran Aras Tinggi Dalam Kurikulum Pendidikan Islam. *Persidangan Meja Bulat "Membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Malaysia.
- Ahmad Syafiq Yusof, Muhammad Talhah Ajmain & Sakinah Ab. Rahim. (2022). Tahap Penguasaan dan Hubungan antara Pengetahuan terhadap Kemahiran Pelaksanaan KBAT dengan Faktor Kesediaan dan Sikap Guru dalam Mengimplementasikan KBAT ketika Sesi PdP sebagai Moderator: Satu Kajian di Daerah Johor Bahru. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(2), 182-191.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Adenan Ayob & Zuraini Ramli. (2018). Pengamalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pedagogi Bahasa Melayu Berdasarkan Pengukuran CoRT. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 4(11), 134-150.
- Desy Pusparini, Suparno & Teguh Sarosa. (2020). Teacher's Knowledge About Higher-Order Thinking Skills and Its Implementation in Tecahing Reading. *Jurnal Edulingua*, 7(2), 76-84.
- Hazram Ismail, N. N. (2020). Pengintegrasian KBAT dalam Pengajaran Matematik semasa Praktikum dalam Kalangan Bakal Guru Sekolah Rendah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 80-89.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Ahmad Marzuki Mohamad. (2020). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Menurut Ibnu Khaldun dalam Konteks Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 146-155.
- Nani Herlin Jamin, S. S. (2022). Model Pengukuran Konstruk Pengetahuan Guru dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Analisis Faktor Pengesahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1-18.
- Nazihah Mohd Fauzi. (2018). *Persepsi dan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam, Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat, Selangor*. Universiti Malaya.
- Nooriza Kassim, Effandi Zakaria (2015). Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru. *Prosiding Seminar Education Graduate Regional Conference (EGRC 2015)* (pp. 60-66). Bangi: Penerbit Unimed Pres .
- Nur Farzana Abdul Mutalib, Nor Aziah Abd Aziz, Fauziah Hanim Mohd Yusof. (2023). Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mempengaruhi Kekerapan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu. *International Conference of Research on Language Education 2023*. Melaka: Zes Rokman Resources. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/82075/1/82075.pdf>
- NurSafra Mohd Zhaffar, M. S. (2021). *Kajian Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)*. Selangor: Unit Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan Islam.

- Phang Chi Lick & Mohd Mahzan Awang. (2020). Pencapaian Malaysia dalam Programme for International Student Assessment (PISA). *International Conference On Education, Technology & Humanities 2020* (pp. 281-292). Perak: ANP Resources.
- Vikneswaran M. Gunahlan, & Z. (2018). Mastering the Basic Content Knowledge in Higher Order Thinking Skills Among Teachers in Malaysia in Teaching and Learning Process. *Proceeding of the 2nd URICES* (pp. 480-484). Pekan baru, Indonesia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- YM Raja Abdullah Raja Ismail, D. I. (2018). Aplikasi 'Konsep 4c' Pembelajaran Abad ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 45-63.
- Zarina Abd Rashid. (2016). *Tahap Kesiediaan Guru dalam Aspek Pengetahuan dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Zulhelmi Zulkpli, Mohini Mohamed, Abdul Halim Abdullah. (2017). Assessing Mathematics Teachers' Knowledge in Teaching Thinking Skills. *Sains Humanika*, 83-87.

# KAEDAH BERMAIN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN GURU PELATIH INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) ZON UTARA

Nurul Afiqah Azizul Rahman<sup>1</sup> & Noraziah Ahmad Nadzim<sup>1</sup>

Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral<sup>1</sup>

afiqah05-457@epembelajaran.edu.my<sup>1</sup>

## ABSTRAK

Masalah dalam bilik darjah seperti murid tidak fokus, sukar fahami isi pembelajaran dan tiada motivasi untuk belajar kerap dihadapi oleh guru. Guru perlu bijak menangani masalah tersebut agar dapat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan berkesan. Antara inisiatif yang boleh digunakan adalah mengaplikasikan kaedah bermain dalam aktiviti PdP. Kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengkaji kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam PISMP Ambilan Jun 2020 di Institut Pendidikan Guru Zon Utara. Ia bertujuan untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan kaedah bermain, tahap penglibatan murid terhadap kaedah bermain dan kesan kaedah bermain dalam meningkatkan motivasi murid. Responden kajian ini terdiri daripada guru pelatih Pendidikan Islam PISMP Ambilan Jun 2020 di Institut Pendidikan Guru Zon Utara. Seramai 175 orang guru pelatih telah menjawab soal selidik yang diberikan secara atas talian. Hasil kajian telah dikumpul secara kuantitatif. Perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 26 digunakan untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Keputusan kajian ini menunjukkan kaedah bermain merupakan kaedah pengajaran yang sangat efektif bagi setiap guru dalam menjalankan PdP Pendidikan Islam dengan berkesan kerana hasil interpretasi data skor min bagi tahap pelaksanaan kaedah bermain dalam PdP adalah tinggi iaitu 4.41, tahap penglibatan murid terhadap kaedah bermain pada tahap tahap tinggi iaitu 4.61 dan kesan kaedah bermain dalam meningkatkan motivasi murid juga pada tahap tinggi iaitu 4.62. Dengan kajian ini, dapat kita lihat kaedah bermain dalam PdP Pendidikan Islam dapat membantu guru dengan efektif bagi menangani masalah-malasan yang dihadapi dan meningkatkan motivasi murid dalam PdP.

**Kata Kunci:** Kaedah bermain, kesan kaedah bermain, Pendidikan Islam, guru pelatih, zon utara

قاعده برماين دالم فعاجرن دان فمبلاجرن (في.دي.في) فنديدين اسلام دالم كالغن  
كورو فلاتيه اي.في.جي زون اوتارا

نور الأفيقة عزيز الرحمن، دوكتور نورعزیه أحمد نظيم  
جابتن فنديدين اسلام دان مورل، اي.في.جي.كي.تي.بي  
afiqah05-457@epembelajaran.edu.my

## ابستزک

مسئله دالم بيليق درجه سقرتي موريد تيدق فوکوس، سوکر فهمي ايسي فمبلاجرن دان تياد موتيواسي اونتوق بلاجر فرلوب دتاغني اکر دافت منجالنکن اکتیویتي فعاجرن دان فمبلاجرن (في.دي.في) دغن برکسن. انتارا اينيسياتيف يث بوليه دکوناکن اداله معافليکسيکن قاعده برماين دالم اکتیویتي في.دي.في. کاجين تينجاوان اين دجالنکن اونتوق معکاجي قاعده برماين دالم في.دي.في فنديديقن اسلام دالم کالغن کورو فلاتيه فنديديقن اسلام في.اي.ايس.ايم.في اميلن جون 2020 داینستيتوت فنديديقن کورو زون اوتارا. اي برتوجوان اونتوق مغنلقستي تاهف فلقسانان قاعده برماين، تاهف فغليتن موريد ترهادف قاعده برماين دان کسن قاعدان برماين دالم منيکتکن موتيواسي موريد. ريسفوندن کاجين اين ترديري درقد کورو فلاتيه فنديديقن اسلام في.اي.ايس.ايم.في اميلن جون 2020 داینستيتوت فنديديقن کورو زون اوتارا. سراما 175 اورغ کورو فلاتيه تله منجواب سوال سلیديق يث دبريکن سجارا اتس تالين. حاصليل داتا کاجين تله دکومقول سجارا کوانتيتايف. فرايسين Statistical Package For Social Science (ايس.في.ايس) ورسى 26 دکوناکن اونتوق منداقتکن ککرفن، فراتوس، مين دان سيسيهن فياواي. کشتوسن کاجين اين منونجوکن قاعده برماين مروفاکن قاعده فعاجرن يث ساغت اينفيکتيف باکي ستياف کورو دالم في.دي.في فنديديقن اسلام دغن برکسن کران حاصليل انزفريستاسي داتا سکور مين باکي تاهف فلقسانان قاعده برماين دالم في.دي.في اداله تيغکي ايايت 4.41، تاهف فغليتن موريد ترهادف قاعده برماين قد تاهف تيغکي ياي 4.61 دان کسن قاعده برماين دالم منيکتکن موتيواسي موريد جوک قد تاهف تيغکي ياي 4.62. دغن کاجين اين، دافت کيت ليهت قاعده برماين دالم في.دي.في فنديديقن اسلام دافت ممبتو کورو دغن اينفيکتيف باکي مناغني مسئله ۲ دهادفي دان منيکتکن موتيواسي موريد دالم في.دي.في.

**کات کوپچي:** قاعده برماين، کسن قاعده برماين، فنديديقن اسلام، کورو فلاتيه، زون اوتارا




## Pengenalan

Pendidikan Islam adalah penting untuk memastikan murid mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa supaya mereka tidak menyimpang dari asas-asas nilai-nilai etika dan rohani (Nik Rosila Nik Yaacob, 2007). Melalui aktiviti Pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dapat membantu murid untuk belajar Pendidikan Islam dengan efektif tanpa mengalami tekanan yang menyebabkan murid menghadapi kesukaran untuk memahami isi pembelajaran dengan mudah. Guru mestilah bijak memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kognitif murid bagi menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Hal ini penting bagi memastikan setiap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan berkesan dan mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Menurut Zaidatul Akmar Zahari dan Khadijah Abdul Razak (2020), keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan. Oleh itu, kaedah bermain merupakan kaedah yang sangat membantu guru dalam PdP Pendidikan Islam bagi menjalankan PdP yang berkesan sekaligus dapat menangani masalah murid seperti bosan, tidak berminat, malas, sukar memahami isi pembelajaran dan lain-lain.

### Rajah 1

Ringkasan teori konstruktivisme sosial oleh Vygotsky.



Berdasarkan rajah 1 diatas, teori ini berkait dengan kajian iaitu kaedah bermain merupakan aktiviti bermain kognitif dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan secara koperatif. Kaedah bermain menjadikan murid belajar melalui bermain yang dijalankan dalam bentuk koperatif atau secara berkumpulan. Menurut Vygotsky, perkembangan konsep kanak-kanak berlaku secara sistematik, logikal serta rasional dengan bantuan dan bimbingan verbal orang lain (Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Syarifah Fakhriah Syed Ahmad, 2017). Oleh itu, melalui kaedah bermain murid yang lemah menguasai pembelajaran dapat menjalankan tugas yang diberikan dengan mudah kerana mendapat bimbingan daripada rakan dan guru. Secara tidak langsung, kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan islam bagi guru pelatih dapat menjelaskan kepada orang ramai tentang kaedah bermain dapat membantu guru dan guru pelatih dalam menangani masalah semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Konsep Zone of Proximal Development (ZPD) yang diperkenalkan oleh Vygotsky menyatakan bahawa proses pembelajaran kanak-kanak adalah dibantu oleh orang lain yang lebih berpengetahuan (Jaslinah, 2014). Zon perkembangan terdekat iaitu Zon of Proximal Development (ZPD) merujuk tugas pembelajaran yang sukar dilakukan sendiri oleh murid , tetapi dapat menguasainya dengan bimbingan orang lain yang lebih mahir (Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Syarifah Fakhriah Syed Ahmad, 2017). Sekiranya murid dapat melakukannya sendiri, isi pelajaran tersebut dikatakan berada pada zon aras bawah jika zon aras atas murid tidak dapat kuasai isi pelajaran walaupun dengan bimbingan orang lain dan sekiranya jika murid dapat menguasai tugas dengan bimbingan orang lain, tugas tersebut berada dalam ZPD (Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Syarifah Fakhriah Syed Ahmad, 2017). Bukan itu sahaja, isi pelajaran yang berada di luar zon aras bawah bermakna tidak berlaku pembelajaran kerana murid sudah menguasai isi pelajaran jika isi pelajaran yang berada di luar zon aras atas bermakna tidak akan dapat dikuasai murid walaupun dengan bimbingan orang lain. Contohnya, jika murid belum mengenali dan menguasai huruf hijaiyah dengan baik maka murid tidak dapat belajar suku kata dengan baik. Hal ini kerana, huruf hijaiyah perlu ada dalam struktur kognitif murid untuk mempelajari suku kata bagi membina perkataan.

## **Pernyataan Masalah**

Dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam setiap guru akan menghadapi pelbagai masalah tentang murid. Hal ini kerana setiap murid mempunyai berbezaan mereka yang tersendiri. Contohnya, murid tidak fokus, bosan, tidak berminat, kurang fahami isi pembelajaran kerana mempunyai tahap kognitif yang berbeza dan lain-lain lagi. Dalam kajian lalu yang dijalankan oleh Abu Bakar, Zaini, Abdul Rahim, Reduan, Norfaizatul Suhana dan Hasni (2019), murid-murid bermasalah dalam pembelajaran memerlukan pendekatan yang berbeza dalam pengajaran, sekali gus dapat mencapai prestasi yang memuaskan bagi setiap komponen dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, murid tersebut mempunyai tahap kognitif yang berbeza yang menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk melibatkan diri mereka semasa proses PdP. Bahkan, murid yang tidak aktif dan tidak melibatkan diri menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sukar untuk mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Menurut Abu Bakar, Zaini, Abdul Rahim, Reduan, Norfaizatul Suhana dan Hasni (2019), murid-murid bermasalah pembelajaran memerlukan satu kaedah yang menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih efektif. Dalam kajian tersebut, pengkaji menggunakan kaedah bermain sebagai salah satu inisiatif bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, dapat dilihat dengan jelas guru perlu mengubah kaedah pengajaran yang bersesuaian untuk menarik minat dan meningkatkan motivasi murid seperti mengaplikasikan kaedah pengajaran bermain semasa pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah bermain dapat diaplikasikan pada pelbagai peringkat umur. Berdasarkan isu yang dikemukakan, kajian sebelum ini lebih mengfokuskan kaedah bermain dalam mata pelajaran selain daripada Pendidikan Islam kecuali dalam bidang Al-quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini kepada Guru pelatih yang telah menjalani praktikum Fasa 1 pada 8 Ogos 2022 hingga 4 November 2022 tentang kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bagi menangani masalah yang dihadapi seperti murid bermasalah, tidak aktif, kurang berminat dan lain-lain lagi. pengkaji menjalankan kajian tinjauan mengenai kaedah bermain dalam PdP Pendidikan Islam kepada Guru Pelatih Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Zon Utara Ambilan Jun 2020. Bukan itu sahaja, pengkaji juga telah mendapati kurangnya kajian yang telah menyiasat tentang kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

## **Objektif dan Soalan Kajian**

Objektif umum bagi kajian ini ialah mengenalpasti kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Objektif khusus yang ingin dicapai dalam kajian ialah:

1. Mengenalpasti tahap pelaksanaan kaedah bermain dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam.
2. Mengenalpasti tahap penglibatan murid terhadap kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.
3. Mengenalpasti kesan kaedah bermain dalam meningkatkan motivasi murid.

## **Soalan Kajian**

1. Apakah tahap pelaksanaan kaedah bermain dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam?
2. Apakah tahap penglibatan murid terhadap kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?
3. Apakah kesan kaedah bermain dalam meningkatkan motivasi murid?

## **Metodologi Kajian**

Menurut Campbell (2018), reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi. Pengkaji memilih untuk menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara pendekatan kuantitatif kerana ia merupakan reka bentuk yang amat sesuai untuk mencapai objektif kajian.

Selain itu, reka bentuk kajian tinjauan ini secara kuantitatif mendapat maklumat atau data daripada responden yang menjawab soal selidik yang disediakan dengan mudah kerana responden hanya memilih satu jawapan sahaja daripada jawapan yang disediakan. Dengan ini maklumat dan data akan mudah dianalisa untuk mendapat maklumat yang tepat.

Seterusnya, menurut Kerlinger (1973), persampelan adalah mengambil sebahagian pecahan daripada satu populasi untuk dijadikan perwakilan populasi. Persampelan merupakan satu perkara penting dalam penyelidikan. Data dikumpul daripada sampel yang dipilih daripada populasi yang telah ditentukan. Populasi bagi kajian ini ialah guru pelatih Pendidikan Islam Ambilan Jun 2020 Institut Pendidikan Guru di Kawasan Zon Utara yang terdiri daripada Institut Pendidikan Guru Kampus A seramai 102 orang, Institut Pendidikan Guru Kampus B seramai 122 orang, Institut Pendidikan Guru Kampus C seramai 99 orang. Jumlah bilangan populasi yang

dipilih ialah seramai 323. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan prosedur persampelan berkelompok. Sampel yang dipilih bagi kajian ini ialah seramai 175 orang guru pelatih Pendidikan Islam Ambilan Jun 2020 Institut Pendidikan Guru di Kawasan Zon Utara mengikut penentuan saiz sampel berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970).

Instrument kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik melalui aplikasi *Google Form*. Ia dibina mengikut kesesuaian maklumat yang diperlukan dalam kajian. Pengkaji menyediakan soalan jenis soal selidik berbentuk tertutup. Selain itu, soalan soal selidik yang disediakan merupakan soalan yang berstruktur dan responden hanya perlu memilih satu jawapan sahaja pada setiap soalan yang disediakan. Lampiran soal selidik mengandungi empat bahagian. Bahagian A untuk maklumat demografi responden manakala bahagian B, C dan D disediakan untuk mencapai objektif kajian. Soal selidik ini dibina supaya responden menjawab menggunakan skala likert 5 mata iaitu skala 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 tidak pasti, 4 setuju dan 5 sangat setuju. Skala likert ini terdapat pada item soal selidik bahagian B, C, dan D. Hal ini supaya responden mudah dijawab dan tidak mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan.

Disamping itu, terdapat beberapa jenis kesahan yang perlu diambil kira dalam sesuatu kajian. Namun, pengkaji menerapkan dalam kajian ini jenis kesahan kandungan. Menurut Chua Yan Piaw (2014), kesahan kandungan ialah sejauh mana pengukuran yang dibuat mewakili kandungan yang diukur. Item soal selidik yang dibina mempengaruhi pencapaian objektif kajian yang ditetapkan agar dapat menjamin kesahan. Oleh itu, item soal selidik meliputi kesemua objektif kajian supaya sah. Bukan itu sahaja, soal selidik yang disediakan oleh pengkaji perlu disemak oleh pensyarah pakar bidang, pensyarah penyelia dan lain-lain lagi agar kandungan soal selidik tepat dan kesesuaian soalan kajian.

Bukan itu sahaja, menurut Chua Yan Piaw (2014), kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran (Azizi Ahmad, 2010). Dengan ini, jelaslah bahawa sesuatu instrumen itu akan mendapat skor yang sama walaupun diukur berulang kali dengan instrumen yang sama. Kebolehpercayaan kajian dapat diukur berdasarkan Alpha Cronbach (1946). Indeks kebolehpercayaan setiap konstruk di dalam soal selidik diperolehi daripada Nilai Cronbach Alpha. Item soal selidik yang diuji menunjukkan nilai melebihi 0.6 maka item soal selidik itu berada pada tahap yang baik dan sesuai untuk kajian yang sebenar. Nilai Alpha Cronbach yang kurang dari

0.60 tidak boleh diterima, nilai di antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima dan nilai yang melebihi 0.80 adalah baik serta boleh digunakan (Sekaran, 1992).

Pengkaji menjalankan kajian rintis kepada 30 daripada 96 orang guru pelatih Pendidikan Islam Ambilan Jun 2020 di IPG Kampus Pendidikan Islam sebagai responden. Hal ini kerana, mereka juga mempunyai latar belakang dan kriteria yang sama seperti populasi dan sampel kajian sebenar. Namun, hal yang membezakannya hanya Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam tidak terletak di zon utara tetapi di Zon Tengah. Dengan adanya kajian rintis ia dapat menjamin kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hasil kajian rintis mendapati nilai Alpha Cronbach bagi bahagian B ialah 0.887 pada tahap kebolehpercayaan baik dan boleh diterima, bahagian C ialah 0.822 pada tahap kebolehpercayaan baik dan boleh diterima dan bahagian D ialah 0.932 pada tahap kebolehpercayaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi. Dengan ini, pengkaji dapat menjalankan kajian sebenar menggunakan instrumen kajian yang telah dibina kepada responden kajian sebenar.

Prosedur pengumpulan data dilakukan supaya berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dan dapatan kajian yang diperolehi telus. Prosedur ini dimulai dengan pengkaji membuat semakan tajuk, objektif kajian, soalan kajian dengan pensyarah penyelia. Seterusnya, pengkaji membina item soalan kajian kemudian semakan dan kesahan pakar. Setelah mendapat kelulusan, pengkaji menjalankan kajian rintis. Prosedur pengumpulan data dijalankan secara soal selidik menggunakan aplikasi *Google Form* untuk mendapatkan data secara kuantitatif. Selepas itu, pengkaji menjalankan kajian sebenar dengan menyebarkan pautan borang soal selidik kepada responden.

Data diperolehi daripada borang soal selidik. Data tersebut dianalisis untuk menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan. Pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 26. Dengan menggunakan SPSS ia dapat menjamin kejituan dapatan kajian dan tidak berlaku ralat semasa pengiraan data. Hasil analisis dinyatakan dalam bentuk jadual. Dapatan kajian bahagian A (Maklumat Demografi responden) telah dianalisis menggunakan kekerapan dan peratus manakala dapatan kajian bahagian B,C dan D dianalisis dengan menggunakan nilai skor min dan sisihan piawai.

## Dapatan dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian dipaparkankan menggunakan jadual dan rajah serta penghuraian yang jelas dan terperinci supaya mudah difahami. Penyelidik menganalisis data secara analisis deskriptif dengan menumpukan huraian tentang latar belakang responden melalui bahagian demografi responden seperti jantina dan tempat belajar. Selain itu, penyelidik juga menghuraikan analisis menggunakan data tersebut mengikut soalan kajian seperti dibawah:

1. Apakah tahap pelaksanaan kaedah bermain dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam?
2. Apakah tahap penglibatan murid terhadap kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?
3. Apakah kesan kaedah bermain dalam meningkatkan motivasi murid?

### Jadual 1

Taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan jantina responden.

Jantina	Kekerapan (f)	Peratusan(%)
Lelaki	81	46.3
Perempuan	94	53.7
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual 1 diatas telah menunjukkan maklumat mengenai jantina responden mengikut taburan kekerapan dan peratusan. Hasil data yang diperolehi seramai 81 orang (46.3%) merupakan responden jantina lelaki manakala 94 orang (53.7%) terdiri daripada responden jantina perempuan. Dapatan ini menunjukkan responden perempuan merupakan responden terbanyak dalam kajian ini.

### Jadual 2

Taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan tempat belajar responden.

Tempat Belajar	Kekerapan (f)	Peratusan(%)
IPGK A	62	35.4
IPGK B	46	26.3
IPGK C	67	38.3
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual 2 diatas, menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan mengikut tempat belajar responden. Sebanyak 35.4% responden kajian ( $f=62$ ) terdiri daripada IPGK A, 26.3% responden kajian ( $f=46$ ) terdiri daripada IPGK B dan 38.3% responden kajian ( $f=67$ ) terdiri daripada IPGK C. Dapatan ini menjelaskan bahawa responden daripada IPGK Tuanku Bainun merupakan responden teramai dalam kajian ini.

### Jadual 3

Tahap pelaksanaan kaedah bermain dalam kalangan guru pelatih Pendidikan islam.

Item	Pernyataan	Min	SP	Interprestasi
B01	Saya menjalankan kaedah bermain sekurang-kurangnya sekali seminggu.	3.63	1.53	Sederhana Tinggi
B02	Saya menyediakan bahan bantu mengajar seperti kad manila, kertas dan pen penanda (marker).	4.62	0.60	Tinggi
B03	Saya mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) seperti slaid sebagai bahan bantu mengajar.	4.55	0.60	Tinggi
B04	Saya mengaplikasikan kaedah bermain secara berpusatkan murid.	4.65	0.50	Tinggi
B05	Saya mengaplikasikan kaedah bermain secara berkumpulan.	4.64	0.52	Tinggi
B06	Saya menentukan kriteria kumpulan murid dalam pelaksanaan kaedah bermain.	4.37	0.78	Tinggi
B07	Saya memastikan penglibatan murid sama rata dalam pelaksanaan kaedah bermain.	4.55	0.55	Tinggi
B08	Saya merancang penggunaan masa yang optimum dalam pelaksanaan kaedah bermain.	4.52	0.59	Tinggi
B09	Saya merancang penggunaan ruang yang optimum dalam pelaksanaan kaedah bermain.	4.53	0.59	Tinggi
B10	Saya memberi bimbingan kepada murid dalam pelaksanaan kaedah bermain.	4.63	0.52	Tinggi
B11	Saya menjelaskan objektif pengajaran sebelum pelaksanaan kaedah bermain.	3.74	1.35	Sederhana Tinggi
B12	Saya sentiasa menggalakkan perkongsian maklumat antara ahli kumpulan.	4.50	0.67	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>		4.41	0.42	Tinggi

Setelah melakukan proses analisis, pengkaji berjaya mencapai objektif kajian dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, dapatan kajian mendapati hasil interprestasi skor min semua item bahagian B pada tahap tinggi kecuali item B11 dan B01



mempunyai interpretasi skor min pada tahap sederhana tinggi. Hal ini telah menunjukkan tahap pelaksanaan kaedah bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih IPG Zon Utara pada tahap yang tinggi kerana memperolehi nilai min secara keseluruhannya sebanyak 4.41 dan sisihan piawai 0.42.

Terdapat item yang memperolehi nilai skor min pada tahap paling tinggi iaitu item B04 “Saya mengaplikasikan kaedah bermain secara berpusatkan murid.” iaitu min sebanyak 4.65 manakala sisihan piawai 0.50. Dapatan item ini selari dengan kajian lalu dapatan Aliza dan Zamri (2013) serta Sharifah Nor Puteh (2012) yang mengatakan pengajaran berpusatkan murid amat sesuai digunakan dalam pendekatan pengajaran di sekolah kerana daya ingin tahu murid adalah tinggi. Hal ini kerana, pengajaran berpusatkan murid dapat mendorong murid untuk keluar dari zon selesa untuk mencuba sesuatu yang baharu seperti mengaktifkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Pandangan KPM (2010, 2012) yang mengatakan pendekatan pengajaran berpusatkan murid mampu menyediakan peluang untuk meneroka sesuatu topik dengan cara yang lebih mendalam, lebih banyak pilihan, memberi motivasi untuk kepuasan murid dan pengawasan murid juga lebih mudah dan terkawal. Guru akan bertindak sebagai fasilitator bagi membantu murid menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan betul. Dengan ini tidak dinafikan lagi kaedah bermain secara berpusatkan murid amat membantu guru dalam menjadikan murid dapat belajar meneroka sesuatu yang baharu dengan sendiri tanpa rasa tertekan.

#### Jadual 4

Tahap penglibatan murid terhadap kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Item	Pernyataan	Min	SP	Interprestasi
C01	Murid dapat berinteraksi dua hala sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.	4.60	0.54	Tinggi
C02	Murid dapat berinteraksi dalam kalangan ahli kumpulan sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.	4.64	0.50	Tinggi
C03	Murid aktif sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.	4.68	0.50	Tinggi
C04	Murid bersemangat sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.	4.74	0.45	Tinggi
C05	Murid menumpukan sepenuh perhatian sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.	4.47	0.69	Tinggi

C06	Murid suka menjawab soalan sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.	4.58	0.58	Tinggi
C07	Murid menunjukkan daya usaha dalam aktiviti sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.	4.62	0.56	Tinggi
C08	Murid dapat memberi kerjasama untuk menjayakan aktiviti sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.	4.56	0.60	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		4.610	0.40	Tinggi

Jadual diatas merupakan hasil analisis deskriptif tentang tahap penglibatan murid terhadap kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hasil statistik yang diperolehi interprestasi skor min pada semua item soalan bahagian ini pada tahap tinggi. Selain itu, pengkaji memaparkan hasil dapatan kajian dengan menyenaraikan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai bagi setiap item. Min keseluruhan yang diperolehi adalah pada tahap tinggi iaitu 4.610 manakala sisihan piawai adalah 0.400. Oleh itu, hasil skor min keseluruhan ini menunjukkan responden bersetuju dengan semua pernyataan item yang dibina oleh pengkaji.

Hasil dapatan interprestasi skor min paling tinggi pada item C04 “Murid bersemangat sekiranya guru pelatih menggunakan kaedah bermain.” Dengan min sebanyak 4.74 dan nilai sisihan piawai 0.454. selari dengan kajian yang ditulis oleh Chew Fong Peng dan Mohd Fikri Ismail (2020), item “Murid lebih bersemangat untuk belajar apabila saya menggunakan pendekatan bermain” dengan nilai min 4.50. Kedua-dua dapatan menunjukkan interprestasi skor min berada pada tahap tinggi. Hal ini kerana, kaedah bermain merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh guru untuk menarik minat murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. secara tidak langsung murid akan bertindak untuk mengaktifkan diri bagi melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan oleh guru. Respon ini memberi kesan yang positif dalam peningkatan tahap pengetahuan dan kognitif murid. Menurut Chew Fong Peng dan Mohd Fikri Ismail (2020), kaedah bermain antara guru dengan kanak-kanak menyediakan persekitaran yang semula jadi dalam membantu perkembangan kanak-kanak. Murid dapat belajar tanpa tekanan malah seronok menjalani pembelajaran dengan menggunakan kaedah bermain.

### **Jadual 5**

Kesan kaedah bermain dalam meningkatkan motivasi murid.

Ite m	Pernyataan	Min	SP	Interprestasi
----------	------------	-----	----	---------------

Kaedah bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam meningkatkan motivasi murid kerana dapat .....				
D0 1	menambah pengetahuan murid bersama rakan untuk menjayakan aktiviti.	4.68	0.53	Tinggi
D0 2	menarik minat murid bersama rakan untuk menjayakan aktiviti.	4.59	0.56	Tinggi
D0 3	meningkatkan keyakinan diri murid.	4.59	0.61	Tinggi
D0 4	menguasai kemahiran menyelesaikan masalah.	4.60	0.60	Tinggi
D0 5	mengasah kemahiran sosial.	4.66	0.54	Tinggi
D0 6	menunjukkan bakat yang dimiliki.	4.60	0.61	Tinggi
D0 7	meningkatkan perkembangan kognitif.	4.66	0.54	Tinggi
D0 8	mencipta sesuatu yang baharu.	4.59	0.64	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>		4.62	0.47	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga. Semua item memperolehi nilai min pada tahap yang tinggi. Oleh itu, min keseluruhan bagi bahagian ini ialah sebanyak 4.62 yang menunjukkan kesan kaedah bermain dalam meningkatkan motivasi murid pada tahap tinggi. Semua responden turut bersetuju bahawa kaedah bermain dapat memberi kesan dalam meningkatkan motivasi murid.

D01 “Kaedah bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam meningkatkan motivasi murid kerana dapat menambah pengetahuan murid bersama rakan untuk menjayakan aktiviti.” Dengan nilai min sebanyak 4.68 dan sisihan piawai sebanyak 0.53. selari dengan dapatan kajian lalu yang ditulis oleh Rahimah Wahid (2020), yang mengatakan pembelajaran berasaskan permainan dapat menambahkan pengetahuan semasa berasaskan sekolah dengan nilai min 4.44. menurut Morrison (2011), aktiviti bermain dianggap penting kerana melalui bermain murid membina pengetahuan. Melalui bermain murid dapat memahami isi pembelajaran yang sukar difahami melalui pembelajaran secara tradisional seperti kaedah pembelajaran *chalk and talk* kerana mereka diberi mempunyai peluang yang terhad malah dengan kaedah bermain mereka diberi peluang untuk meneroka ilmu dengan bebas tanpa tekanan. Oleh itu, kaedah bermain membantu meningkatkan motivasi dalam meningkatkan pengetahuan murid.

## **Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan**

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini dapat mencapai objektif kajian dan menjawab kesemua persoalan kajian yang telah ditetapkan. Selain itu, dapatan kajian dapat membuktikan kepada pembaca bahawa dengan mengaplikasikan kaedah bermain dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru untuk mengatasi masalah-masalah semasa proses Pengajaran dan pembelajaran berlangsung malah ia dapat meningkatkan keberkesanan aktiviti pengajaran. Bukan itu sahaja, melalui kaedah bermain dapat melahirkan guru pendidikan islam yang kreatif dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan sesuai untuk digunakan kepada semua murid.

Implikasi kajian daripada hasil dapatan yang diperolehi dapat meluaskan pengetahuan guru dan guru pelatih tentang kaedah bermain terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam. Hal ini kerana, sebahagian guru dan guru pelatih tidak yakin untuk menggunakan kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran disebabkan oleh kurang pengetahuan tentang kaedah bermain. Melalui dapatan kajian ini, mereka dapat mengetahui tahap pelaksanaan kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, tahap penglibatan murid terhadap kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan kesan kaedah bermain dalam meningkatkan motivasi murid. Oleh itu, pengkaji dapat meyakinkan pembaca terutamanya guru dan guru pelatih pendidikan islam untuk mengaplikasikan kaedah bermain dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan mengaplikasikan kaedah bermain.

Cadangan setelah menjalankan kajian, Setelah menjalankan kajian, pengkaji dapat melihat beberapa cadangan penambahbaikan yang perlu ditingkatkan bagi menambah mutu bagi kajian lanjutan. Pertama, pengkaji mencadangkan agar pengkaji kajian lanjutan memperluaskan skop kajian ini kepada guru pendidikan islam. Hal ini kerana, mereka mempunyai pengalaman yang meluas dalam merancang serta menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, dapatan kajian kaedah bermain dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam dapat diketahui dengan lebih tepat terutamanya melalui tahap pelaksanaan, tahap penglibatan murid dan pelbagai kesan yang diperolehi. Kedua, pengkaji mencadangkan pengkaji kajian lanjutan agar menjalankan kajian ini kepada guru pelatih IPG di kawasan zon-zon yang lain seperti Timur, Tengah, Selatan, Sabah Dan Sarawak. Dapatan kajian yang akan diperolehi akan lebih tepat kerana mempunyai bilangan responden yang lebih ramai. Oleh itu, pembaca dapat meluaskan

pengetahuan mereka tentang kaedah bermain yang dikuasai oleh guru pelatih di seluruh IPG di Malaysia.

## Rujukan

- Akmar Zahari, Z., & Abdul Razak, K. (2020). Pendekatan Kaedah Konstruktivisme Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020)- Dalam Talian*, 5(2020), 1257–1269.
- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bond T. G., & Fox C.M. (2015). *Applying The Rasch Model: Fundamental Measurement In The Human Sciences* (Edisi Ke-3). Lawrence Erlbaum.
- Campbell, M. (2018). Postmodernism and Educational Research. *Open Journal of Social Sciences*, 06(07), 67–73. <https://doi.org/10.4236/jss.2018.67006>
- Jaslinah. (2014). Perkembangan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Melalui Bermain: Satu Kajian Kes Di Sebuah Prasekolah. *Jurnal Penyelidikan Ken*, 12, 82–101.
- Kean Hua, A. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(2), 17–24.
- Kerlinger. (1973). *Review of research in education*. Peacock.
- Krejcie, & Morgan. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Malaysia, K. P. (2012). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mok Soon Sang. (2010). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan* (Edisi Ke-3). Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Morrison. (2011). *Fundamental of early childhood education*. Englewood Cliffs,.
- Nik Yaacob, N. R. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Dan Pendidikan*, 22, 161–172.
- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah Penyelidikan* (Edisi Ketiga). Mc-Graw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Peng, C. F., & Ismail, M. F. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 14–25.
- Puteh, S. N., & Ali, A. (2011). Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Dan Literasi Bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1–15.
- Puteh, S. N., Aliza, & Zamri. (2012). Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi Bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Bahasa Melayu*, 1(2), 1–16.
- Rashid, N. A., Pong Ying Boon, & Syed Ahmad, S. F. (2017). *Murid dan Pembelajaran*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach* (Edisi Ke-2). John Wiley & Sons Ltd.
- Wahid, R. (2020). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Education and Social Sciences*, 16(1), 9–13.
- Yusuf, A. B., Abdullah, Z., Razali, A. R., Jaffar, R., Abdullah Zawawi, N. S., & Othman, H. (2019). Kaedah Belajar Melalui Bermain Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Terhadap Murid-Murid Bermasalah Pembelajaran. *Konferensi Internasional Pendidikan Khusus Wilayah Asia Tenggara Seri Ke-7 2019*, 107, 718–730.
- Yusuf, A. B., Abdullah, Z., Razali, A. R., Jaaafar, R., Abdullah Zawawi, N. S., & Othman, H. (2019). Kaedah Belajar Melalui Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Terhadap Murid-Murid Bermasalah Pembelajaran. *Konferensi Internasional Pendidikan Khusus Wilayah Asia Tenggara*, 9, 713–724.

# KAJIAN PENGGUNAAN LAMAN DIGITAL PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS (IPGK)

Muhamad Ilya Faris<sup>1</sup> & Sa'anah Edi<sup>2</sup>

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

[ilyafaris01@gmail.com](mailto:ilyafaris01@gmail.com)<sup>1</sup>

## Abstrak

*Kajian ini mengkaji tentang tahap, faktor dan faedah penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam (GPPI) di sebuah IPGK. Seramai 143 responden mengambil bahagian dalam kajian ini yang terdiri daripada GPPI. Analisis adalah berbentuk data kuantitatif yang akan dilaporkan secara statistik deskriptif berdasarkan, min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian menemukan bahawa majoriti GPPI mempunyai pengetahuan dan pengalaman menggunakan laman digital Pendidikan Islam malah penggunaan tersebut adalah bertujuan menyiapkan tugas kursus dan juga menjadi alternatif pembelajaran sendiri. Selain itu, faktor yang mempengaruhi penggunaan iaitu kemudahan akses dan isi kandungan turut mencatat skor min yang tinggi (min=4.53). Malah dapatan bagi faedah penggunaan laman digital Pendidikan Islam dari sudut pembelajaran sendiri dan sebagai sumber maklumat juga mencatatkan skor min yang tinggi (min=4.54). Implikasinya, tahap penggunaan laman digital Pendidikan Islam dapat ditingkatkan dengan adanya akses mudah dan kualiti maklumat yang variatif agar lebih banyak faedah dapat diperolehi GPPI. Bagi kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan agar saiz populasi diperluaskan kepada guru pelatih bagi IPG mengikut zon malah instrumen kajian juga boleh dipelbagaikan pada kajian lanjutan.*

**Kata Kunci:** Laman digital Pendidikan Islam, GPPI, Tahap Penggunaan, Faktor, Faedah

كاجين فغكونان لامن ديكيئل فندييقن إسلام دالم كالغن كورو فلاتيه فندييقن إسلام د سبواه

اينستيتوت فندييقن كورو كمفوس

محمد عليا فارس، سأنه بنت ايدي

جابتن فندييقن إسلام دان مورل

اينستيتوت فندييقن كورو كمفوس توانكو بينون

ابستزك

ڪاجين اين اڊاله تننڻ تاهف، فڪٽور دان فائيدو ڦڦڳونائون لامن ڊيڪيٽل ڦنديڊيڦن اسلام ڊالم  
 ڪالڦن ڪورو ڦلاتيه ڦنديڊيڦن اسلام (جي.ڦي.ڦي.ا.ي) ڊسبواه ا.ي.ڦي.جي.ڪي. سراماي 143  
 ريسڦونڊن مغمبيل بهاڪين ڊالم ڪاجين اين يڦ ٽرڊيري ڊرڦڊ جي.ڦي.ڦي.ا.ي. اناليسيس اڊاله  
 بربنٽوق ڊاتا ڪوانٽيٽيف يڦ اڪن ڊلافورڪن سچارا سٽاٽيسٽيڪ ڊيسڪريڦٽيف. حاصل ڊاڦٽن  
 ڪاجين منموڪن بهاوا ماجوريٽي جي.ڦي.ڦي.ا.ي. ممڦوپا.ي ڦڦڳناھوان ڊان ڦڦڳالن مڦڳوناڪن لامن  
 ڊيڪيٽل ڦنديڊيڦن اسلام ماله ڦڦڳونائون ٽرسبوت اڊاله برسبب سڦرقي مڦياڦڪن ٽوڪسن  
 ڪورسوس اٽاو سبائڪي ٽرنائيف ڦمبلاجرن ڪنڊيري. سلان اين، فڪٽور يڦ ممڦغاروهي  
 ڦڦڳونائون يا.ايت ڪموڊهن اڪسيس ڊان ايسي ڪنڊوڦڻ ٽوروت منچاٽت سڪور مين يڦ ٽيڦڳي  
 (مين=4.53). ماله ڊاڦٽن باڪي فائيدو ڦڦڳونائون لامن ڊيڪيٽل ڦنديڊيڦن اسلام ڊري سوڊوت  
 ڦمبلاجرن ڪنڊيري ڊان سبائڪي سومبر معلومت جوڪ منچاٽتڪن سڪور مين يڦ ٽيڦڳي  
 (مين=4.54). ايمڦليڪسين، تاهف ڦڦڳونائون لامن ڊيڪيٽل ڦنديڊيڦن اسلام ڊاڦٽ ڊٽيڦڪٽڪن  
 ڊڦڻ اڊان اڪسيس موڊو ڊان ڪواليٽي معلومت يڦ واريائيف اڪر لبيه بايق فائيدو ڊاڦٽ  
 ڊڦراوليهي جي.ڦي.ڦي.ا.ي. باڪي ڪاجين لنجوتن، ڦڦڳاڪي منچاڊڦڪن اڪر ساءيز ڦوڦولسي  
 ڊڦرلواسڪن ڪڦڊ ڪورو ڦلاتيه باڪي ا.ي.ڦي.جي.ڪي مڦيڪوت زون ماله اينسٽرومين ڪاجين  
 جوڪ بوليھ ڊڦلباڪايڪن ڦڊ ڪاجين لنجوتن.

ڪاٽ ڪونچي: لامن ڊيڪيٽل ڦنديڊيڦن اسلام، جي.ڦي.ڦي.ا.ي، تاهف ڦڦڳونائون، فڪٽور، فائيدو



## PENGENALAN

Teknologi kini semakin mendapat tempat dalam sistem pendidikan. Pendidikan Islam juga tidak terkecuali di mana keperluan teknologi adalah tinggi bagi menyampaikan pengajaran Pendidikan Islam dengan lebih berkesan dan menarik. Kamarul Azmi & Ab. Halim, (2007) menyatakan bahawa Pendidikan Islam menjadi lebih menarik apabila wujudnya aplikasi kaedah multimedia seperti laman digital dalam pendidikan yang mengintegrasikan teks, kesan bunyi, vokal, muzik, animasi, video serta perisian komputer yang interaktif. Walaubagaimanapun wujud permasalahan berkait dengan laman digital dari sudut tahap, faktor dan faedah penggunaannya.

Berdasarkan kajian Nur Hafizah dan Fariza Khalid (2021) yang mengkaji persepsi pelajar tentang penggunaan laman digital dalam pembelajaran, menunjukkan bahawa para pelajar kurang berminat terhadap bahan digital tersebut. Hal ini berpunca daripada kekurangan elemen teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) seperti paparan infografik, video serta unsur gamifikasi di dalamnya.

Selain itu, Hanafi Mohd Tahir et.al (2018) menyebut bahawa wujudnya laman digital yang ketiadaan elemen multimedia yang variatif dan interaktif. Kesannya, ia akan merencatkan semangat dan minat serta perhatian khalayak untuk menjalankan aktiviti pembacaan. Tambahan pula, berdasarkan kenyataan Fatin Izati dan Farah Hanan, (2021) menyatakan bahawa timbul isu berkaitan dengan timbunan maklumat pendidikan Islam yang tidak terkawal secara digital yang mendorong kecelaruan maklumat agama yang memberi implikasi fobia tentang kandungan maklumatnya

Di samping itu, kajian Hasin et.al, (2022) yang menyatakan bahawa tanggapan pelajar dalam pembelajaran berbentuk digital dilihat tidak mendukung banyak faedah kepada pembelajaran. Hal ini dikaitkan dengan pemanfaatan bahan digital berbentuk laman digital di mana pelajar menggambarkan semua laman tersebut bersifat konvensional dengan nota dihurai panjang lebar serta tidak menarik perhatian. Hal ini menjadi salah satu punca kepada kurangnya penggunaan bahan pembelajaran digital di bilik darjah.

Dalam pada itu, kajian ini dilihat berkepentingan untuk dilaksanakan kerana pengkaji merasakan bahawa penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan GPPI hanya bertujuan untuk menyiapkan tugas dan kerja kursus yang berkaitan sahaja serta dijadikan sumber maklumat melalui akses pembelajaran sendiri. Hal ini kerana laman digital kebiasaannya mempunyai fungsi-fungsi yang variatif dan sesuai untuk pembelajaran seperti kandungan maklumat berbentuk ringkasan menerusi teks grafik, kandungan berbentuk video, soalan kuiz dan sebagainya.

Justeru itu, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap, faktor dan faedah penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK.

## LITERATUR


Perkembangan pendidikan secara multimedia dalam persekitaran laman digital menunjukkan pencapaian yang baik (Melgosa et al., 2015). Pembangunan laman digital banyak memberi impak dalam pemerolehan maklumat. Sebuah kajian kualitatif tentang keberkesanan multimedia interaktif dalam PdP yang dijalankan oleh Hafidah, Melor dan Norzaliza, (2016) ke atas 40 orang pelajar di dalam sebuah kelas di Universiti Utara Malaysia menunjukkan 95% pelajar kerap dan sangat berminat untuk menggunakan laman digital apabila hendak mengakses bahan dan untuk tujuan menyiapkan tugas penulisan.

Tambahan pula, kajian Amani Nawi et.al, (2021) tentang keberkesanan sebuah pembangunan laman digital yang mana sebanyak 66.3% responden iaitu pelajar sangat bersetuju bahawa kandungan tentang pembelajaran yang disediakan dalam laman web dapat menarik minat dan memberikan motivasi kepada pelajar. Malah Shah Rulbani, Mohd Isa dan Khadijah, (2017) yang mengkaji tahap penggunaan TMK para pensyarah Pendidikan Islam Politeknik Zon Selatan juga menunjukkan bahawa, tahap penggunaan TMK untuk tujuan PDP oleh pensyarah adalah tinggi.

Dalam kajian ini, model yang diberi perhatian ialah model penerimaan teknologi yang dikembangkan oleh Davis (1989).

### Rajah 1

*Kerangka Model Penerimaan Teknologi (TAM)*



Sumber: Davis (1989)

Pendekatan model penerimaan teknologi yang digunakan didalam kajian ini sangat sesuai bagi melihat sejauh manakah penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan GPPI di sebuah IPGK disamping meninjau faktor terhadap penggunaan tersebut serta meninjau akan laman digital Pendidikan Islam dari sudut faedah daripada penggunaanya oleh GPPI itu sendiri.

**METODOLOGI KAJIAN**

Dalam mengenal pasti penggunaan sebuah laman digital pembelajaran yang lebih efisien, kajian kuantitatif menggunakan soal selidik menjadi pilihan untuk mengumpul data. Jones (1996), menyatakan bahawa proses pemerolehan data melalui soal selidik adalah kaedah terbaik dan cepat dalam menyempurnakan kajian tinjauan. Hal ini kerana kerjasama antara responden dan penyelidik lebih mudah dibentuk tanpa perlu mengeluarkan kos tinggi serta menjimatkan masa. Dalam konteks kajian ini, Borang soal selidik diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan kemudahan aplikasi soal selidik google form yang melibatkan guru pelatih dengan pengkhususan Pendidikan Islam sahaja di mana populasi yang dikenal pasti adalah seramai 222 orang. Maka berdasarkan rumus Krejcie dan Morgan (1970), seramai 143 orang responden telah mengambil bahagian dalam menyempurnakan kajian ini.

Kemudian, data yang dikumpul akan dianalisis secara kaedah analisis data deskriptif. Semua data yang terkumpul akan dianalisis menggunakan perisian program Statistical Package for The Social Sciences (SPSS) versi 27. Selepas itu, data tersebut akan dihurai dan dibincangkan dalam bentuk statistik deskriptif yang menggunakan nilai min, frekuensi dan peratusan. Malah nilai interpretasi skor min adalah berdasarkan Bahaman & Turiman (1999).

**Jadual 1**

*Interpretasi skor min*

INTERPRETASI	SKOR MIN
RENDAH	1.0 - 2.0
SEDERHANA RENDAH	2.01 - 3.0
SEDERHANA	3.01 - 4.0
TINGGI	4.01 - 5.0

Sumber: Bahaman dan Turiman (1999)

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan perbincangan kajian ini telah dibahagikan kepada beberapa subtopik utama berdasarkan objektif.

### Tahap penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK

Soalan kajian pertama adalah berfokuskan kepada pengalaman, kekerapan dan tujuan guru pelatih Pendidikan Islam tersebut dalam mengakses laman digital Pendidikan Islam

#### Jadual 2

*Tahap penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK*

Item	Min	S.P	Tahap
B1.Saya pernah mengakses laman digital pendidikan Islam	4.43	0.68	Tinggi
B5.Saya mengakses untuk tujuan rujukan dalam penghasilan kerja kursus.	4.31	0.84	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>	4.11	0.64	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian 1 di mana min keseluruhan menunjukkan tahap penggunaan laman digital oleh GPPI berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min=4.11 dengan sisihan piawai=0.64.

Hasil dapatan juga menunjukkan nilai min yang paling tinggi ialah 4.43 dengan sisihan piawai 0.68. iaitu “saya pernah mengakses laman digital Pendidikan Islam”. Ini memberi gambaran bahawa guru pelatih Pendidikan Islam IPGK tersebut mempunyai pengalaman dalam mengakses laman digital Pendidikan Islam.

Selain itu, GPPI bersetuju bahawa penggunaan laman digital pendidikan Islam adalah bersebab dan mempunyai tujuan di mana antara tujuan penggunaan laman tersebut adalah untuk dijadikan rujukan dalam penghasilan kerja kursus. Hal ini dibuktikan dengan perolehan dapatan kajian bagi item B5 iaitu “Saya mengakses untuk tujuan rujukan dalam penghasilan kerja kursus” sebagai nilai min kedua tertinggi dengan nilai min= 4.31 dengan sisihan piawai 0.84.

Dapatan ini dikaitkan dengan kajian kualitatif tentang keberkesanan PdP berbentuk multimedia interaktif yang dijalankan oleh Hafidah, Melor dan Norzaliza, (2016) yang mana menunjukkan 95% pelajar kerap dan sangat berminat untuk menggunakan laman digital apabila hendak mengakses bahan dan untuk tujuan menyiapkan tugas penulisan.

## Faktor penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK

Soalan kajian kedua tertumpu kepada dua faktor iaitu faktor kemudahan akses dan isi kandungan.

### Jadual 3

Faktor penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK

Item	Min	S.P	Tahap
C1.1 Mudah diakses tanpa mengira masa dan tempat.	4.61	0.57	Tinggi
C1.2 Boleh diakses secara percuma	4.65	0.572	Tinggi
C1.4 Mudah diakses oleh semua golongan tanpa mengira had umur.	4.61	0.639	Tinggi
C1.5 Mudah diakses oleh semua golongan tanpa mengira tahap kognitif.	4.56	0.601	Tinggi
<b>Min Faktor kemudahan akses</b>	<b>4.57</b>	<b>0.494</b>	<b>Tinggi</b>
C2.1 Kandungan disajikan dalam bentuk yang variatif	4.50	0.615	Tinggi
C2.3 Mampu meningkatkan motivasi siswa pendidik untuk mengakses bahan.	4.49	0.626	Tinggi
<b>Min Faktor isi kandungan</b>	<b>4.46</b>	<b>0.556</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Min Keseluruhan Faktor Penggunaan Laman Digital</b>	<b>4.53</b>	<b>0.474</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 3 menunjukkan nilai keseluruhan min bagi konstruk faktor penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min = 4.53 dan sisihan piawai = 0.474. Hal ini menunjukkan bahawa guru pelatih Pendidikan Islam tersebut setuju dengan faktor penggunaan laman digital Pendidikan Islam yang dikemukakan.

### Faktor Kemudahan akses

Berdasarkan jadual 3, min keseluruhan bagi faktor kemudahan akses adalah tinggi iaitu min=4.57 dengan sisihan piawai= 0.494. Ini bermaksud bahawa GPPI sangat bersetuju akan penggunaan laman digital Pendidikan Islam ini sememangnya bergantung kepada tahap aksesibilitinya. Dalam menghuraikan faktor ini, kemudahan akses menjadi keutamaan seperti akses percuma (min=4.65), akses tanpa mengira tahap kognitif (min=4.56) dan akses tanpa mengira tempat dan had umur (4.61). Dapatan ini selari dengan kajian Razaai et.al, (2009) dalam melihat persepsi pelajar terhadap penggunaan laman web dan kesan terhadap subjek sejarah di mana nilai min yang diperolehi juga tinggi iaitu min= 4.32 merangkumi 42.5% responden bersetuju bahawa pembelajaran yang dilaksanakan di mana-mana tempat adalah lebih baik. Malah, menurut Ramlah dan Mahani (2004), manusia mengalami perbezaan tahap kognitif. Dengan itu segelintir manusia sebagai penerima yang

memproses maklumat dianggap sangat penting dan perlu diberi perhatian dalam usaha mencipta sebuah pembelajaran.

### Faktor Isi Kandungan

Faktor isi kandungan mencatatkan min keseluruhan yang tinggi iaitu min= 4.46 dan sisihan piawai= 0.556. Berdasarkan jadual, GPPI sangat mengutamakan kualiti kandungan termasuk bentuknya yang variatif (min=4.50). Malah kandungan yang variatif mampu meningkatkan nilai motivasi dalam mengakses bahan (min=4.49). Bertepatan dengan kajian Amani Nawi et.al, (2021) tentang keberkesanan sebuah pembangunan laman web yang mana sebanyak 66.3% responden iaitu pelajar sangat bersetuju bahawa kandungan tentang pembelajaran yang disediakan dalam laman web dapat menarik minat dan memberikan motivasi kepada pelajar. Tambahan pula, Adenan Ayob (2011) berpendapat bahawa minat, rangsangan dan motivasi terhadap pengguna dapat ditimbulkan melalui penggunaan elemen multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran dalam usaha mendalami ilmu tertentu sekali gus mampu mendorong mereka mengaplikasikan ilmu yang dipelajari.

### Faedah penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK

Soalan kajian ketiga tertumpu kepada dua sudut faedah iaitu untuk pembelajaran sendiri dan sebagai sumber maklumat kepada guru pelatih Pendidikan Islam tersebut.

#### Jadual 4

*Faedah penggunaan laman digital Pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK*

Item	Min	S.P	Tahap
D1.1 Memberi manfaat dalam proses pembelajaran sendiri	4.60	0.571	Tinggi
D1.5 Menjimatkan kos dalam membuat carian.	4.62	0.554	Tinggi
<b>Min faedah pembelajaran sendiri</b>	<b>4.57</b>	<b>0.504</b>	<b>Tinggi</b>
D2.2 Paparan infografik membantu menjelaskan penyampaian isi kandungan.	4.57	0.587	Tinggi
D2.3 Paparan video membantu mengukuhkan pemahaman tentang isi kandungan.	4.52	0.591	Tinggi
D2.4 Dapat membangunkan motivasi siswa pendidik untuk mengakses bahan Pendidikan Islam.	4.53	0.626	Tinggi
<b>Min faedah sumber maklumat</b>	<b>4.50</b>	<b>0.539</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Min Keseluruhan faedah penggunaan laman digital PAI</b>	<b>4.54</b>	<b>0.502</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 4 menunjukkan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah IPGK berjaya menerima fungsi yang terdapat dalam laman digital Pendidikan Islam terutamanya sebagai salah satu faedah untuk pembelajaran sendiri dan menjadi sumber maklumat untuk diakses (min=4.54) (S.P= 0.502).

## Faedah Pembelajaran sendiri


Berdasarkan dapatan kajian ini, GPPI bersetuju bahawa penggunaan laman digital Pendidikan Islam ini mampu membantu dalam pembelajaran sendiri (min=4.60). Antara sebabnya adalah kerana penggunaan laman digital Pendidikan Islam ini tidak melibatkan sebarang kos dalam mengaksesnya (min= 4.62). Ini disokong dengan kenyataan Lednor, (2019) yang menyebut bahawa kos yang fleksibel adalah sangat penting untuk tujuan memberi kemudahan terhadap akses.

## Faedah Sumber Maklumat

Seterusnya, faedah yang dikenal pasti adalah sebagai sumber maklumat di mana GPPI bersetuju dengan paparan infografik yang dihasilkan mampu membantu dalam menjelaskan sesuatu kandungan (min=4.57). Malah sumber maklumat berbentuk video turut diakui membawa pemahaman kepada GPPI tentang kandungan (min=4.52). Ini disokong dengan kajian Styaningsih et.al (2016), tentang pengaruh penggunaan elemen grafik terhadap minat belajar siswa yang mana hasil diperoleh menunjukkan bahawa penerapan gambar-gambar tunggal berserta tulisan huraian mampu memberi gambaran nyata dan menarik minat siswa untuk belajar (min=4.59).

## Rajah 2

Graf kekerapan responden menjawab item D2.4



Malah berdasarkan rajah 2 menunjukkan seramai 133 daripada 143 orang GPPI menyokong laman digital Pendidikan Islam ini sebagai satu inisiatif dalam meningkatkan motivasi mereka dalam mengakses maklumat Pendidikan Islam (min=4.53). Dapatan ini juga selari dengan dapatan kajian

Amani et.al (2021) di mana pernyataan “Maklumat dan kandungan pembelajaran yang disediakan dalam laman web dapat menarik minat dan memberikan motivasi kepada pelajar” (min=4.16)

### **CADANGAN IMPLIKASI KAJIAN**

Kajian ini berupaya memberi implikasi kepada pihak pengurusan khususnya Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) di mana sebuah latihan atau seminar tentang kemahiran membina dan menggunakan laman digital boleh diadakan demi memperkasakan amalan penggunaan laman digital Pendidikan Islam oleh GPPI. Malah, amalan pembelajaran digital terkini boleh diaplikasikan semasa praktikum di fasa yang seterusnya. (Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, 2021).

Akhir sekali, dicadangkan juga agar pengkaji akan datang untuk melaksanakan kajian yang lebih meluas terhadap penggunaan laman digital pendidikan Islam dalam kalangan guru pelatih dengan menggunakan kaedah campuran metod. Malah pengkaji juga boleh mengkaji dari sudut keberkesanan sesuatu laman digital. Dengan ini, pengetahuan dapat ditingkatkan di samping berusaha memajukan kualiti pendidikan sama ada pada peringkat IPG mahupun peringkat yang lebih tinggi.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, berdasarkan kajian ini, penggunaan laman digital Pendidikan Islam oleh GPPI dilihat mempunyai sebab dan tujuan seperti mendapatkan rujukan dalam menyiapkan kerja kursus serta berfungsi sebagai sumber maklumat ketika sesi PdP di dalam kelas. Walaubagaimanapun, kualiti kandungan yang dipaparkan juga berperanan dan menjadi faktor keatas penggunaan oleh GPPI. Malah berdasarkan kajian ini juga, dapat disimpul bahawa laman digital yang mempunyai paparan dan fungsi yang variatif serta mempunyai aksesibiliti yang mudah mampu membangunkan motivasi pengguna khususnya GPPI itu sendiri. Justeru itu, tahap penggunaan laman digital Pendidikan Islam dapat ditingkatkan dengan adanya akses mudah dan kualiti maklumat yang variatif agar lebih banyak faedah dapat diperolehi GPPI.



## RUJUKAN

- Adenan Ayob. (2011). *Multimedia dalam pengajaran bahasa Melayu*. Selangor: Emeritus Publications.
- Amani Nawi, Lubna Abd Rahman, Arnida A Bakar, Wahida Mansor. (2021). PEMBANGUNAN LAMAN WEB E-MULTI LING MU'JAM SEBAGAI. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021* . Universiti Sains Islam Malaysia.
- Arif Zakwan Ashari. (3 Mac, 2019). *Gamifikasi Dalam Pendidikan*. Retrieved from <https://www.pendidik.com.my/2019/08/07/gamifikasi-dalam-pendidikan>.
- Bashah, M. A., & Zulkifli, H. (2021). Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam Dalam Penerapan Pendidikan Digital. *Journal Of Advanced Research In Islamic Studies and Education*, 43-55.
- Bahaman, A. S., & Turiman, S. (1999). *Statistic for social research with computer application*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-340.
- Fatin Izati Binti Mohd Taher, Farah Hanan Binti Abu Bakar. (2021). PENDIDIKAN DIGITAL ERA RI 4.0 DALAM PENDIDIKAN ISLAM. *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference*, (pp. 437-451).
- Hanafi Mohd Tahir, Normah Mustaffa & Wan Amizah Wan Mahmud. (2018). Peranan Visual Reka Bentuk Kulit Bukub terhadap Kemudahbacaan Khalayak. *Malaysian Journal of Communication, Jil.34 (4)*, 271-284
- Hasin, I. O. (2022). Isu dan Cabaran Pembelajaran Digital dalam Transformasi Pendidikan Negara Pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 23-32.
- Jamalludin Harun & Siti Nurulwahida Mohd Zainul Abidin . (2010). Pembangunan Modul Pembelajaran Berbantuan Video Interaktif Bagi Pembelajaran Pengaturcaraan Visual Basic Berdasarkan Pendekatan Projek. *Jurnal Penyelidikan*.
- Jamaludin Badusah & Suzlina Hilwani Baharuddin. (2016). Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Web 2.0 Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 33-43.
- Jones K.H, Womble, M. and Searcy, C.A. (1996). T & I Education Students. Perceptions of Courses. *Journal of Industrial Teacher Education*, 82 – 101.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Lednor, P. W. (2019). *How to be Innovative*. . Singapore: World Scientific.
- Maimunah Nasir, & H. (2017). Peranan Guru Tingkatan Enam Dalam Membentuk Pelajar Terarah Kendiri Dan Meningkatkan Kemahiran Abad Ke-2. 6.
- Mohd Nihra Haruzuan B. Mohamad Said dan Janarthini A/P Krishnan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Jabatan Multimedia (Spk, Spt Dan Spp) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Social Science*, 3,, 206-225.
- Mohd Zulkhairi. (2012). Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah. *Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden*,. Universiti Malaya.
- Muhamad Razis Ismail. (9 Mac, 2020). *Terap Pembelajaran Kendiri*. Retrieved from Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/akademia/2020/03/552504/terap-pembelajaran-kendiri>

- Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim. (2019). Kesiediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Sejarah IPG Zon Selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial Volume 2 Issue 5*, 32-42.
- Nor Fadila Mohd. Amin & Kai Wan Chiew. (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Perisian Multimedia dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Skudai: Jabatan Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Nor Hafidah Ibrahim, M. F. (2016). MULTIMEDIA INTERAKTIF MEMPERTINGKATKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS BAHASA MELAYU PENGURUSAN (SBLM 1053) DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA. *International Seminar On Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016*, (Pp. 583-586). Sintok: Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Nur Hafizah Binti Razali, Fariza Binti Khalid. (2021). Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Mudah Alih dalam Pembelajaran Matematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 73-85
- Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim. (2021). Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. *Online Journal for Tvet Practitioners*, 15-24.
- Rafaai, A. (2009). *Pembelajaran kefahaman konsep dalam sejarah berteraskan ICT*. Cendikia Insani Pekanbaru bekerjasama dengan Universti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan FKIP Universitas Riau (UR).
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali. (2004). *Psikologi Pendidikan - Pendekatan Kontemporari*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education(M) Sdn. Bhd.
- Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2017). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah pendidikan islam di politeknik zon selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 29-41.
- Siti Fatimah Md Azali & Siti Hasmiza Hassan. (2018). Kajian Penerimaan Pelajar Terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) Sebagai Medium Pembelajaran Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah. *Journal Of Technical And Vocational Education*, 73-86.

# TAHAP KEMAHIRAN EJAAN JAWI DALAM KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN ISLAM DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS

Muhamamad Firdaus Mohd Roshidi<sup>1</sup> & Rahim @ Saleh Ramly<sup>2</sup>

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

g-p19302937@moe-dl.edu.my<sup>1</sup>

## Abstrak

*Isu kemerosotan literasi Jawi dalam kalangan murid-murid sekolah pada masa kini telah mengundang kerisauan pelbagai pihak khususnya warga pendidik di mana hal ini mungkin berpunca daripada kelemahan guru Pendidikan Islam sendiri dalam kemahiran ejaan Jawi. Justeru, kajian berkaitan kemahiran ejaan Jawi dijalankan di peringkat Institut Pendidikan Guru Kampus yang melibatkan pelajar Pendidikan Islam. Kajian ini penting untuk mengenal pasti sejauh manakah kemahiran pelajar Pendidikan Islam dalam ejaan Jawi yang terkini, cabaran yang dihadapi dan cara meningkatkan kemahiran ejaan Jawi mereka. Rekabentuk kajian ini ialah penyelidikan tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang disebarkan secara hardcopy kepada 140 pelajar Pendidikan Islam IPGK. Hasil analisis menunjukkan tahap kemahiran pelajar berada pada tahap yang tinggi di mana sebahagian besar pelajar berjaya mengeja perkataan yang diberikan dengan betul, namun masih perlu ditambah baik pada beberapa kategori ejaan seperti kata umum (79.2% salah). Manakala min keseluruhan bagi cabaran yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam IPGK adalah pada tahap sederhana tinggi (min = 3.56), faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran sederhana tinggi (min = 3.94) dan cara mereka meningkatkan kemahiran ejaan Jawi pada tahap sederhana tinggi (min = 3.40). Kajian sebegini dapat memberikan gambaran jelas terhadap kepentingan kemahiran ejaan Jawi dalam menjadi seorang guru Pendidikan Islam yang kompeten dengan pengetahuan isi kandungan yang mantap. Lebih-lebih lagi kecanggihan teknologi pada masa kini sememangnya memudahkan para pelajar untuk meningkatkan lagi kemahiran ejaan Jawi melalui pelbagai sumber dan medium. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak aspek kemahiran ejaan Jawi yang dinilai dan instrumen temubual diaplikasikan dalam kajian lanjutan.*

**Kata Kunci:** Tahap kemahiran, ejaan Jawi, pelajar Pendidikan Islam, cabaran, dan cara meningkatkan kemahiran.

تاھف کماھیرن ایچان جاوي دالم کالغن فلاجر فنیدیقن إسلام دسبواھ اینستیتوت فنیدیقن

گورو کمفوس

محمد فردوس بن محمد روشیدی، رحیم @ صالح بن رملي

جابتن فنیدیقن إسلام دان مورل

اینستیتوت فنیدیقن گورو کمفوس توانکو بینون

g-p19302937@moe-dl.edu.my

## ابستزک

ایسو کمروسوتن لینزاسی جاوی دالم کالغن مورید ۲ سکوله فد ماس کینی تله معوندغ کریساون قلباکای فیہق خصوصن ورکا فنیدیق دمان حال این موغکین بر فونچا درقد کلمهن کورو فنیدیقن اسلام سندیری دالم کماہیرن ایچان جاوی. جوسنزو، کاجین برکا یتن کماہیرن ایچان جاوی دجالنکن دفریغت اینستیتوت فنیدیقن کورو کمفوس یغ ملیتکن فلاجر فنیدیقن اسلام. کاجین این فنتیغ اونتوق مشغل فستی سجاوه مانکه کماہیرن فلاجر فنیدیقن اسلام دالم ایچان جاوی یغ ترکیبی، جابرن یغ دهادفی، فکتور یغ ممقاروہی کماہیرن دان چارا منیغتکن کماہیرن ایچان جاوی مریک. ریکا بنتوق کاجین این ایالہ فیلیدیقن کوانتیتاتیف دغن فندکتن تینچاون. اینسنزومین یغ دکوناکن ایالہ سوآل سلیدیق یغ دسبرکن سچارا hardcopy کفد 140 فلاجر فنیدیقن اسلام ای. پی. جی. کی. حاصل انالیسیس منونجوقکن تاهف کماہیرن فلاجر برادا فد تاهف یغ تیغکی دمان سبهاکین بسر فلاجر برجای مویجا فرکاتان یغ دبریکن دغن بتول، نامون ماسیہ فرلو دتمہ باقی فد براف کاتکوری ایچان سفرتی کات عموم (79.2% سالہ). ماناکالا مین کسلوروهن باکی جابرن یغ دهادفی اولیہ فلاجر فنیدیقن اسلام ای. پی. جی. کی ادالہ فد تاهف سدرهان تیغکی (مین = 3.56)، فکتور ۲ یغ ممقاروہی کماہیرن سدرهان تیغکی (مین = 3.94) دان چارا مریک منیغتکن کماہیرن ایچان جاوی فد تاهف سدرهان تیغکی (مین = 3.40). کاجین سبکینی دافت مبریکن کمبرن جلس ترهادف کشتیغن کماہیرن ایچان جاوی دالم منجادی ساورغ کورو فنیدیقن اسلام یغ کومفتن دغن فغتاہوان ایسی کاندوغن یغ منتف. لبیہ ۲ لاکی کجغکیهن تیکنولوکی فد ماس کینی سمیمغن مودھکن فارا فلاجر اونتوق منیغتکن لاکی کماہیرن ایچان جاوی مالوئی قلباکای سومبر دان میدیوم. کاجین این منجادغکن اگر لبیہ باقی اسقیک کماہیرن ایچان جاوی یغ دنیلائی دان اینسنزومین تموبوال دأفلیکاسیکن دالم کاجین لنجوتن.

کات کونچی: تاهف کماہیرن، ایچان جاوی، فلاجر فنیدیقن اسلام، جابرن، دان چارا منیغتکن

کماہیرن.

## **PENGENALAN**

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2020), Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0 terdiri daripada dua komponen utama iaitu Dimensi Kompetensi dan Etika Keguruan. Dimensi Kompetensi mengandungi empat komponen yang menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai pembangunan profesionalisme untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi. Komponen orientasi ilmu dalam SGM 2.0 ini menjelaskan bahawa betapa pentingnya seorang guru untuk meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa dari segi *content knowledge* dan *pedagogical knowledge* kerana pengetahuan merupakan satu elemen penting dalam menjadi guru yang kompeten. Hal ini menunjukkan bahawa kebolehan seseorang dari segi pengetahuan adalah penting dalam menjamin tahap kompetensi yang baik dalam perkhidmatannya.

Jawi merupakan salah satu bidang penting yang terkandung di dalam kurikulum Pendidikan Islam selain daripada bidang al-Quran, hadis, akidah, ibadah, sirah dan juga akhlak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Untuk memahami dan menguasai Pendidikan Islam, penguasaan Jawi dari segi kemahiran literasi (membaca dan menulis) adalah penting kerana kebanyakan bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam seperti kitab, buku teks dan sebagainya ditulis dan dicetak dalam tulisan Jawi. Oleh itu, kemahiran Jawi merupakan satu komponen yang sangat penting dalam Pendidikan Islam kerana ia merupakan salah satu kriteria kejayaan seseorang murid dalam mata pelajaran tersebut (Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli, 2022, p.58).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Biarpun tulisan Jawi dijadikan sebagai medium asas untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah sekian lama, namun masih terdapat masalah dari segi penguasaan Jawi bukan sahaja dalam kalangan murid bahkan juga dalam kalangan guru Pendidikan Islam sendiri. Hal ini dapat diterangkan melalui kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan dari segi penguasaan ilmu tulisan Jawi dalam kalangan guru (Norizan & Nor Azan, 2013; Akamariah & Sofiah, 2010). Antaranya ialah kajian Berhanudin Abdullah dan Asyraf Ridwan Ali (2013) terhadap 80 orang guru pelatih j-QAF di sekitar Terengganu yang mendapati beberapa kelemahan dalam kemahiran ejaan Jawi seperti kaedah homograf (55% salah), kedudukan huruf hamzah (90% salah), kata pinjaman bahasa Arab (75% salah) dan kata pinjaman bahasa Inggeris (97.5% salah).

Kemudian, kajian Zambri Ahmad dan Rizaman Yahya (2014) menunjukkan guru-guru pra perkhidmatan yang terdiri daripada opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Arab masih kurang dapat menguasai sepenuhnya ejaan Jawi berdasarkan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD). Antara kategori ejaan Jawi yang dikuasai kurang daripada 50% adalah seperti kata jati (betul 33.8%), homograf (betul 32.5%), kata pinjaman bahasa Inggeris (betul 36.4%), imbuhan awalan “ber-” (betul 31.2%) dan akronim (betul 48.1%).

Seterusnya, kajian Mazhan Tamyis et al. (2022) terhadap 120 orang guru sekolah rendah di empat buah daerah sekitar Selangor mendapati bahawa tahap penguasaan Jawi dalam kalangan GPI berada pada tahap tinggi, namun hasil temubual pula mendapati bahawa terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pengajaran Jawi seperti kekeliruan dalam memahami disiplin ejaan Jawi yang melibatkan kaedah-kaedah tertentu seperti hukum derlung, kurangnya pendedahan kepada guru tentang penambahbaikan dan perubahan terhadap ejaan Jawi yang berlaku dari semasa ke semasa. Hal ini membuktikan bahawa masih terdapat kelemahan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) berkenaan kemahiran ejaan Jawi. Oleh itu, GPI perlu bertindak memperbaiki kelemahan dan berusaha meningkatkan kemahiran masing-masing dalam ejaan Jawi.

Kelemahan guru dari segi penguasaan Jawi akan menjejaskan kemahiran pedagogi mereka yang akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah menjadi hambar dan kurang menarik (Hairul Aysa et al., 2010). Abdullah dan Abdul Aziz (2020) dalam Mazhan Tamyis et al. (2021) menyatakan bahawa kurangnya penekanan terhadap penguasaan Jawi dalam kalangan GPI akan menyebabkan pelaksanaan pengajaran tidak menarik dan membosankan sekaligus mendorong kepada rendahnya minat murid terhadap Jawi yang berpotensi menjejaskan keberkesanan pembelajaran dan pencapaian mereka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam itu sendiri.

Oleh itu, satu kajian tinjauan mengenai tahap kemahiran ejaan Jawi perlu dilaksanakan bagi memberi kesedaran terhadap kepentingan pengetahuan isi kandungan (Jawi) sebagai seorang bakal guru yang mantap dan profesional.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan kajian, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap kemahiran ejaan Jawi dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus.
2. Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus dalam kemahiran ejaan Jawi.

3. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran ejaan Jawi pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus.
4. Mengenal pasti cara pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus meningkatkan kemahiran ejaan Jawi.

Berdasarkan objektif kajian, soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap kemahiran ejaan Jawi pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus?
2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus dalam kemahiran ejaan Jawi?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran ejaan Jawi pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus?
4. Apakah cara pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus meningkatkan kemahiran ejaan Jawi?


## LITERATUR

### TEORI DAN MODEL KAJIAN

Pengkaji memilih model Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) yang diasaskan oleh Lee Shulman (1987). Ia merupakan satu pendekatan yang digunakan dalam pendidikan untuk mengenal pasti dan memahami ilmu yang dimiliki oleh guru. Seperti yang ditunjukkan pada rajah dibawah, model ini terdiri daripada dua domain pengetahuan khusus iaitu pengetahuan isi kandungan (PIK) dan pengetahuan pedagogi.

#### **Rajah 1**

*Model Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Lee Shulman (1987)*



Diadaptasi daripada Grieser & Hendricks (2018), p.16

Menurut Fuad Ahmad Tajuddin dan Hafizhah Zulkifli (2022), pengetahuan isi kandungan (PIK) merujuk kepada bidang pengetahuan guru tentang isi kandungan sesuatu mata pelajaran. Dalam konteks ini, PIK adalah melibatkan penguasaan guru terhadap mata pelajaran yang diajarnya merangkumi fakta, konsep, teori dan prinsip yang berkaitan. Pengetahuan ini juga melibatkan pemahaman yang mendalam mengenai kebolehan guru untuk menyampaikan isi pembelajaran dengan jelas kepada murid. Manakala, pengetahuan pedagogi ialah kefahaman guru tentang cara mengajar dan mendidik murid. Ini termasuk strategi pengajaran, kaedah pembelajaran, pemahaman perkembangan pelajar, dan kebolehan mereka bentuk pembelajaran yang berkesan. Pengetahuan pedagogi juga melibatkan pemahaman cara mengurus bilik darjah, mengenal pasti keperluan pelajar, dan memberikan maklum balas yang membina terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Dalam kajian ini, penumpuan diberikan kepada aspek pertama PPIK iaitu pengetahuan isi kandungan (PIK) di mana tahap kemahiran pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus dalam ejaan Jawi akan diberikan perhatian. Dalam profesion keguruan, setiap guru hendaklah memiliki tahap penguasaan atau kedalaman ilmu pengetahuan yang tinggi tentang isi kandungan sesuatu mata pelajaran kerana ia merupakan aset berharga dan asas yang paling utama dalam menjadi seorang guru yang cemerlang. Ia juga merupakan penanda aras yang penting untuk menentukan kejayaan seseorang guru dalam menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Hal ini demikian kerana tahap pengetahuan isi kandungan (PIK) merupakan titik penentu antara seorang guru dengan guru yang lain dari segi keberkesanan pengajaran yang disampaikan.

Berikut adalah kerangka konseptual kajian yang dibina untuk memberikan gambaran awal tentang pelaksanaan kajian ini.



## Rajah 2

### Kerangka Konseptual Kajian



## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan dalam menyiapkan kajian ini kerana ia bersesuaian dengan matlamat kajian yang dirancang untuk mengenal pasti tahap kemahiran, cabaran yang dihadapi, faktor yang mempengaruhi kemahiran serta cara pelajar Pendidikan Islam IPGK meningkatkan kemahiran dalam ejaan Jawi. Campbell (2018) menyatakan bahawa kajian tinjauan adalah satu prosedur dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang popular dalam kalangan pengkaji di mana mereka menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi.

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus PISMP Ambilan 2020/2024 dan Ambilan 2021/2025 serta pelajar PPISMP Ambilan 2023/2028. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan kluster kerana kajian ini dikhususkan kepada pelajar pengkhususan Pendidikan Islam sahaja. Populasi kajian adalah seramai 216 orang pelajar Pendidikan Islam dan sampel yang dipilih adalah seramai 140 orang dengan merujuk kepada jadual dan rumus yang disediakan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang telah dibina dan diubah suai mengikut keperluan kajian. Instrumen ini sesuai untuk digunakan kerana kajian ini melibatkan pengumpulan maklumat daripada jumlah responden yang ramai. Selain itu, ia juga dapat mengumpul data dengan lebih mudah dan jelas kemudian dipaparkan secara statistik. Soal selidik mengandungi lima bahagian yang terdiri daripada demografi responden, tahap

kemahiran pelajar Pendidikan Islam IPGK dalam ejaan Jawi, cabaran yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam IPGK dalam kemahiran ejaan Jawi, faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran ejaan Jawi pelajar Pendidikan Islam IPGK dan cara pelajar Pendidikan Islam IPGK meningkatkan kemahiran ejaan Jawi.

Kesahan muka dan kesahan kandungan bagi soal selidik ini telah disemak oleh pensyarah penyelia, pensyarah pakar bidang daripada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) serta pakar-pakar berkaitan. Borang soal selidik ini telah dibina dan diadaptasi daripada beberapa kajian antaranya ialah Zambri Ahmad dan Rizaman Yahya (2014); Ainul Bahiah dan Wan Azmi Wan Omar (2019); Mazhan Tamyis et al. (2022); Fuad Ahmad Tajuddin dan Hafizah Zulkifli (2022); Mazhan Tamyis (2023).

Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada ketekalan instrumen kajian untuk mengukur pemboleh ubah. Kebolehpercayaan dinilai berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* (Chua, 2006). Bond dan Fox (2015) dalam Lily Hanefarezan Asbullah et al. (2018) menerangkan bahawa 0.71 hingga 0.99 adalah skor nilai Alpha Cronbach yang baik serta boleh diterima merujuk kepada model pengukuran Rasch.

Kajian rintis merupakan satu proses untuk menguji instrumen kajian yang telah dibina iaitu borang soal selidik bagi mengenal pasti tahap kebolehpercayaan. Pengkaji telah melaksanakan kajian rintis ke atas 30 orang pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus Tuanku Bainun Ambilan 2020/2024 yang bukan daripada responden sebenar. Jadual berikut menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi setiap konstruk yang terkandung dalam instrumen kajian.

**Jadual 1**  
*Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Soal Selidik*

<b>Konstruk</b>	<b>Bilangan Item</b>	<b>Nilai alpha</b>
Cabaran Pelajar Pendidikan Islam IPGKTB dalam Kemahiran Ejaan Jawi	12	$\alpha = 0.791$
Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Ejaan Jawi Pelajar Pendidikan Islam IPGKTB	9	$\alpha = 0.772$
Cara Pelajar Pendidikan Islam IPGKTB Meningkatkan Kemahiran Ejaan Jawi	11	$\alpha = 0.808$

Secara keseluruhannya, tahap kebolehpercayaan instrumen ini berada pada tahap yang baik dan boleh diterima di mana item-item ini boleh dikekalkan di dalam instrumen soal selidik yang dibina.

Sebelum mengumpul data, pengkaji membuat semakan terhadap tajuk, soalan kajian serta item-item instrumen yang dibina seterusnya mendapatkan kelulusan daripada pensyarah penyelia, membuat surat permohonan menjalankan kajian dan mengedarkan borang soal selidik secara salinan keras (*hardcopy*). Kemudian, data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* Versi 26. Hasil kajian dinyatakan dalam bentuk jadual dan grafik seterusnya analisis deskriptif menggunakan nilai peratus, nilai min dan sisihan piawai. Interpretasi peratusan adalah seperti yang berikut:

**Jadual 2**  
*Interpretasi Peratus Berdasarkan Gred Prestasi*

Peratus	Gred	Interpretasi Peratus
80 – 100	Cemerlang	
65 – 79	Baik	Mahir
50 – 64	Memuaskan	
40 – 49	Lemah	Mahir pada tahap minimum
0 - 39	Sangat Lemah	Tidak mahir

Diadaptasi daripada Naquiah Nahar et al. (2018)

Manakala interpretasi bacaan skor min adalah seperti yang berikut:

**Jadual 3**  
*Interpretasi Skor Min dalam Pemboleh Ubah*

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally (1978)

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji telah memperoleh sebanyak 120 set borang soal selidik yang telah berjaya menepati kehendak kajian yang dijalankan. Ia merangkumi hasil respon daripada pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus PISMP Ambilan 2020/2024 dan Ambilan 2021/2025 serta pelajar PPISMP Ambilan 2023/2028.

**Persoalan kajian 1:** Apakah tahap kemahiran ejaan Jawi pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus Tuanku Bainun?

**Jadual 7**

*Nilai Peratus Keseluruhan bagi Tahap Kemahiran Ejaan Jawi dalam kalangan Pelajar Pendidikan Islam IPGK*

Bil	Kategori	Peratusan Betul (%)	Interpretasi
-----	----------	---------------------	--------------

B01	Satu suku kata tertutup	85.8	Mahir
B02	Dua suku kata	98.3	Mahir
B03	Suku kata terbuka dan tertutup	99.2	Mahir
B04	Kedudukan hamzah	80.8	Mahir
B05	Hukum darlung	95.0	Mahir
B06	Hukum luar darlung	90.8	Mahir
B07	Hukum “ک” dan “ک”	90.0	Mahir
B08	Akhiran “rama”	82.5	Mahir
B09	Hukum a-ha	70.0	Mahir
B10	Perkataan tradisi	65.8	Mahir
B11	Diftong	87.5	Mahir
B12	Imbuhan awalan	75.8	Mahir
B13	Imbuhan akhiran	96.7	Mahir
B14	Imbuhan apitan	93.3	Mahir
B15	Kata ulang	70.8	Mahir
B16	Akronim	87.5	Mahir
B17	Kata umum	20.8	Tidak mahir
B18	Penggunaan huruf “ق” dan “ک”	70.8	Mahir
B19	Kata serapan bahasa Arab	100.0	Mahir
B20	Kata serapan bahasa Inggeris	81.7	Mahir
B21	Homograf	100.0	Mahir
<b>Peratus Keseluruhan</b>		<b>83.0%</b>	<b>Mahir</b>

Secara keseluruhannya, tahap kemahiran pelajar Pendidikan Islam IPGK berada pada tahap cemerlang dengan jumlah peratus keseluruhan melebihi 80%. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islam IPGK sememangnya mahir dalam ejaan Jawi. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Ainul Bahiah dan Wan Azmi Wan Omar (2019) yang menunjukkan tahap penguasaan pelajar Pendidikan Islam Zon Sabah berada pada tahap tinggi dengan catatan min 4.14. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan khususnya pada kategori ejaan kata umum di mana hanya 20.8% pelajar yang dapat menguasainya dengan baik. Oleh itu, kelemahan ini perlu diperbaiki untuk mahir sepenuhnya dalam ejaan Jawi.

**Persoalan kajian 2:** Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus Tuanku Bainun dalam kemahiran ejaan Jawi?

**Jadual 8**

Analisis Cabaran yang Dihadapi oleh Pelajar Pendidikan Islam IPGK dalam Kemahiran Ejaan Jawi

Bil	Cabaran Pelajar Pendidikan Islam IPGKTB dalam Kemahiran Ejaan Jawi	Min	SP	Interpretasi
C01	Saya berminat dengan Jawi.	4.35	0.682	Tinggi
C02	Saya mengambil masa yang agak lama untuk menghasilkan ejaan Jawi yang betul	2.81	1.162	Sederhana Rendah
C03	Saya banyak menggunakan tulisan Jawi berbanding tulisan rumi.	2.45	1.068	Sederhana Rendah
C04	Saya memahami disiplin ejaan Jawi mengikut Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan.	3.25	0.955	Sederhana Tinggi
C05	Saya melakukan kesilapan yang minimum dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah.	3.44	0.942	Sederhana Tinggi
C06	Saya membuat pembentangan tugas Pendidikan Islam dengan menggunakan tulisan Jawi.	3.83	1.048	Sederhana Tinggi
C07	Saya mudah memperoleh sumber-sumber utama berkaitan ejaan Jawi.	3.80	1.009	Sederhana Tinggi
C08	Saya merujuk pelbagai sumber untuk menghasilkan ejaan Jawi yang betul.	4.07	0.817	Tinggi
C09	Saya terdedah dengan penambahbaikan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam sistem ejaan Jawi.	3.62	1.063	Sederhana Tinggi
C10	Sistem ejaan Jawi sentiasa berubah-ubah.	4.01	1.041	Tinggi
C11	Saya mahir menggunakan perisian Jawi dalam komputer.	3.84	1.029	Sederhana Tinggi
C12	Banyak penganjuran program yang berkaitan dengan Jawi.	3.19	1.132	Sederhana Tinggi
	<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.56</b>	<b>5.359</b>	Sederhana Tinggi

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji dapat menyatakan bahawa terdapat dua cabaran yang dihadapi oleh pelajar Pendidikan Islam IPGK dalam kemahiran ejaan Jawi yang dinyatakan melalui item C03 iaitu "Saya banyak menggunakan tulisan Jawi berbanding tulisan rumi" dan pada item C10 iaitu "Sistem ejaan Jawi sentiasa berubah-ubah". Item C03 "Saya banyak menggunakan tulisan Jawi berbanding tulisan rumi" mencatatkan skor min 2.45 yang menunjukkan bahawa kebanyakan responden kurang bersetuju dengan kenyataan pada item ini. Dapatan bagi item ini selari dengan dapatan kajian Ainul Bahiah dan Wan Azmi Wan Omar

(2019) iaitu catatan min sebanyak 2.70. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan Jawi dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam IPGK berada pada tahap sederhana rendah.

Kemudian, item C10 “Sistem ejaan Jawi sentiasa berubah-ubah” memperoleh skor min tinggi iaitu 4.01. Ini menunjukkan pelajar Pendidikan Islam mengakui bahawa sistem ejaan Jawi sentiasa berubah-ubah di mana ia boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan mereka berkaitan ejaan Jawi yang betul dan tepat. Dapatan bagi item ini adalah selari dengan dapatan kajian Mazhan Tamyis et al. (2022) yang mendapati bahawa guru Pendidikan Islam mengakui ejaan Jawi yang sentiasa berubah-ubah menyebabkan mereka keliru dengan ejaan Jawi semasa biarpun pihak DBP sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islam IPGKTB mengakui akan perubahan sistem ejaan Jawi yang sedikit sebanyak menyukarkan mereka untuk memahirkan diri dalam ejaan Jawi yang terkini iaitu *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*.

**Persoalan kajian 3:** Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran ejaan Jawi pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus?

#### Jadual 9

*Analisis Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Ejaan Jawi Pelajar Pendidikan Islam IPGK*

Bil	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Ejaan Jawi Pelajar Pendidikan Islam IPGKTB	Min	SP	Interpretasi
D01	Pengajaran pensyarah dapat membantu saya untuk mahir dalam ejaan Jawi.	4.38	0.758	Tinggi
D02	Saya mendapat galakan daripada pensyarah untuk menggunakan tulisan jawi.	4.52	0.648	Tinggi
D03	Saya berusaha untuk meningkatkan penguasaan saya terhadap ejaan Jawi.	4.47	0.608	Tinggi
D04	Saya selalu membuat latihan berkaitan ejaan Jawi.	3.51	1.053	Sederhana Tinggi
D05	Rakan-rakan sering membantu saya untuk menggunakan ejaan Jawi yang betul.	4.20	0.816	Tinggi
D06	Persekitaran di sekeliling saya menggalakkan dan menarik minat saya untuk menguasai ejaan jawi.	3.87	0.978	Sederhana Tinggi
D07	Media sosial seperti Facebook, Telegram dan lain-lain media yang berkaitan dapat membantu saya menguasai ejaan Jawi dengan baik.	3.50	1.195	Sederhana Tinggi
D08	Buku-buku berkaitan Jawi dapat membantu saya menguasai ejaan Jawi dengan baik.	4.35	0.741	Tinggi
D09	Saya selalu menghadiri bengkel atau kursus dalam memantapkan lagi penguasaan ejaan Jawi saya.	2.68	1.131	Sederhana Rendah
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.94</b>	<b>5.268</b>	Sederhana Tinggi

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kemahiran ejaan Jawi pelajar Pendidikan Islam IPGK. Hal ini ditunjukkan

melalui item D01 iaitu “ Pengajaran pensyarah dapat membantu saya untuk mahir dalam ejaan Jawi”, item D02 “ Saya mendapat galakan daripada pensyarah untuk menggunakan tulisan jawi”, item D03 “ Saya berusaha untuk meningkatkan penguasaan saya terhadap ejaan Jawi.”, item D05 “Rakan-rakan sering membantu saya untuk menggunakan ejaan Jawi yang betul”, dan item D08 “Buku-buku berkaitan Jawi dapat membantu saya menguasai ejaan Jawi dengan baik”.

Item D02 “Saya mendapat galakan daripada pensyarah untuk menggunakan tulisan jawi” memperoleh bacaan min 4.52 yang menjelaskan bahawa pelajar Pendidikan Islam IPGK mendapat galakan daripada pensyarah untuk menggunakan tulisan Jawi. Dapatan ini berkait dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Zambri Ahmad dan Rizaman Yahya (2014) yang menunjukkan responden tidak bersetuju dengan kenyataan “Tiada galakan daripada pensyarah untuk menggunakan tulisan Jawi”. Hal ini menunjukkan bahawa pensyarah sentiasa memberi galakan kepada pelajarinya serta membimbing mereka untuk menggunakan tulisan Jawi di mana ia dapat meningkatkan motivasi pelajar Pendidikan Islam IPGK untuk memahirkan diri dalam ejaan Jawi seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan harian.

**Persoalan kajian 4:** Apakah cara meningkatkan kemahiran ejaan Jawi pelajar Pendidikan Islam IPG Kampus Tuanku Bainun?

#### Jadual 10

Cara Pelajar Pendidikan Islam IPGK Meningkatkan Kemahiran Ejaan Jawi.

Bil	Cara Pelajar Pendidikan Islam IPGKTB Meningkatkan Kemahiran Ejaan Jawi	Min	SP	Interpretasi
E01	Saya sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan saya terhadap ejaan Jawi.	4.39	0.714	Tinggi
E02	Saya merujuk pensyarah untuk bimbingan berkaitan ejaan Jawi.	4.17	0.813	Tinggi
E03	Saya membeli Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Melayu Jawi dan lain-lain buku yang berkaitan dengan ejaan Jawi	2.91	1.174	Sederhana Rendah
E04	Saya selalu membuat latihan tubi berkaitan ejaan Jawi.	3.23	1.067	Sederhana Tinggi
E05	Saya meneroka bahan-bahan berkaitan ejaan Jawi.	3.74	0.974	Sederhana Tinggi
E06	Saya menggunakan perisian Jawi dalam komputer.	4.09	0.944	Tinggi
E07	Saya meminta bantuan ibu bapa untuk membiayai pembelian buku dan yuran bengkel Jawi.	2.70	1.234	Sederhana Rendah
E08	Saya berkongsi dengan rakan-rakan berkaitan maklumat baharu dalam ejaan Jawi	3.83	1.072	Sederhana Tinggi
E09	Saya menyertai “group” media sosial seperti Facebook Jawi, kumpulan DBP dan sebagainya.	2.79	1.166	Sederhana Rendah

E10	Saya mendengar perkongsian berkaitan ejaan Jawi di radio.	2.81	1.183	Sederhana Rendah
E11	Saya menghadiri bengkel atau kursus dalam memantapkan lagi kemahiran ejaan Jawi saya.	2.71	1.126	Sederhana Rendah
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.40</b>	<b>7.136</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Berdasarkan jadual di atas, terdapat beberapa cara yang pelajar Pendidikan Islam IPGK lakukan untuk meningkatkan kemahiran ejaan Jawi masing-masing. Antaranya ialah melalui item E01 iaitu "Saya sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan saya terhadap ejaan Jawi", item E02 "Saya merujuk pensyarah untuk bimbingan berkaitan ejaan Jawi" dan item E06 "Saya menggunakan perisian Jawi dalam komputer". Ketiga-tiga item ini telah memperoleh nilai skor min yang tertinggi menunjukkan bahawa secara asasnya responden menyatakan persetujuan terhadap kenyataan pada item-item tersebut.

Item E01 "Saya sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan saya terhadap ejaan Jawi" mencatatkan skor min 4.39 yang menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islam IPGK sentiasa berusaha meningkatkan penguasaan ejaan Jawi mereka melalui pelbagai cara. Seorang bakal guru seharusnya terus berusaha untuk meningkatkan pengetahuan isi kandungan yang sememangnya memberikan manfaat kepada diri dan komuniti dalam profesion keguruan.

## **KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI**

Secara keseluruhannya, didapati bahawa tahap kemahiran ejaan Jawi dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam IPGK adalah pada tahap tinggi di mana mereka menguasai sebahagian besar kategori ejaan Jawi yang disoal dengan perolehan peratus keseluruhan sebanyak 83%. Namun begitu, masih terdapat kelemahan yang dikenal pasti pada kemahiran ejaan bagi kategori kata umum. Kemahiran ini penting dalam membantu pelajar Pendidikan Islam IPGK mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran secukupnya sebagai bekalan Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) yang mantap sebelum bergelar guru sebenar kelak.

Dapatan kajian berdasarkan beberapa soalan dalam bahagian soal selidik menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islam IPGK menghadapi beberapa cabaran dalam kemahiran ejaan Jawi seperti kurangnya penggunaan tulisan Jawi secara optimum dan sistem ejaan Jawi yang sentiasa berubah-ubah. Oleh itu, pelajar Pendidikan Islam IPGK perlu berusaha dalam memaksimumkan kemahiran dengan menambah ilmu pengetahuan



berkenaan ejaan Jawi melalui penerokaan sendiri, menghadiri kursus atau bengkel dan sebagainya.

Selain itu, terdapat juga pelbagai faktor yang mempengaruhi kemahiran ejaan Jawi dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam IPGK. Antaranya ialah melalui pengajaran pensyarah, galakan daripada pensyarah untuk menggunakan tulisan Jawi, bantuan rakan-rakan, sokongan daripada persekitaran sekeliling, penggunaan media sosial, pembacaan buku-buku berkaitan Jawi dan penganjuran bengkel atau kursus pementapan kemahiran ejaan Jawi. Faktor-faktor sebegini memberikan kesan yang signifikan kepada pelajar Pendidikan Islam IPGK dalam meningkatkan kemahiran ejaan Jawi mereka.

Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati pelbagai cara yang dilakukan oleh pelajar Pendidikan Islam IPGK untuk meningkatkan kemahiran ejaan Jawi mereka. Antaranya ialah berusaha secara istiqamah untuk meningkatkan penguasaan terhadap ejaan Jawi, merujuk pensyarah untuk mendapatkan bimbingan berkaitan ejaan Jawi, membuat latih tubi, meneroka bahan-bahan berkaitan ejaan Jawi, menggunakan perisian Jawi dalam komputer dan berkongsi bersama rakan berkaitan maklumat baharu dalam ejaan Jawi. Pelajar Pendidikan Islam IPGK hendaklah berusaha sedaya upaya meningkatkan kemahiran ejaan Jawi masing-masing melalui pelbagai cara seperti menghadiri kursus, bengkel, latihan, menyertai perbincangan ilmiah, meneroka pelbagai bahan dan sebagainya.

Sebagai rumusan, dapat difahami bahawa kemahiran ejaan Jawi adalah amat penting dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam IPGK di mana mereka perlu sentiasa berusaha mengatasi cabaran yang dihadapi untuk meningkatkan kemahiran ejaan Jawi masing-masing. Kecanggihan teknologi pada masa kini banyak memudahkan orang ramai khususnya para pelajar untuk mengakses pelbagai bahan di mana segalanya sudah berada di hujung jari. Sebagai bakal guru, pelajar Pendidikan Islam IPGK hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran ejaan Jawi untuk mempersiapkan diri dengan pengetahuan isi kandungan (PIK) yang cukup sebelum mengajar murid-murid di sekolah sebagai guru Pendidikan Islam yang sebenar. Hal ini penting untuk membantu menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan seterusnya melahirkan generasi celik Jawi pada masa akan datang. Semakin tinggi kemahiran seseorang guru dalam ejaan Jawi, maka semakin bagus dan berkeyakinan proses PdP yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Hal ini semestinya dapat membantu murid-murid memahami isi pelajaran yang disampaikan seterusnya meningkatkan lagi kemahiran literasi Jawi dalam kalangan murid. Bidang Jawi berkait rapat dengan Pendidikan Islam dalam proses mendidik akal, rohani dan jasmani insan berasaskan al-Quran dan as-Sunnah di mana penguasaan murid terhadap Jawi dapat menjamin kejayaannya dalam Pendidikan Islam itu sendiri.

## RUJUKAN

- Adi Yusran Abdul Aziz & Zurina Abdullah. (2020). Peminggiran tulisan Jawi sebagai lambang jati diri melayu: satu kajian tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 244-255. <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152/128>.
- Ainun Bahiah & Wan Azmi Wan Omar. (2019). Pengetahaun dan Penguasaan Guru Pelatih Pendidikan Islam Zon Sabah Terhadap Penggunaan Penulisan Ejaan Jawi Yang di Sempurnakan. *Jurnal Penyelidikan PISMP PI Ambilan Jun 2015*, 18 – 27.
- Akmariah Mamat & Sofiah Ismail. (2010). Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan Jawi di Malaysia. *Proceedings of The 4th International Conference UPI & UPSI*, Indonesia: Bandung, 8-10 November 2010.
- Berhanudin Abdullah & Asyraf Ridwan Ali. (2013). An Anlysis of Errors in Jawi Writing: An Overview of the Mastery in Writing Jawi of j-QAF Trainee Teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(5), 314-324
- Bond T. G. & Fox C.M. (2015). Applying the rasch model: fundamental measurement in the human sciences. Ed.ke-3. Mahwah, NJ: L. Erlbaum.
- Campbell, M. (2018) Postmodernism and Educational Research. *Open Journal of Social Sciences*, 6, 67-73.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill (Malaysia).
- Fuad Ahmad Tajuddin & Hafizhah Zulkifli. (2022). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Isi Kandungan (PIK) Bidang Jawi dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research In Islamic Studies and Education [ARISE]*. 56 – 72.
- Grieser, D., & Hendricks, K. (2018). Pedagogical Content Knowledge for Shifting: More than a Toolbox of Tricks. *American String Teacher*, 68(2), 16-19. <https://doi.org/10.1177/0003131318760822>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0*. <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/sgm-2>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6 (Draf). Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*. 30(3), 607-610.
- Lily Hanefarezan Asbullah et. al. (2018). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 131-140.
- Mazhan Tamyis. (2023). Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah dalam Bidang Jawi. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education [ARISE]*, 3(1), 30-45.
- Mazhan Tamyis, Zahari Supian, Nur Hasnida Che' Md Ghazali & Sathianarayanan, P. (2022). Pelaksanaan Kurikulum Jawi di Sekolah Rendah : Suatu Penilaian Input: Implementation of Jawi Curriculum in Primary Schools: An Input Evaluation . *PENDETA*, 13(2), 13–24. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.2.2022>

- Muhammad Haiy Rosman & Mohd Isa Hamzah. (2021). Hubungan penguasaan Jawi dengan proses pengajaran guru di sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(10): 81-90.
- Naquiah Nahar, Jimaain Safar, Aminudin Hehsan, & Juhazren Junaidi. (2018). The Proficiency in the Complete Jawi Spelling System (CJSS) Among Islamic Studies Teachers in Malacca. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(12), 2403–2417.
- Nunally, J.C. (1978), *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Publication.
- Shulman, L.S. 1987. Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Education Review*, 56(1): 1-22.
- Zambri Ahmad & Rizaman Yahya. (2014). Hala Tuju Guru Pra Perkhidmatan Dalam Memartabatkan Tulisan Jawi.

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA BAHASA CINA DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA: CABARAN DAN TRANSFORMASI PELAJAR

### 华小华文阅读推广活动:挑战和学生的转变

Low Hui Cheen 罗卉晴 , Dr. Ho Pei Yao 何佩瑶博士

g-p19300011@moe-dl.edu.my

Jabatan Bahasa Cina, IPGKTB

#### Abstrak

*Matlamat untuk membentuk tabiat membaca yang baik dalam kalangan pelajar telah dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Cina. Kerajaan negara kita juga berhasrat untuk mencapai matlamat membaca secara meluas dalam kalangan rakyat pada tahun 2023. Namun, masalah kurang inisiatif membaca merupakan situasi biasa yang wujud dalam kalangan pelajar. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji Program Galakan Membaca di sekolah rendah kebangsaan Cina, menganalisis cabaran yang dihadapi dalam prosesnya, dan meneroka transformasi yang berlaku dalam kalangan pelajar selepas terlibat dalam program tersebut. Reka bentuk kajian ini ialah penyelidikan kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Instrumen yang digunakan untuk mengumpulkan data ialah temu bual, pemerhatian dan analisis video. Hasil dapatan kajian dibincangkan melalui tiga proses iaitu proses pemilihan buku, proses membaca, dan proses memberi respon. Cabaran yang dihadapi merangkumi pelajar tidak dapat memilih buku secara bebas, sumber koleksi buku tidak mencukupi, masa bacaan pelajar terhad, pelajar kurang mendapat respon dalam perkongsian mereka dan guru kurang memberikan inisiatif terhadap Program Galakan Membaca. Transformasi yang dijumpai dalam kalangan pelajar adalah menjadi lebih aktif dalam berkongsi pengalaman membaca dan dapat mengaplikasikan teknik mempromosikan buku. Kajian ini dapat memberikan panduan kepada sekolah-sekolah Cina yang lain dengan mempertimbangkan cabaran-cabaran yang diperbincangkan, dan seterusnya melaksanakan Program Galakan Membaca dengan cara yang terbaik.*

**Kata Kunci:** Membaca, Inisiatif Galakan Membaca, Cabaran Membaca, Bahasa Cina

#### 摘要

马来西亚小学华文课程标准的目的是要让学生养成良好的阅读习惯,我国政府也期望能在 2023 年实现全民都爱阅读的目标。透过教育部积极推广阅读活动且不惜以奖励制度提升学生阅读量的行为来看,我国学生在阅读这方面欠缺积极性。此研究的目的正是为了探讨华小的阅读推广活动,分析过程中所面临的挑战及学生参与阅读推广活动后的转变。本研究的设计是采用了质化方式中的个案研究,而收集数据所使用的研究工具包括了访谈、观察和视频分析。本研究以一名主要负责阅读推广活动的教师及五位由教师推荐的学生作为研究对象。研究成果显示华小华文阅读推广活动包括了学生没有机会选择感兴趣的书籍、藏书资源不足、学生缺乏足够的阅读时间、学生的分享中缺乏双向交流的回应当以及教师们对阅读推广活动的重视不足。学生的转变主要在于变得积极分享阅读心得和学会运用荐读技巧。本研究能为其他华小提供借鉴,将研究中提及的挑战列入考量范围之内,从而最大限度地在校内开展阅读推广活动。

**关键词:** 阅读、阅读推广、阅读挑战、华文

## 前言

根据我国图书馆馆长表示，截至今年 5 月的数据显示，马来西亚人平均每年阅读 20 本书，相比 2014 年的 15 本有了显著提升。然而，大马人的阅读率仍然相对偏低，远未达到每年 30 本的理想阅读量（Nurul Suhaidi, 2023）。Rhoda (2017) 的研究中也表明比起阅读，学生更喜欢在空闲时进行其他休闲活动。马来西亚《小学华文课程与评估标准》注明了小学华文课程的目标是培养学生自行阅读的能力，发展良好的语感，并养成良好的阅读习惯。教育部为此也陆续推出了各种阅读推广活动这些活动，包括 Nilam 阅读计划、一个马来西亚阅读营及国家十年阅读计划，旨在提升马来西亚的阅读风气，培养阅读兴趣。

马来西亚儿童文学协会也致力于将华文阅读推广活动引入校园，而近年来，越来越多的华小也逐步在校园中落实阅读推广活动。然而，值得关注的是，华小在落实阅读推广活动时到底面临什么样的挑战？在华小落实这些阅读推广活动又能带给学生什么转变？因此，本研究旨在深入探讨华小实施阅读推广活动时所面临的挑战和学生参与阅读推广活动后的转变，以期为将来的校内阅读推广活动提供思考方向。

## 研究理论

本研究是以艾登·钱伯斯于 1991 年提出的“阅读循环圈”理论作为理论基础。该循环圈主要由 4 个要素构成，即选书、“阅读”、回应及有协助能力的大人。钱伯斯（2006）认为所有的阅读从选择开始，因此在开始阅读前，必须有足够的图书储备可供选择。同时，他也强调阅读不仅需要时间，还需要一个不被打扰的场所。回应则分为两种，一种是读完后会希望能经历另一个阅读循环，另一种是读完后忍不住想找人聊聊。而“有协助能力的大人”居于阅读循环圈理论的中心，有着不可忽视的作用。一个有协助能力的大人能在儿童对某课题感兴趣时，及时将该方面的优秀文学作品带给他；能提供儿童不受干扰的阅读时间和空间；能倾听儿童的读后心声，与他们分享自己的阅读经验。在学校里“有协助能力的大人”主要是教师，即教师在学生选书、阅读、回应环节有着重要的引领作用。刘丽丽（2021）表示，阅读循环圈理论目前已被广泛运用于欧美发达国家的图书馆领域，而这理论倡导重视阅读过程中涉及的每个元素，从细节增强阅读质量，从而提高读者的阅读满意度，为图书馆阅读推广工作指明了未来的发展方向。

## 研究目的

本研究从校园层面对阅读推广进行深入研究，探讨在校园中开展阅读推广活动所面临的挑战以及学生参与后的转变，以助推动学校阅读氛围的建设，提升学生的阅读积极性。因此，本研究目的如下：

1. 探究阅读推广活动在华小所面临挑战。
2. 探究学生参与阅读推广活动后的转变。

## 研究方法

本研究采用的是质化研究中的个案研究，研究范畴围绕在所有进行阅读推广活动的华文小学，并通过有意抽样法确定研究对象。

本研究的研究对象是一位教师和由该教师所推荐的五位学生。研究者所采访的教师是该校的图书馆负责老师，在校内策划过不少阅读活动，同时也是该校进行阅读推广活动的主要推手，因此这名教师作为本研究的研究对象能够为研究者提供最大的信息量。

表 1

学生基本资料表

研究对象	性别	年龄	班级
学生 B	男	12	6K
学生 C	女	12	6S
学生 D	女	10	4S
学生 E	女	10	4S
学生 F	女	8	2K

表 1 是由教师所推荐的学生的基本资料，分别有两名六年级的学生、两名四年级的学生以及一名二年级的学生。而在这在五名学生当中，有 1 个是男生和 4 个是女生。当中有两位学生，即学生 C 和学生 D 是图书管理员。


为保证研究的信度和效度，研究者采用了三角互证法，即与研究对象进行访谈、对阅读推广活动和校园内的情况进行非参与式或无结构式观察、以及通过搜集研究对象实施阅读推广活动时留下的视频记录或是学生作品，为本研究提供更多的数据支撑。研究者从不同角度收集并深入分析数据，相互证实数据的真实性，最终给出一套有说服力的研究结果。

### 研究成果与讨论

该校为了推广阅读，已逐步将一些阅读推广活动引入校园，同时也不断在校内已有的阅读推广活动上作出调整或变动，以期能将阅读风气扩散到校园的每个角落。因此，研究者从“阅读循环圈”理论中的四个要素对该校在实施阅读推广活动过程中所遇到的问题进行了深入剖析。

图 1

华小华文阅读推广活动面临的挑战



## （一）选书

图 1 显示华小在实施阅读推广活动上所面临的挑战。首先，选书部分出现了学生没有自由选书的机会以及藏书资源不足的挑战。教师在采访中提及书籍丢失的问题让他调整了持续默读（Sustained Silent Reading, SSR）的进行方式，而通过研究者的观察发现，部分学生在 SSR 环节出现了换书、聊天、发呆等情况。尽管教师尽可能地为提供优秀的儿童文学作品，但在实施过程中却忽视了学生对于选书的个性化需求，即交由图书管理员分发书籍而非让学生自由选书，这导致有的学生对所拿到的书籍毫无兴趣，致使“阅读”的过程无法发生。此外，教师也在每个班级都设立了专属的阅读推车，但经研究者观察发现，并非每个阅读推车都具备充足的藏书资源。有些推车拥有两排书籍，而有些则只有零散的二到四本，还有些是完全没有书籍。有限的书籍数量和种类让学生的选书机会受限，他们也会因为找不到感兴趣的书籍而放弃阅读。这情况会对学生的阅读体验造成影响，阅读推广活动的效果也会受到制约。刘丽丽（2021）表示，选书是阅读循环圈理论的逻辑起点，也是阅读活动的开始。一旦我们找到需要或是感兴趣的书籍时，都会很乐意继续深入研读。若学生在选书方面的需求受到重视，周围充斥着可供自由选择的各种类型的书籍，那阅读效果也将会大幅提升。教师表示：

“图书管理员要提前把书分好咯，然后今天你拿这箱，明天就拿另一箱……”

“每个班都有（阅读推车），有时候推车上的书看完了就可以来换书”

研究者询问学生在 SSR 时是否都在阅读，以下为学生的回答：

“不一定，（我）有时候会在那边补功课”（学生 A）

“有时候（拿到的）是小说，有时候是有图案的……（拿到小说）会尝试去看……读不下去，会比较辛苦，如果图片多一点还好”（学生 E）

## （二）阅读

其次，学生缺乏足够的阅读时间。尽管教师为学生提供了 15 分钟的持续默读时间，但根据观察发现，学生的阅读时间经常会因外界的干扰而受到中断，导致他们无法完全沉浸在阅读中。在两周一次的阅读节中，学生为确保能在规定时间内完成阅读并提交阅读报告，从而选择阅读图片较为丰富的书籍，而非自己感兴趣的书籍。任丽君、杭义梅（2018）指



出，教师不能期待儿童利用课余时间来阅读，因为许多家庭并没有阅读的习惯，而出自这些家庭的孩子会因为电子游戏等其他原因而失去阅读的时间。阅读节和 SSR 作为学术环境中为学生提供阅读时间的重要活动，本应为学生提供一个良好的阅读环境，却频繁受到外界因素的打扰，影响了阅读的质量和效果。

“……如果看小说会来不及，然后写不到 Nilam，所以只能看绘本，比较快就能看完”（学生 D）

### （三）回应

接着是学生的分享中缺乏双向交流的回应的。柯佳秀（2016）表示大多数学生阅读后更倾向于与同学或老师进行交流。尽管部分活动提供了让学生分享喜爱书籍的机会，如研究者在书评比赛的作品中发现学生都非常热情地分享着喜欢的书籍，但透过访谈得知这些参赛视频一般只有评审团观看，因此这活动更多是学生单向表达，而非双向互动。读者们通常在看完书后会想要保留其中的乐趣，探索书本带给他们的启示，并和他们朋友分享看法与其中的乐趣。研究者在视频分析的过程中也发现学生的话语中有渴望回应的信号，然而，当学生的分享长期得不到正面的回应，就会让他们对分享失去兴趣，这也成为讲故事活动难以持续的根本原因。因此，作为教师可以尝试和学生聊书，让学生在阅读后有一个双向交流的过程，帮助学生分享阅读，并让阅读不断地持续下去。正如视频中一位五年级学生的分享：

“你们听了我的述说后是否对这本书有兴趣？那你们空闲时也可以去看一看。希望你们会喜欢。”（《神秘电话亭》五年级学生）

### （四）“有协助能力的大人”

最后，“有协助能力的大人”作为阅读循环圈的中心体现了其重要性。教师作为“有协助能力的大人”应是能在阅读循环的每个部分为学生及时提供协助，但研究者从访谈结果得出其他教师并没有扮演好这个角色，而教师们的种种行为也反映了他们对阅读推广活动的重视不足。研究者观察时发现多数教师在 SSR 进行时会选择留在办公室，而非与学生一同参与阅读。通过访谈得知在晨读时，许多教师往往会将重心放在班级事务上，如收作业或点名等，同时也有有的教师会占用阅读节的时间来上课，而非让学生到图书馆阅读。教师

们的行为无形中显现出了对阅读推广活动的低重视，同时也体现了教师们没能充分发挥作为有协助能力的大人的角色，从而影响了活动的实施效果。图书馆老师对此回应：

“阅读节是拿道德节来做，……但是很多时候道德老师大部分是班主任，所以可能老师们会用来上课。”

“因为很多老师早上都会点名啊、跟学生收簿子啊、……真正做晨读的是比较少”

## 学生参与阅读推广活动后的转变

### （一）积极分享阅读心得

首先是学生变得积极分享阅读心得。无论是在周会上的分享、书评比赛的分享，还是与家庭成员的交流，学生们都积极地分享着各自的阅读心得。他们找到喜欢的书籍的同时，也更是激发了他们的分享欲。访谈过程中，研究者也观察到了学生在分享喜欢的书籍时会滔滔不绝。研究者在书评比赛的视频中也发现学生分享书籍前都会着重提及这是他“喜爱的书”。中国儿童文学作家杨红樱指出，真正的阅读是自发的，而不是带有任务性质的读后感。在书评比赛中，强调了学生根据个人创意来分享喜爱的书籍，而非强求以“阅读报告”形式记录阅读经历。这种自由和开放的分享方式有助于激发学生内心的阅读热情和真实参与。以下视频中学生推荐和分享书籍的过程真实表达了他们对阅读的感受：

“我喜欢这本《妈妈使用手册》，……”（《妈妈使用手册》四年级学生）

“我好喜欢《用点心学校》，觉得很有趣，很有意思。”（《用点心学校》六年级学生）

“这本绘本的作者是陈致元，他有很多著名的作品，……我最喜欢的还是这本《一个不能没有你们的日子》。”（《一个不能没有你们的日子》四年级学生）

### （二）学会运用荐读技巧

研究者在分析书评比赛的视频作品中，发现有不少学生已经在运用荐读中的一些技巧。有的学生会通过讲述的方式介绍角色或故事情节，还会配合说到的故事内容打开相应的页面；有的则是留了悬念，让听众自行翻阅该书籍以获知后续情节；更有甚者自制了道具，通过展示自己画的人物逐一介绍该人物的趣事，呈现方式极具吸引力。学生只有在阅读时领会

了书中的乐趣，才得以在介绍时选择以更能诠释这本书的方式呈现，因为一个不肯阅读的人将很难有机会从书上去发现这么一个神秘的的世界。学生虽对荐读技巧缺乏认识，但透过参与阅读营、阅读嘉年华时所见识过的荐读环节，以及倾听教师或同学介绍书籍的方式，却使他们间接掌握了这一技能。阅读推广活动让他们接触到了不一样的诠释方式，为他们在解读自己喜爱的书籍提供了更多思路，使他们能以更多元的方式向听众传达这本书的有趣之处，例子如下：

“如果你想知道这 99 只小猴仔如何闹翻天，可以到图书馆去借这本书来读！”

（《世界上最糟糕的父母》四年级学生）

“这本书主要讲述的是布丁妈妈生下了小小布丁人（展示自己画的“小小布丁人”）……”（《用点心学校》六年级学生）

此外，研究者也在访谈的过程中发现有的学生从小就被家中父母培养起了阅读习惯和能力，而阅读已然成了他们的日常。所以无论是否有以上教师所推行的阅读推广活动，他们平时仍然会保持阅读的习惯。

### **研究建议和影响**

如今，阅读推广活动在各个华小逐渐受到重视，然而，在我国华小的阅读推广实践中仍然存在一些不足与问题，本研究通过探讨华小在实施阅读推广活动时所面临的挑战以及学生的转变，旨在引起教师们对阅读推广活动的高度重视。阅读能力的培养靠的正是持续不间断的阅读习惯，而阅读推广活动能最大限度地帮助学生在充满阅读氛围的环境下促进学生的阅读兴趣和习惯，从而培养他们成为一个终身学习者。依据研究成果显示，部分学生由于家庭背景，在幼年时已经建立了稳固的阅读习惯和能力，单一地以培养阅读习惯为目标的推广活动难以在他们的阅读方面提供更深一层的帮助。因此，研究者建议可以针对已经具备阅读能力和习惯的学生进行深度访谈，探讨他们在阅读方面的需求，包括他们感兴趣的领域、喜欢的书籍类型、对阅读活动的期待等。

## 结论

综合来看，此个案研究在一定程度上反映了当前我国华小可能面临的情况，即阅读推广活动在华小实施时存在的问题以及问题发生的原因，同时也体现了阅读推广活动带给学生的一些转变。这项研究仅仅是初步探索，但希望它能为未来的华小在落实阅读推广方面提供参考，为改进实践提供一些借鉴。

## 参考文献

陈诗蓉 (2017) (2021, May 22) *先让老师们读起来| 龙门阵| 评论*. 东方日报。

<https://www.orientaldaily.com.my/news/longmen/2017/05/10/196007>

柯佳秀 & 章小童。(2016)。基于“阅读循环圈”理论的全民阅读推广中学校引领研究。图书情报导刊 (11),8-12。

刘丽丽。(2021)。基于阅读循环圈理论的图书馆阅读推广研究。出版广角(08),68-70。

钱伯斯。(2016)。《打造儿童阅读环境》。北京联合出版公司。

任丽君、杭义梅。(2018)。图书馆阅读推广工作比较研究。无线互联科技 (21),117-118。

张珺 (n.d)。杨红樱：勿低估儿童的阅读能力，写读后感有害。《辽宁晚报》。

Suhaidi, N. (2023). *Malaysian reading habits encouraging, but more must be done*. The Malaysian Reserve.

<https://themalaysianreserve.com/2023/08/08/malaysian-reading-habits-encouraging-but-more-must-be-done/>

# KESALAHAN PENGGUNAAN AYAT MAJMUK GABUNGAN DALAM KARANGAN MURID TAHUN LIMA DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Nur Baiti Nazri<sup>1</sup> dan Hafizah Hanim Tawfik Hilmy<sup>2</sup>

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

[bettynazri29@gmail.com](mailto:bettynazri29@gmail.com)<sup>1</sup>

## Abstrak

*Bahasa Melayu merupakan bahasa signifikan yang digunakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kajian ini memberikan penekanan terhadap bidang sintaksis iaitu pembinaan ayat majmuk gabungan kerana kajian mengenai ayat majmuk gabungan ini jarang dilakukan. Pelajar selalunya mempunyai masalah dalam penulisan khususnya ayat majmuk disebabkan mereka tidak dapat mengembangkan idea mereka. Hal ini menyebabkan ayat yang dibina kurang gramatis dan adanya kesalahan disebabkan kurangnya koheran idea dalam menulis ayat majmuk. Oleh itu, kajian ini berobjektif ingin mengenal pasti kekerapan penggunaan serta menganalisis kesalahan ayat majmuk gabungan dengan empat kata hubung yang difokus iaitu 'dan', 'tetapi', 'sambil', dan 'lalu' dalam karangan murid. Maka, kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan menganalisis dokumen iaitu hasil karangan murid. Sebanyak 20 sampel daripada 3 buah sekolah di daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dianalisis. Kajian ini dilakukan berdasarkan teori yang dipelopori oleh Corder (1973) untuk menganalisis data yang diperolehi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan ayat majmuk gabungan dalam karangan murid berada pada tahap yang baik. Kesemua sampel menggunakan ayat majmuk gabungan dalam karangan mereka namun masih terdapat kesalahan yang dikenal pasti iaitu sebanyak 30%. Oleh itu, kajian ini boleh ditambah baik dengan mengubahnya kepada kaedah campuran iaitu gabungan kajian kualitatif dan kuantitatif.*

**Kata Kunci:** Bahasa Melayu, sintaksis, karangan, ayat majmuk, ayat majmuk gabungan

## Abstract

*Malay is a significant language used in the education system in Malaysia. This study emphasises on the syntactic field which is the construction of combined compound sentences as studies on compound sentences are rarely done. Students often have problems in writing especially compound sentences because they are unable to develop their ideas. This causes the constructed verse to be less grammatical and there is an error due to the lack of coherent ideas in writing compound sentences. Therefore, this study aims to identify the frequency of use as well as analyze the errors of compound sentences combined with four focused hyphens namely 'and', 'but', 'while', and 'past' in the pupil's essay. Thus, this study is done qualitatively by analyzing the document which is the result of the student's essay. A total of 20 samples from 3 schools in the district of Seberang Perai Tengah, Penang were analyzed. This study was conducted based on a theory pioneered by Corder (1973) to analyze the data obtained. The findings showed that the use of combined compound sentences in pupils' essays was at a good level. All the samples used combined compound sentences in their essays but there was still an identified error of 30%. Therefore, this study can be improved by changing it to a mixed method that is a combination of qualitative and quantitative studies.*

**Keywords:** Malay, Syntax, Essay, Compound Sentence, Combined Compound Sentences

## PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa signifikan yang digunakan dalam sistem pendidikan di Malaysia selain daripada menjadi bahasa pertuturan dan bahasa rasmi bagi rakyat Malaysia (Nora'Azian Nahar & Fadzilah Abd Rahman, 2018). Bahasa mempunyai peraturan yang tertentu dan khusus dan dianggap sebagai satu sistem yang melibatkan tiga teras ilmu utama iaitu morfologi, fonologi dan juga sintaksis (Muhammad Afiq Mahazi & Hakim Zainal, 2018). Kajian mengenai sintaksis ini boleh berbatasan kepada empat aspek berdasarkan kajian dari Siti Khodijah Che Mee (2020) iaitu subjek dan predikat, pola-pola ayat, jenis ayat dan juga ayat majmuk. Ayat majmuk merupakan ayat yang terdiri daripada dua atau lebih subjek predikatnya serta terbahagi kepada tiga iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran (Nik Safiah Karim & Wong Aw Lam Chee, 2015). Kajian ini memberikan penekanan terhadap ayat majmuk gabungan kerana kajian mengenai ayat majmuk gabungan ini jarang dilakukan.

Kesalahan ayat merangkumi beberapa jenis iaitu: ayat tanpa subjek, ayat tanpa subjek dan tanpa predikat, ayat tidak logik, pleonasme, pengguguran kata hubung, kata hubung yang berlebihan, dan penggunaan kata tanya yang tidak perlu (Adolf Bastian Dawa et al., 2020; Rizki Herdiani, 2017; Setyawati, 2010). Rizki (2017) juga telah melakukan kajian mengenai jenis kesalahan karangan murid di SMA YAPIP Makassar Sungguminasadan di Sulawesi Selatan, Indonesia dan mendapati bahawa sebanyak 50 perkataan dari jumlah keseluruhan kesalahan merupakan kesalahan sintaksis. 22% daripada kesalahan tersebut merupakan kesalahan ayat majmuk seperti penggunaan kata hubung yang tidak sesuai. Pelajar selalunya mempunyai masalah dalam penulisan apabila melibatkan aspek penyambung ayat iaitu ayat majmuk (Noraishah Sakilah Kamat et al., 2021).

Rata-rata murid mempunyai masalah untuk membina ayat majmuk kerana mereka tidak dapat mengembangkan idea mereka. Hal ini menyebabkan murid-murid tidak dapat membina ayat yang gramatis disebabkan kurangnya koheran idea yang nyata dalam menulis ayat majmuk (Mardhiah Mokhtar & Wan Aziz Wan Muhammad, 2022). Selain itu, dapatan daripada kajian Siti Khodijah Che Mee (2020) mengenai tahap penguasaan pelajar dalam menguasai ayat majmuk juga menunjukkan bahawa masih terdapat pelajar yang kurang memahami ayat majmuk sebanyak 28%. Maka hal ini membuktikan bahawa masih ramai lagi murid yang kurang menguasai ayat majmuk dalam penulisan mereka.

Objektif kajian ini dilakukan adalah seperti berikut:

- I. Meneroka kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan dalam karangan murid.
- II. Meneroka kekerapan kesalahan penggunaan ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam karangan murid.
- III. Menganalisis kesalahan penggunaan ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam karangan murid.

Kajian ini bakal menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

- I. Apakah kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan dalam karangan murid?
- II. Apakah kekerapan kesalahan penggunaan ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam karangan murid?
- III. Apakah kesalahan penggunaan ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam karangan murid?

Kajian ini amat penting kepada guru untuk menganalisis murid-murid yang mempunyai masalah dalam membina ayat majmuk gabungan ini. Selain itu, kajian ini juga penting kepada murid-murid kerana murid-murid dapat mengetahui kesalahan yang dilakukan oleh mereka mengenai ayat majmuk gabungan. Kajian ini juga penting kepada ibu bapa kerana ibu bapa dapat melihat tahap penguasaan ayat majmuk yang dibina oleh anak-anak mereka kemudiannya boleh melakukan pelbagai inisiatif bagi membantu anak-anak yang lemah. Kajian ini juga dapat memastikan pentadbir mendapat info mengenai tahap penguasaan penulisan ayat murid-murid. Kajian ini juga dapat memastikan pentadbir mendapat info mengenai tahap penguasaan penulisan ayat murid-murid.

## **LITERATUR**

Teori Analisis Kesalahan Bahasa diperkenalkan oleh Pit Corder dan digunakan untuk membuat kajian mengenai aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh individu tertentu (Abdul Hamid Moiden & Jessica Ong Hai Liaw, 2020). Kesalahan bahasa melibatkan beberapa aspek utama seperti kesalahan tatabahasa, ejaan, sebutan dan juga istilah. Corder (1981) juga menyimpulkan bahawa kesalahan bahasa terbahagi kepada kekeliruan (mistake), kesalahan (error) dan juga kesilapan (lapses). Corder (1967) menjelaskan kesalahan merupakan elemen yang penting kepada pelajar, pengajar dan juga pengkaji bahasa kerana kesalahn boleh dijadikan sebagai

kayu ukur untuk mengenal pasti tahap penguasaan serta perkembangan prestasi pelajar apabila proses pembelajaran dijalankan. Strategi yang digunakan oleh pelajar dan juga pemerolehan bahasa dapat dikaji oleh pengkaji manakala pelajar dapat mengetahui kesalahan mereka kemudian dapat memperoleh ilmu baru daripada kesalahan tersebut (Abdul Hamid Moiden & Jessica Ong Hai Liaw, 2020).

Berdasarkan kajian, Corder (1973) menyatakan bahawa terdapat beberapa kesalahan yang sering dilakukan oleh pengguna bahasa iaitu pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau kurang tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Maka, pengkaji melihat kesalahan murid berpandukan empat perkara yang terdapat di dalam rajah di atas. Rasional pemilihan teori ini ialah dengan menggunakan teori ini, pengkaji dapat memerihalkan serta menjelaskan kesalahan yang dilakukan oleh murid berkaitan dengan ayat majmuk gabungan dengan lebih mendalam dan juga teliti.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen untuk menganalisis data kajian. Dokumen yang dianalisis ialah karangan murid dan pengkaji meneroka penggunaan ayat majmuk gabungan dalam karangan serta menganalisis kesalahan ayat majmuk gabungan yang dilakukan oleh murid. Sampel yang dipilih merupakan murid tahun lima sahaja. 20 sampel daripada 3 buah sekolah dipilih dengan menggunakan pensampelan mudah bagi menjalankan kajian ini. Pengkaji memilih daerah Seberang Perai Tengah di negeri Pulau Pinang kerana lokasi tersebut berdekatan dengan rumah pengkaji. Hal ini akan memudahkan lagi pengkaji untuk menjalankan kajian kerana kajian kualitatif ini memerlukan masa, wang dan juga tenaga yang banyak (Noraishah Sakilah Kamat et al., 2021).

Pengkaji mendapatkan kebenaran daripada pihak atasan iaitu dari pihak IPGM terlebih dahulu untuk membuat kajian di sekolah. Kemudian, pengkaji memberikan surat kebenaran tersebut kepada pentadbir sekolah. Pengkaji membina soalan karangan yang bertemakan Kekeluargaan. Pelbagai faktor diteliti oleh pengkaji bagi mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan soalan karangan yang telah dibina. Pertama, soalan yang dibina memenuhi Huraian Sukatan Pelajaran iaitu berpandukan tema yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 iaitu tema kekeluargaan. Istilah yang digunakan juga mudah dan dapat difahami oleh murid tahun lima. Soalan karangan yang dibina telah mendapat kesahan daripada pakar.



Pakar penilai ini merupakan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun yang mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa.

Kemudian Pengkaji berbincang dengan guru bahasa Melayu daripada tiga buah sekolah untuk memilih beberapa orang sampel untuk membina karangan tersebut. Guru Bahasa Melayu sekolah yang dipilih akan menanda karangan tersebut kemudiannya diberikan kepada pengkaji. Kemudian, karangan yang diberikan oleh guru bahasa Melayu tersebut dianalisis untuk mencapai dua objektif utama iaitu meneroka penggunaan ayat majmuk gabungan dalam karangan dan juga menganalisis kesalahan penggunaan ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam karangan tersebut. Analisis kesalahan dilakukan dengan melihat penggunaan ayat majmuk gabungan dengan empat kata hubung iaitu 'dan', 'tetapi', 'sambil' dan 'lalu' yang salah.

Setiap karangan dianalisis bilangan penggunaan ayat majmuk gabungan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Kemudian, berdasarkan penggunaan ayat majmuk gabungan yang telah dibina oleh murid-murid tersebut, pengkaji menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh sampel berdasarkan empat aspek iaitu (i) ketidakjelasan atau kesalahan struktur ayat, (ii) penggunaan kata hubung yang tidak tepat, (iii) kesalahan ejaan/ penggunaan dialek dan (iv) kesalahan penggunaan tanda baca oleh sampel dengan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) yang menggariskan empat perkara iaitu Pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau kurang tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah.

Seterusnya, skrip karangan yang telah dianalisis kesalahan disahkan oleh pakar. Dapatan yang dianalisis diperiksa dan dibetulkan jika terdapat sebarang masalah atau kesilapan. Pengkaji juga mendapatkan purata persetujuan yang dilakukan berdasarkan proses penilaian purata Indeks Kesahan Kandungan (Content Validation Index, CVI) melalui pakar-pakar tersebut. Selain pakar, pengkaji memintakan sebaya yang turut mempunyai kepakaran dalam bahasa Melayu untuk menyemak dapatan kajian tersebut. Jika pakar penilai dan rakan sebaya sudah memberikan persetujuan setelah penilaian, dan CVI juga melebihi 0.8 (Davis, 1992), barulah dapatan analisis skrip karangan tersebut digunakan dalam kajian ini.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

**Jadual 1**

*Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Gabungan bagi Setiap Sampel*

Sampel	Jenis Kata Hubung Gabungan				Jumlah
	dan	tetapi	sambil	lalu	
S1	6	0	0	0	6
S2	3	0	0	0	3
S3	1	0	1	0	2
S4	1	0	0	0	1
S5	1	0	1	0	2
S6	3	0	0	1	4
S7	4	0	0	0	4
S8	4	1	0	0	5
S9	2	0	0	1	3
S10	4	0	0	0	4
S11	1	0	0	0	1
S12	1	0	0	0	1
S13	4	0	0	0	4
S14	4	0	1	0	5
S15	1	0	0	0	1
S16	1	0	0	0	1
S17	3	0	0	0	3
S18	0	0	0	1	1
S19	1	0	0	1	2
S20	3	0	0	1	4
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>57</b>


Hasil analisis data mendapati sebanyak 100% iaitu 20 sampel menggunakan ayat majmuk gabungan dalam penulisan karangan mereka. Jumlah keseluruhan ayat majmuk gabungan yang dibina oleh kesemua sampel adalah sebanyak 57 ayat. Ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'dan' mencatat kekerapan paling tinggi iaitu sebanyak 48 ayat ataupun 84%. 9% daripada keseluruhan ayat majmuk gabungan yang dibina iaitu 5 ayat merupakan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'lalu'. Hanya 3 ayat iaitu 5% yang menggunakan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'sambil' dan didapati ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'tetapi' hanya ada 1 ayat sahaja yang mewakili 2% daripada keseluruhan ayat majmuk gabungan.

**Jadual 1***Kekerapan Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Gabungan bagi Setiap Sampel*

Sampel	Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan dengan Kata Hubung				Jumlah
	dan	tetapi	sambil	lalu	
S1	1	0	0	0	1
S2	2	0	0	0	2
S3	1	0	0	0	1
S4	1	0	0	0	1
S5	0	0	1	0	1
S6	1	0	0	0	1
S7	1	0	0	0	1
S8	0	1	0	0	1
S9	0	0	0	1	1
S10	1	0	0	0	1
S11	0	0	0	0	0
S12	0	0	0	0	0
S13	1	0	0	0	1
S14	0	0	1	0	1
S15	1	0	0	0	1
S16	0	0	0	0	0
S17	1	0	0	0	1
S18	0	0	0	1	1
S19	0	0	0	0	0
S20	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>16</b>

Jadual di atas menunjukkan kekerapan kesalahan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'dan', 'tetapi', 'sambil' dan 'lalu' yang dilakukan oleh sampel. Dapatan menunjukkan bahawa 16 daripada 57 atau 28% ayat majmuk yang dibina mempunyai kesalahan. Hampir kesemua sampel melakukan sekurang-kurangnya satu kesalahan ayat majmuk gabungan dalam penulisan mereka. Hanya lima sampel sahaja yang tidak mempunyai kesalahan ayat majmuk gabungan. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid mampu untuk membina ayat majmuk gabungan namun masih terdapat kesalahan disebabkan faktor-faktor yang tertentu.

**Rajah 1**  
*Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Gabungan*



Kesalahan penggunaan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung gabungan iaitu 'dan', 'sambil', 'lalu' dan 'tetapi' yang diuraikan dari segi (i) ketidakjelasan atau kesalahan struktur ayat, (ii) penggunaan kata hubung yang tidak tepat, (iii) kesalahan ejaan/ penggunaan dialek dan (iv) kesalahan penggunaan tanda baca. Ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'dan' menunjukkan 12 kesalahan iaitu lapan kesalahan ketidakjelasan atau kesalahan struktur ayat, dua kesalahan penggunaan kata hubung yang tidak tepat serta dua kesalahan penggunaan tanda baca. Bagi ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'tetapi' pula hanya menunjukkan satu kesalahan iaitu dari aspek kesalahan ejaan/ penggunaan dialek. Terdapat satu kesalahan ketidakjelasan atau kesalahan struktur ayat dan satu kesalahan juga bagi penggunaan kata hubung yang tidak tepat untuk ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'sambil'. Akhirnya, bagi ayat majmuk gabungan dengan kata hubung 'lalu' menunjukkan dua kesalahan iaitu satu daripadanya merupakan kesalahan ketidakjelasan atau kesalahan struktur ayat manakala satu kesalahan lagi merupakan kesalahan penggunaan kata hubung yang tidak tepat.

**Jadual 2**  
Contoh Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan

<i>Sampel</i>	<i>Contoh Ayat</i>	<i>Pembetulan</i>
S1A10	<b>Dan</b> kami membakar daging bakar dan ayam bakar.	Kami membakar daging dan ayam bakar.
S13A6	Seterusnya, saya <b>dan</b> ayah memasang khemah <b>dan</b> saya pergi berenang <b>dan</b> selepas berenang saya <b>dan</b> keluarga pergi ke kedai makan <b>dan</b> saya <b>dan</b> keluarga makan ABC di tepi pantai <b>sambil</b> melihat pemandangan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Seterusnya, saya dan ayah memasang khemah lalu saya pergi berenang.</li> <li>2. Selepas berenang, saya dan keluarga saya pergi ke kedai makan untuk makan ABC di tepi pantai sambil melihat pemandangan.</li> </ol>
S2A5	Terdapat jual seperti air teh, ayam goreng, lokcing, dan sebagainya.	Terdapat jualan seperti air teh, ayam goreng, lokcing, dan sebagainya.
S18A6	Setelah sampai Ibu menghampar tikar <b>lalu</b> ayah memasang kemah.	Setelah sampai Ibu menghampar tikar <b>dan</b> ayah memasang kemah.
S8A13	Kami merasa sangat penat, <b>tapi</b> seronok.	Kami berasa sangat penat, <b>tetapi</b> seronok.

Kesalahan bagi S1A10 ialah kesalahan penggunaan kata hubung gabungan “dan” di pangkal ayat. Hal ini kerana fungsi kata hubung ‘dan’ adalah untuk menghubungkan dua perkataan, frasa mahupun ayat. Oleh itu, kata hubung ‘dan’ tidak boleh berada pada pangkal ayat kerana kata hubung ‘dan’ perlu didahului dengan frasa utama terlebih dahulu. Oleh itu, berdasarkan Teori Corder (1973), kesalahan ini dikategorikan sebagai pemilihan unsur yang tidak tepat.

S13A6 melakukan kesalahan struktur ayat dari segi ayat yang terlalu panjang dan mempunyai kata hubung ‘dan’ yang terlalu banyak. Hal ini menyebabkan ayat yang dibina kurang gramatis dan terdapat juga kesalahan yang lain turut dilakukan. ayat tersebut telah dibetulkan dan kesemua ayat telah dicerakinkan menjadi dua ayat yang baharu. Oleh itu, berdasarkan Teori Corder (1973), kesalahan ini dikategorikan sebagai penambahan unsur yang tidak perlu atau kurang tepat.

S2A5 mempunyai kesalahan tanda baca iaitu kesilapan penggunaan tanda baca koma iaitu tanda koma diletakkan selepas perkataan 'lokcing' dan sebelum kata hubung gabungan 'dan'. Tanda koma digunakan untuk memisahkan unsur kata yang berturutan lazimnya terdiri daripada tiga benda atau lebih, dan dua perkataan yang terakhir akan dihubungkan dengan kata hubung gabungan 'dan'. Oleh itu, tidak perlu lagi untuk meletakkan tanda koma sebelum kata hubung 'dan'. Tanda koma tidak digunakan sebelum kata hubung gabungan iaitu dan, atau atau serta kerana kesemua kata hubung ini berfungsi sebagai tanda koma yang menghubungkan dua unsur terakhir yang berturutan (Ismail Dahaman, 2015). Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan oleh Corder 1973, kesalahan ini dapat dikategorikan sebagai kesalahan penambahan unsur yang tidak perlu.

S18A6 melakukan kesalahan penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Kata hubung 'lalu' digunakan untuk menunjukkan tindakan lanjutan bagi subjek ayat tersebut. Oleh itu, kata hubung 'lalu' tidak boleh digunakan jika ayat tersebut mempunyai dua subjek dan tindakan yang dilakukannya berbeza. Oleh itu, kata hubung 'dan' lebih sesuai kerana berdasarkan Tatabahasa Dewan (2015), kata hubung 'dan' boleh diletakkan antara dua ayat yang dihubungkan untuk menjadikan ayat tersebut lebih besar. Oleh itu, berdasarkan Corder 1973, kesalahan ini boleh dikategorikan sebagai kesalahan pemilihan unsur yang kurang tepat.

Kesalahan S8A13 ialah kesalahan ejaan perkataan 'tetapi' yang disebabkan oleh pengaruh dialek. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan 'tetapi' perlu digunakan untuk penggunaan rasmi atau dalam penulisan manakala perkataan 'tapi' digunakan dalam perbualan atau percakapan seharian. Oleh itu, penggunaan perkataan 'tapi' dalam penulisan karangan menyebabkan ayat menjadi kurang gramatis. Namun, rata-rata murid terpengaruh dengan dialek harian menyebabkan mereka menulis perkataan berdasarkan dialek juga. Oleh itu, berdasarkan Corder 1973, kesalahan ini boleh dikategorikan sebagai kesalahan pemilihan unsur yang kurang tepat.

## **CADANGAN IMPLIKASI KAJIAN**

Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, kajian ini memberikan implikasi kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu. Kajian ini memberikan impak yang besar kepada murid-murid kerana mereka dapat mengetahui kegunaan ayat majmuk gabungan di samping dapat mendalami kesalahan lazim yang sering dilakukan.

Ibu bapa dapat melihat kajian ini memberikan impak yang besar terhadap penulisan anak-anak mereka. Ibu bapa dapat melihat prestasi dan juga tahap penguasaan anak-anak mereka apabila kajian ini dilakukan. Maka, pelbagai inisiatif bolehlah dilakukan dengan menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif kepada anak-anak supaya mereka dapat belajar dengan lebih baik serta fokus (Zainiah Mohamed Isa & Nur Asiah Abdul Hamid, 2012). Selain itu, ibu bapa juga perlulah menyediakan kemudahan yang lengkap untuk anak-anak belajar seperti buku latihan, buku nota serta buku rujukan khususnya berkaitan dengan karangan atau penulisan.

Selain itu, guru-guru juga akan mencuba untuk mempelbagaikan strategi pengajaran supaya murid dapat memahami ayat majmuk gabungan tanpa melakukan kesalahan. Guru bolehlah mengetengahkan elemen PAK21 dalam pengajaran kerana elemen tersebut bersesuaian dengan pedagogi masa kini. Guru juga perlulah menyiapkan diri dengan ilmu terlebih dahulu supaya ilmu yang disampaikan lebih mendalam serta tepat (Nur Eliza Mohd Noor et al., 2021).

Pentadbir sekolah perlulah menyediakan kelengkapan yang lengkap kepada guru dan juga murid-murid (Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al., 2021). Misalnya, jika guru ingin menggunakan elemen TMK dalam pembelajaran, pentadbir perlulah memastikan kelengkapan seperti komputer riba, projektor, LCD dan sebagainya disediakan. Selain itu, pentadbir juga perlulah memberi kebenaran kepada guru untuk mengendalikan bengkel atau kursus kepada murid-murid seperti bengkel pemantapan bahasa dan bengkel penulisan karangan. Hal ini dapat membantu guru untuk memberikan tips penulisan karangan kepada murid dengan lebih baik.

Akhirnya, kajian ini mencadangkan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberikan latihan khusus kepada guru-guru bahasa Melayu mengenai penulisan karangan khususnya (Azarul Razamin Mat Said et al., 2023). Bengkel penandaan penulisan karangan bolehlah dilakukan secara berperingkat kepada semua guru supaya guru dapat meningkatkan kemahiran dalam penyemakan karangan. Hal ini dapat membantu guru-guru baharu terutamanya untuk melakukan penyemakan tanpa sebarang masalah.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, penulisan ayat majmuk gabungan amatlah penting dalam pembinaan karangan yang cemerlang. Melalui kajian ini, pengkaji serta pembaca dapat memahami penggunaan ayat majmuk gabungan dengan lebih

mendalam. Oleh itu, kajian yang melibatkan analisis kesalahan penggunaan ini perlu diteruskan untuk meningkatkan serta menambah baik lagi kaedah pengajaran yang dilakukan oleh guru.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hamid & Jessica Ong Hai Liaw. (2020). Penelitian Konsep Kesalahan Bahasa Dari Perspektif Sarjana Barat . *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (Pasak5 2020)*.
- Adolf. (2020). Analisis Kesalahan Berbahasa Pada Aspek Sintaksis Dalam Rubrik Opini Koran Victory News. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Indonesia*.
- Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar & Mohd Allnurulhuda Ghazali. (2023). Meningkatkan Pembangunan Profesional Dan Kompetensi Guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu Analisis Kritis. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 62-70.
- Corder. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Baltimore: Penguin Education.
- Corder. (1981). *Error Analysis And Interlanguage*. England: Oxford University Press.
- Davis, L. L. (1992). Instrument review: Getting the most from your panel of experts. *Applied Nursing Research*, 5, 194-197.
- Ismail Dahaman. (2015). *Canggihnya Bahasa Melayu Sistem Tanda Baca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mardhiah Mokhtar & Wan Aziz Wan Muhammad. (2022). Penggunaan Teknik Tamdeteb Dalam Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Majmuk Dalam Kalangan Murid Tahun Empat . *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan*.
- Muhammad Afiq Mahazi & Hakim Zainal. (2018). Asas Pembentukan Kata Dalam Morfologi Arab [The Foundation On Word Formation In Arabic Morphology]. *Ulum Islamiyyah Journal*.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim & Wong Aw Lam Chee. (2015). Keanekaan Binaan Ayat Dalam Sejarah Melayu. *Pendeta: Jurnal Bahasa*.
- Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.



- Noraishah Sakilah Kamat, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Mohd Jabar & Aireen Aina Bahari. (2021). Analisis Kata Hubung Pancangan Dalam Penulisan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama Oleh Pelajar Melayu Tingkatan Satu Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Nur Eliza Mohd Noor, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md. Yusoff (2021). Peranan Guru Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali. *Journal of Islamic Educational Research*.
- Rizki Herdiani. (2017). Analisis Kesalahan Sintaksis Dalam Karangan Eksposisi Siswa Kelas X Sma Yapip Sungguminasa Kabupaten Gowa. *S1 Thesis, Universitas Negeri Makassar*.
- Setyawati. (2010). *Analisis Kesalahan Berbahasa Indonesia (Teori Dan Praktik)*. Surakarta: Yuma Pustaka.
- Siti Khodijah Che Mee. (2020). Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Dan Linguistik Melayu Di Universiti Putra Malaysia. *International Journal Of The Malay World And Civilisation*.
- Wan Ali Akbar, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah & Nursafra Mohd Zhaffa. (2020). Peranan Pentadbir sebagai Pencetus Penghasilan Inovasidalam Kalangan Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.
- Zainiah Mohamed Isa & Nur Asiah Abdul Hamid. (2012). Peranan Ibu Bapa Dalam Memastikan Pencapaian Literasi Kanakkanak Prasekolah Semasa Berada Di Rumah. *Jurnal Bitara*.

# PENGUASAAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA MELAYU TERHADAP MAHASISWA BUKAN PENUTUR NATIF DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

Muhamad Aliff Mustafa<sup>1</sup>, Muhamad Khairulrijal Mohd Saad<sup>2</sup>

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

G-p193008006@moe-dl.edu.my<sup>1</sup>

## Abstrak

Menurut Imam Asrori (2018) menyatakan bahawa melalui mendengar dan bertutur, seseorang pelajar dapat mempelajari konsep pengembangan kosa kata dan memahami struktur. Tambahan pula, dengan penguasaan kemahiran bertutur yang baik, seseorang pelajar tersebut dijangka akan dapat menguasai kemahiran-kemahiran yang lain dengan lebih mudah (Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman, 2018). Selain itu, dapatan kajiannya juga mendapati bahawa pelajar Cina mengalami masalah dalam kemahiran bertutur dan hanya mencapai 40.6%. Kebanyakan pelajar bukan Melayu dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mengalami masalah dalam sebutan kerana kurangnya penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka yang meliputi pertuturan dan pendengaran. Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor dan tahap penguasaan sebenar kemahiran bertutur bagi mahasiswa bukan penutur natif di IPG Kampus Tuanku Bainun. Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah kajian tinjauan yang berbentuk kajian kualitatif. Pengkaji menetapkan sampel yang dipilih adalah seramai 9 orang berdasarkan kajian-kajian lepas. Hanya satu instrumen sahaja yang digunakan iaitu temu bual. Dapatan data kajian daripada temu bual ditranskripsi dan dianalisis ke dalam bentuk tematik. Hasilnya, pengkaji mendapati bahawa kemahiran bertutur mereka berada di tahap yang memuaskan. Hal ini kerana terdapat enam kod daripada sembilan kod responden mendapat skala mahir (3) dan sangat mahir (4) apabila kemahiran bertutur sebenar mereka telah diuji dan dianalisis. Berdasarkan apa yang dipelajari, kemahiran bertutur dapat dikukuhkan lagi dengan pelbagai kaedah semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan.

**Kata Kunci:** kosa kata, kemahiran bertutur, mahasiswa, bukan penutur natif, kajian kualitatif, sampel

## Abstract

According to Imam Sarri (2018) states that through listening and speaking, a student can learn the concept of vocabulary development and understand the structure. Furthermore, with the mastery of good speaking skills, a student is expected to be able to master other skills more easily (Nor'Azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman, 2018). In addition, the findings of the study also found that Chinese students had problems in speaking skills and only reached 40.6%. Most of the non-Malay students from Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) experience problems in pronunciation due to the lack of use of the Malay language in their daily lives which includes speaking and listening. This study aims to explore the factors and level of actual mastery of speaking skills for non-native speaking students at IPG Kampus Tuanku Bainun. The design of the study conducted is a survey study in the form of a qualitative study. The researcher set the selected sample to be 9 people based on past studies. Only one instrument is used which is the interview. Findings of research data from interviews were transcribed and analysed into thematic form. As a result, the researcher found that their speaking skills were at a satisfactory level. This is because there are six codes out of the nine codes of respondents who get proficient (3) and very proficient (4) scales when their actual speaking skills have been tested and analyzed. Based on what was learned, speaking skills can be further strengthened with various methods during teaching and learning (PdP) implementation.

**Keywords:** vocabulary, speaking skills, students, non-native speakers, qualitative research, samples

## **PENGENALAN**

KSSR yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merangkumi penguasaan terhadap kemahiran bahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (KPM, 2017). Terdapat enam tunjang reka bentuk kurikulum yang mewakili bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang menjadi asas kepada pembangunan modal insan seperti komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika serta sains dan teknologi (KPM, 2016). Pelaksanaan tersebut disokong oleh Dokumen Standard Kurikulum Pembelajaran (DSKP) (Mokhtar, Ahmad & Wahab, 2021). Namun begitu, beberapa kajian menunjukkan penguasaan bahasa Melayu terutamanya kemahiran bertutur sangat kurang dalam kalangan pelajar bukar penutur natif. Berdasarkan sorotan kajian yang telah dilaksanakan oleh Nora'Azian dan Fadzilah (2018) mendapati bahawa kebanyakan pelajar-pelajar bukan penutur natif mempunyai gangguan bahasa ibunda yang memberi kesan dan masalah untuk memahami arahan serta menyebabkan mereka melakukan kesalahan terhadap asas bahasa Melayu termasuklah kemahiran bertutur. Namun begitu, terdapat kekurangan kajian terhadap mahasiswa atau pelajar bukan penutur natif. Jadi, pengkaji mengambil peluang untuk mengisi lompong kajian tersebut supaya kajian yang dihasilkan relevan dengan keperluan pendidikan pada peringkat yang lebih tinggi.

Pelaksanaan kajian tahap penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan mahasiswa bukan penutur natif dalam berbahasa adalah penting dalam mengenalpasti kemahiran berbahasa Melayu dengan menggunakan bahasa yang betul daripada segi tatabahasanya. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan bertujuan untuk memenuhi objektif kajian yang difokuskan seperti berikut :

1. Meneroka faktor kemahiran bertutur mahasiswa bukan penutur natif dalam bahasa Melayu.
2. Meneroka tahap penguasaan bertutur sebenar mahasiswa bukan penutur natif dalam bahasa Melayu.

## **LITERATUR**

Menurut Syamsiyah (2017) menyatakan bahawa pemerolehan bahasa adalah perkara yang berbeza dengan pembelajaran bahasa. Menurut kajiannya, pemerolehan bahasa mengacu kepada kemampuan linguistik seseorang secara alami atau tanpa disedari oleh mereka. Teori pemerolehan bahasa ini terbahagi kepada empat jenis iaitu teori Behaviorisme, teori Mentalis, teori Konstruktivisme dan teori Interaksional.

Teori yang ditekankan ialah teori interaksional yang dihasilkan oleh Halliday. Teori ini menerangkan bagaimana perkembangan bahasa seseorang pelajar berlaku disebabkan adanya interaksi bahasa serta proses mental. Hal yang demikian menunjukkan bahawa situasi persekitaran adalah begitu mustahak dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Interaksi dan persekitaran berkait rapat antara satu sama lain untuk membantu dan memudahkan mereka untuk mentafsir makna yang terdapat dalam sesuatu bahasa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dilaksanakan adalah berbentuk kajian tinjauan kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual. Menurut Mohd Majid Konting (2005) menyatakan bahawa kajian tinjauan ini digunapakai untuk mengukur pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal sebab sesuatu pembolehubah itu wujud. Sampel kajian yang dipilih adalah terdiri daripada mahasiswa bukan penutur natif di IPG A yang terletak di negeri Pulau Pinang. Pengkaji menetapkan sampel bagi temu bual seramai sembilan orang mahasiswa. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan tujuan (purposive) disebabkan beberapa syarat yang perlu dipenuhi supaya sesuai dengan tujuan kajian yang pengkaji ingin laksanakan. Instrumen Analisis Bertutur yang Sebenar (AByS) digunakan untuk mendapatkan data maklumat dengan lebih menyeluruh serta jelas. Instrumen AByS dibuat atau diubahsuai berdasarkan kepada model Corder tahun 1973 dan kajian-kajian lepas.

Selepas sesi temu bual berlangsung, pengkaji analisis tematik sebagai prosedur untuk menganalisis data yang diterima. Analisis tersebut dibuat berdasarkan kepada perkara yang dibincangkan seperti tema dan sub tema. Walau bagaimanapun, penganalisan data tersebut adalah berlandaskan kepada analisis tematik menurut pandangan Clarke dan Braun (2013) seperti rajah di bawah.

### **Rajah 1**

#### *Langkah analisis tematik*



Sumber: Clarke dan Braun (2013)

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Jadual 1

Pembahagian Tema

Bil	Tema	Sub Tema
1.	Sikap	Obvious/Jelas Favourite/Kesukaan Keperluan Kebiasaan Mudah
2.	Persekitaran	Keselesaian Kepentingan Situasi
3.	Minat	Kecenderungan Rutin Kecemerlangan Tujuan
4.	Latihan	Kehendak Peluang Ketelitian Kerajinan

Sumber: Penyelidikan 2023

Berdasarkan gambar rajah di atas, pengkaji mendapati bahawa terdapat empat tema yang dikaji telah berkembang kepada 16 sub tema yang menjadi panduan untuk mengenalpasti serta mengkategorikan berdasarkan jawapan yang diberikan daripada responden. Penganalisan data yang dibuat mengikut tema seperti di atas dan kemudiannya dianalisis ke dalam bentuk tematik. Namun begitu, dapatan kajian tema dan sub tema tersebut hanya berfokuskan kepada objektif yang pertama sahaja. Dapatan kajian objektif kedua adalah seperti di bawah:

### Jadual 2

Dapatan kajian kod dan skala kemahiran bertutur yang sebenar

Kod	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Jumlah
S9R1AMBER	////	////			2
S9R2ABBAS	////	////	////	////	4
S9R3TINGYUN	////	////		////	3
S9R4WEN	////	////	////	////	4
S9R5RAIMY	////		////	////	3
S9R6XINGQIU	////	////		////	3
S9R7MEILIN	////	////	////	////	4
S9R8MARLIN	////			////	2
S9R9YINYELAN				////	1

Berdasarkan pemaparan data tersebut, pengkaji dapat mengelaskan mengikut skala kemahiran iaitu tidak mahir (hanya 1 skala), kurang mahir (2 skala), mahir (3 skala) dan sangat mahir (4 skala) berdasarkan kepada model Corder 1973. Kod-kod responden tersebut yang diperoleh menunjukkan kemahiran bertutur sebenar masing-masing berada di dalam skala yang berbeza. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan kemahiran bahasa Melayu mereka terutamanya kemahiran bertutur berada di tahap yang baik kerana terdapat enam daripada sembilan responden yang berada di skala 3 dan skala 4. Hal ini menunjukkan mereka masih mampu melakukan pertuturan bahasa Melayu dengan betul walaupun soalan yang diberikan adalah bersifat KBAT.

### **IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN**

Dapatan kajian yang menunjukkan bahawa hampir keseluruhan kod responden mempunyai kesalahan yang sama iaitu dari segi morfologi dan sintaksis bagi bahasa Melayu. Menurut Baharom & Samah (2015) menyatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda yang kuat akan menyebabkan kesalahan yang ketara di dalam sesuatu bahasa. Perkara ini amat membimbangkan bagi pelajar-pelajar di IPG tersebut disebabkan penggunaan bahasa Melayu yang luas sama ada tugas, kertas kerja, laporan dan sebagainya. Segala dokumen rasmi yang dihasilkan juga perlu disediakan di dalam bahasa Melayu dengan mengaplikasikan penggunaan tatabahasa yang tepat.

Kajian yang dijalankan ini hanya berfokuskan kepada skop kemahiran bertutur bagi mahasiswa bukan penutur natif sahaja. Hal ini bermaksud kemahiran yang dikaji hanya tertakluk kepada kemahiran lisan iaitu kemahiran bertutur dan tidak menyentuh mana-mana kemahiran yang lain di dalam kemahiran bahasa. Contohnya, kemahiran mendengar, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Hal ini bermakna, kajian yang dijalankan ini yang berfokuskan kepada kemahiran bertutur sering menjadi perdebatan diantara ahli akademik, pihak pengurusan, kementerian dan lain-lain apabila terdapatnya banyak masalah yang timbul seperti penguasaan kemahiran menulis yang baik tetapi kurang dalam kemahiran bertutur. Perkara sebegini berlaku apabila seseorang pelajar itu berkemungkinan lebih berminat untuk membaca daripada bertutur (Mahamod & Embi, 2005). Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan, kemahiran lain selain daripada kemahiran bertutur juga perlu diberikan penekanan.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian yang telah dijalankan kepada pelajar atau mahasiswa bukan penutur natif dapat memberikan dapatan data yang menarik berdasarkan soalan kajian yang dihasilkan. Berdasarkan dapatan data, pengkaji dapat mengetahui bahawa kemahiran bertutur mahasiswa ini berada di tahap yang sederhana. Hal ini kerana terdapat 6 kod responden yang memperolehi tahap 3 dan tahap 4. Namun begitu, hanya 3 daripada 9 kod sahaja yang mampu memperoleh tahap 4 melalui proses temu bual yang dilaksanakan. Tahap kemahiran bertutur sebenar mereka dianalisis dengan berdasarkan kepada model Corder 1973. Hal ini menunjukkan bahawa mereka kurang mengamalkan dan mengaplikasikan kemahiran bertutur bagi bahasa Melayu yang betul dalam diri mereka. Hal ini berkemungkinan kerana pengaruh bahasa ibunda mereka yang kuat sejak azali. Walau bagaimanapun, pertuturan atau aktiviti lisan merupakan aktiviti yang melibatkan bahasa dan merupakan aspek yang paling penting dalam kehidupan manusia sehari-hari (Chew Fong Peng & Othman, 2008).

## RUJUKAN

- Asrori, I. (2018). Pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab. Prosiding Konferensi Nasional.
- Baharum, A. S., & Samah, R. (2015). Persepsi pelajar universiti awam terhadap kesalahan bahasa Arab, faktor penyumbang dan implikasi. *Sains Humanika*, 6(1).
- Clarke, V. & Braun, V. (2013). Teaching thematic analysis: Overcoming challenges and developing strategies for effective learning. *The Psychologist*, 26(2), 120- 123.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Dicapai daripada <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPPM/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>
- Mahamod, Z., & Embi, M. A. (2005). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca. *Sains Humanika*, 42(1).
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar, M. N., Ahmad, R., & Wahab, R. A. (2021). Kefahaman Guru tentang Konsep Maqasid al-Shari'ah dan KBAT dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam: Satu Analisis Preliminari:[Teachers' Understanding of The Concepts of Maqasid al-Shari'ah and HOTS in The Standard Curriculum and Assessment Document (DSKP) of Islamic Education: A Preliminary Analysis]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 4(4), 196-215.
- Nora'azian Nahar dan Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 74 – 83
- Peng, C. F., & Othman, A. J. (2008). Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di Malaysia. *Sosiohumanika*, 1(1).
- Syamsiyah, D. (2017). Analisis Deskriptif Teori Pemerolehan Bahasa Kedua. *AL-MANAR: Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Islam*, 6(2), 59-80.



# KAEDAH PERMAINAN 'GAMILAB' BAGI MENGUASAI PRINSIP REKAAN DALAM KARYA GABUNGAN KOLAJ DAN GURISAN MURID TAHUN LIMA

Rosmahanie Sayun<sup>1</sup> dan Norhayati Musa (Ph.D)<sup>2</sup>

Jabatan Seni Visual dan Muzik, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

rosmahanie20@gmail.com<sup>1</sup>

## Abstrak

*Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan kaedah bermain sambil belajar dengan menggunakan permainan 'Gamilab' dalam kalangan murid Tahun 5 bagi menguasai prinsip rekaan Pendidikan Seni Visual (PSV). Peserta kajian adalah terdiri daripada 10 orang murid yang terdiri daripada 3 orang murid perempuan dan 7 orang murid lelaki. Kajian ini dijalankan di salah sebuah Sekolah Kebangsaan (SK) di daerah Padang Serai, Kedah. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan dapatan ujian pra yang mendapati bahawa 10 orang peserta kajian ini kurang menguasai prinsip rekaan. Oleh itu, permainan 'Gamilab' dilaksanakan dalam intervensi bagi membantu peserta kajian dalam menguasai prinsip rekaan dan mengukuhkan lagi kefahaman asas seni reka dalam PSV. 'Gamilab' ini merupakan satu pendekatan pembelajaran berasaskan permainan atau gamifikasi yang mampu memberi ruang kepada penghasilan pembelajaran yang lebih inovatif dan fleksibel serta interaktif. Melalui 'Gamilab', pengkaji boleh menghasilkan permainan sendiri dengan cara menambah arahan atau tugas dan memilih reka bentuk permainan melalui enam pilihan. Reka bentuk permainan yang dipilih adalah reka bentuk permainan 'bike race' bagi intervensi pertama dan 'puffy ghost' untuk intervensi kedua. Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Manakala instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data ialah pemerhatian, analisis dokumen dan temubual. Ujian pra dan pos turut dilaksanakan bagi melihat perubahan pencapaian peserta kajian. Kaedah menganalisis data pula dikumpul secara deskriptif dengan mengaplikasikan pendekatan bertema. Dapatan kajian dianalisis secara triangulasi melalui penulisan deskriptif. Hasil ujian pos telah mendapati terdapat peningkatan sebanyak 50.4% berbanding ujian pra dalam pencapaian peserta kajian. Manakala hasil analisis data temubual dan pemerhatian yang dilaksanakan juga menunjukkan perubahan dari segi peningkatan prestasi serta tingkah laku peserta kajian. Secara kesimpulannya, kaedah bermain permainan 'Gamilab' dapat membantu peserta kajian untuk menguasai prinsip rekaan dalam PSV.*

**Kata Kunci:** Prinsip rekaan, bermain sambil belajar, Gamilab, interaktif, kualitatif

## Abstract

*This study was carried out to increase the effectiveness of the use of the method of learning by playing by using the 'Gamilab' game among Year 5 students to master the design principles of Visual Art Education (PSV). The study participants consisted of 10 students consisting of 3 female students and 7 male students. This study was conducted in one of the National Schools (SK) in Padang Serai district, Kedah. The participants of this study were selected based on the findings of the pre-test which found that 10 participants of this study lacked mastery of design principles. Therefore, the 'Gamilab' game was implemented in the intervention to help study participants master the principles of design and further strengthen their understanding of the basic of design in PSV. This 'Gamilab' is a game-based learning approach or gamification that is able to provide space for the production of more innovative and flexible and interactive learning. Through 'Gamilab', researchers can produce their own games by adding instructions or tasks and choosing game designs through six options. The game design chosen is the 'bike race' game design for the first intervention and 'puffy ghost' for the second intervention. The study was conducted using qualitative methods. While the instruments used to obtain data are observation, document analysis and interviews. Pre- and post-tests were also implemented to see the changes in the achievement of study participants. The method of analyzing data is collected descriptively by applying a themed approach. Research findings are analyzed triangulated through descriptive writing. The results of the post test have found an increase of 50.4% compared to the pre test in the achievement of the study participants. While the results of data analysis of interviews and observations carried out also show changes in terms of improved performance and behavior of study participants. In conclusion, the method of playing the 'Gamilab' game can help study participants to master the principles of design in PSV.*

**Keywords:** Design principles, learning by playing, Gamilab, interactive, qualitative

## PENGENALAN

*Education is all one with growing, it has no end beyond itself, it is also a product of discontent with traditional education. (Dewey, 1938).* Seseorang individu membangunkan semua potensi yang merangkumi potensi kognitif, jasmani atau psikomotor, tingkah laku dan rohani dalam proses pendidikan. Dalam hal ini, perkembangan potensi-potensi tersebut mampu meningkatkan kapasiti daya intelektual, kemahiran serta kepekaan terhadap persekitaran sosial. Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan mata pelajaran yang diperkenalkan di sekolah. Aktiviti seni memberikan peluang kepada murid-murid untuk mengaplikasi kemahiran seni, mengekspresi diri, menjalani pengalaman estetik, dan menyampaikan idea melalui imaginasi dan kreativiti (Sarahandi, 2015).

Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah permainan '*Gamilab*'. Menurut Kuschner (2012), konsep bermain hendaklah dimasukkan dalam kurikulum dan peluang untuk bermain harus diberikan kepada murid-murid. Hal ini kerana, bermain sambil belajar melahirkan suasana yang sangat menyeronokkan dan pengalaman daripada bermain adalah sesuatu yang sangat bermakna bagi murid-murid. Penggunaan teknologi dalam kajian ini bertepatan dengan salah satu perkara yang tertera di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), iaitu elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang terdapat dalam elemen Elemen Merentas Kurikulum (EMK).

Berdasarkan DSKP (2019) tersebut, pengaplikasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ini bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif, namun juga menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik serta meningkatkan kualiti pembelajaran. Seajar dengan itu, penggunaan teknologi permainan seperti '*Gamilab*' ini berkesan dalam usaha menjayakan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Hal ini kerana kaedah permainan '*Gamilab*' mampu melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan selaras dengan hasrat yang diharapkan daripada program TS25 (Siti Saleha Samsuri, 2020).

## **FOKUS KAJIAN**

Kajian yang dijalankan adalah berfokus kepada penguasaan atau kefahaman murid tentang prinsip rekaan semasa sesi apresiasi seni dalam topik 'Pungguk rindu akan bulan' yang mengetengahkan teknik gabungan kolaj dan gurisan. Kajian ini juga memfokuskan kaedah bermain sambil belajar iaitu melalui permainan '*Gamilab*'. Belajar melalui bermain ialah aktiviti yang mempunyai ciri-ciri seperti menyeronokkan, terancang dan bebas. Moyles (1991), menyatakan bahawa belajar sambil bermain merupakan suasana pembelajaran yang menyeronokkan bagi murid-murid, dimana murid-murid terlibat secara aktif dalam pembelajaran yang dilaksanakan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menguji kebolehan murid-murid dalam meningkatkan pemahaman mereka tentang prinsip rekaan melalui kaedah bermain sambil belajar dengan menggunakan permainan '*Gamilab*'.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

### **OBJEKTIF UMUM**

Objektif umum kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan penggunaan kaedah bermain sambil belajar dengan menggunakan Permainan 'Gamilab' dalam kalangan murid tahun 5 dalam menguasai prinsip rekaan dalam PSV.

### **OBJEKTIF KHUSUS**

Objektif khusus bagi kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kefahaman murid tahun 5 mengenai prinsip rekaan selepas penggunaan kaedah bermain permainan 'Gamilab', meningkatkan kefahaman murid tahun 5 tentang prinsip rekaan dalam karya gabungan kolaj dan gurisan dengan menggunakan kaedah bermain permainan 'Gamilab', dan meningkatkan minat murid tahun 5 dalam topik gabungan Kolaj dan Gurisan melalui kaedah permainan 'Gamilab'.

### **PERSOALAN KAJIAN**

- 1) Adakah penggunaan kaedah bermain dengan menggunakan permainan 'Gamilab' dapat meningkatkan pemahaman murid tahun 5 tentang prinsip rekaan dalam PdP PSV?
- 2) Sejauh manakah pengaplikasian kaedah bermain dengan menggunakan permainan 'Gamilab' dapat meningkatkan kefahaman murid tahun 5 tentang prinsip rekaan dalam karya gabungan kolaj dan gurisan?
- 3) Adakah penggunaan kaedah permainan 'Gamilab' dapat meningkatkan minat murid Tahun 5 dalam topik gabungan Kolaj dan Gurisan?


### **PESERTA KAJIAN**

Peserta Kajian terdiri daripada 3 orang murid perempuan dan 7 orang murid lelaki Tahun 5. Peserta-peserta kajian ini merupakan murid-murid sekolah rendah dari kawasan luar bandar di daerah Padang Serai, Kedah. Peserta kajian merupakan murid-murid yang kurang melibatkan diri dalam sesi penghayatan seni visual, tidak mampu menyatakan prinsip rekaan semasa sesi apresiasi karya dan juga mendapat markah dari rendah ke sederhana semasa ujian pra.

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji memilih model penyelidikan tindakan iaitu Model Kemmis & McTaggart (1988) dalam menjalankan penyelidikan tindakan ini. Pengkaji juga merujuk teori perkembangan kanak-kanak Jean Piaget (1962), serta kajian-kajian lepas yang bersangkutan paut tentang kajian dari dalam dan luar negara.

**Rajah 1**  
*Kerangka Konseptual Kajian*




Sebelum menjalankan ujian pra, pengkaji terlebih dahulu mengumpul data demografi. Selepas menjalankan ujian pra, pengkaji memilih peserta kajian yang memerlukan intervensi berdasarkan markah yang diperolehi murid iaitu daripada lemah ke sederhana. Kemudian, pengkaji menjalankan intervensi pertama dan kedua. Intervensi yang dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah permainan 'Gamilab' yang mana, ianya merupakan satu pendekatan

pembelajaran berasaskan permainan atau gamifikasi. 'Gamilab' ialah platform atas talian di mana pengkaji boleh mencari dan mencipta permainan pendidikan yang menyeronokkan dan bermakna. 'Gamilab' juga menggunakan elemen permainan untuk memotivasikan dan melibatkan pemain untuk belajar dengan lebih pantas dan lebih baik serta lebih terlibat dalam pembelajaran mereka. Pengkaji bebas untuk menambahkan arahan, tugas atau gabungan kedua-duanya ke dalam permainan. 'Gamilab' menyokong dua pendekatan permainan yang berbeza iaitu permainan berasaskan masa dan permainan berasaskan skor. Di dalam 'Gamilab', pengkaji boleh menghasilkan permainan sendiri dengan cara mencipta permainan sendiri.

## Rajah 2

Reka bentuk permainan dalam 'Gamilab'



Terdapat 6 reka bentuk permainan dalam 'Gamilab' namun hanya dua reka bentuk permainan yang dipilih iaitu permainan 'bike race' dalam intervensi pertama dan permainan 'puffy ghost' dalam intervensi kedua. Permainan 'bike race' adalah perlumbaan basikal dengan mengawal basikal, dalam masa yang sama, peserta kajian perlu menjawab soalan yang diberikan di setiap *check point* dengan betul supaya mendapat tenaga tambahan untuk meneruskan kayuhan basikal. Manakala permainan 'puffy ghost' adalah permainan pengembaraan dengan karakter 'puffy ghost' yang comel. Pengembaraan ini memerlukan peserta kajian mengumpulkan 'gem stone' dengan menjawab setiap soalan dengan betul di setiap checkpoint. Peserta kajian perlu mengelak daripada melanggar halangan.

## Jadual 1

*Analisis soalan dalam setiap checkpoint*

<b>Check point</b>	<b>Soalan</b>	<b>Elemen</b>	<b>Aras soalan</b>
1	Apakah itu harmoni?	Harmoni	Rendah
2	Pilih pernyataan yang betul tentang kontra.	Kontra	Rendah
3	Penegasan menimbulkan satu objek dari yang lain. Adakah pernyataan tersebut betul atau salah?	Penegasan	Sederhana
4	Apakah ituimbangan?	Imbangan	Rendah
5	Pilih pernyataan yang salah tentang irama dan pergerakan.	Irama dan pergerakan	Sederhana
6	Apakah itu kepelbagaian?	Kepelbagaian	Rendah
7	Pilih pernyataan yang betul tentang kesatuan?	Kesatuan	Rendah
8	Suatu keadaan yang menimbulkan satu objek dari yang lain. Pilih prinsip rekaan berdasarkan pernyataan di atas.	Penegasan	Sederhana
9	Karya yang dihasilkan dengan memotong, mengoyak, menggunting, menampal dan melekatkan bahan ke atas permukaan. Apakah prinsip rekaan yang berkaitan dengan pernyataan di atas?	Kolaj	Tinggi
10	Teknik yang menggunakan sesuatu alat yang tajam untuk membuang bahagian tertentu krayon untuk menghasilkan gambat. Prinsip rekaan manakah yang berkaitan dengan pernyataan di atas?	Gurisan	Tinggi

Terdapat 10 *checkpoint* di dalam setiap permainan yang dijalankan di dalam kedua-dua intervensi, yang setiap satunya mempunyai soalan. Soalan-soalan yang disoal di sepanjang pengembaraan adalah berkisar tentang prinsip rekaan serta kolaj dan gurisan. Soalan dibina mengikut tahap kesukaran merujuk taksonomi Bloom (1956). Sepanjang menjalankan intervensi, pengkaji melakukan pemerhatian kepada peserta kajian berdasarkan borang senarai semak pemerhatian yang disediakan. Dalam pada itu, sesi temubual juga dijalankan untuk mengetahui pendapat peribadi peserta kajian mengenai minat, perasaan, keberhasilan kaedah serta pendapat peserta kajian tentang kaedah yang dijalankan kepada peserta kajian. Sesi temubual ini dijalankan sebelum dan selepas intervensi bagi tujuan melihat sebarang perubahan yang dinyatakan peserta kajian. Dapatan kajian didapati dalam bentuk kualitatif, dan diterangkan secara deskriptif. Perbandingan data sebelum dan selepas intervensi akan dilakukan dalam bentuk peratusan. Data dianalisis secara triangulasi data yang mana, data dianalisis dengan


menggunakan instrumen seperti borang senarai semak pemerhatian, analisis data, borang temubual serta kertas soalan ujian pra dan ujian pos.

## DAPATAN KAJIAN

Terdapat dua persoalan kajian di dalam kajian ini yang mana, persoalan kajian 1 dapat dijawab melalui keputusan ujian pra dan pos iaitu dari segi perbezaan markah yang berlaku, serta dapat dijawab melalui sesi temubual yang dijalankan. Manakala, bagi persoalan kajian 2 ianya dapat dijawab melalui keputusan ujian pra dan pos dari segi perbezaan peningkatan markah bagi setiap elemen soalan serta dapat dijawab melalui aspek pemerhatian.

### Rajah 1

*Perbandingan keputusan ujian pra dan pos*



Melihat daripada graf 1, semua peserta kajian berjaya menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Dalam hal ini, 6 orang peserta kajian berjaya menunjukkan peningkatan sebanyak 10 markah dan ke atas manakala 4 orang lagi peserta kajian berjaya menunjukkan peningkatan sebanyak 8 hingga 9 markah. Dalam hal ini, peningkatan sebanyak 50.4% dapat dilihat melalui perbezaan purata ujian pra dan pos. Melalui pencapaian markah yang meningkat di bahagian ujian pos, dapat disimpulkan bahawa, pemahaman serta pencapaian responden semakin



meningkat selepas mereka mengikuti dua kali intervensi yang menggunakan kaedah bermain permainan 'Gamilab'.

## Jadual 2

*Peningkatan pencapaian peserta kajian bagi setiap elemen prinsip rekaan*

Item soalan	Nombor Soalan	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6	PK7	PK8	PK9	PK10
Penegasan	10, 14, 20	33.3%	100%	0%	66.7%	33.3%	33.3%	66.7%	100%	66.7%	66.7%
Kontra	7, 19, 21	33.3%	0%	33.3%	66.7%	0%	66.6%	0%	100%	66.7%	100%
Harmoni	12, 24	50%	50%	50%	50%	0%	100%	100%	0%	100%	100%
Irama dan Pergerakan	8, 17, 22	33.3%	0%	66.7%	33.3%	33.3%	66.7%	100%	33.3%	33.3%	66.7%
Imbangan	13, 16, 25	0%	66.7%	66.7%	33.3%	0%	33.3%	100%	33.3%	100%	100%
Kesatuan	11, 18	100%	100%	50%	100%	0%	50%	50%	50%	100%	0%
kepelbagaian	9, 15, 23	33.3%	0%	0%	100%	33.3%	33.3%	33.3%	66.7%	66.7%	100%
Kolaj	1, 6	50%	0%	50%	0%	100%	50%	50%	50%	50%	0%
Gurisan	2, 4	50%	50%	0%	0%	100%	0%	50%	100%	100%	100%
Kolaj dan gurisan	3, 5	0%	0%	0%	50%	100%	50%	100%	50%	100%	100%
<b>Peningkatan Keseluruhan</b>		<b>38.3%</b>	<b>36.7%</b>	<b>31.7%</b>	<b>50%</b>	<b>40%</b>	<b>48.3%</b>	<b>65%</b>	<b>58.3%</b>	<b>78.3%</b>	<b>73.3%</b>

Berdasarkan jadual 1 tersebut, dapat dilihat setiap perubahan markah yang diperoleh oleh peserta kajian dalam setiap elemen soalan atau elemen prinsip rekaan serta kolaj dan gurisan. Dapatan kajian ini dapat menjawab persoalan kajian 2, mengenai sejauh manakah pengaplikasian kaedah bermain dengan menggunakan permainan 'Gamilab' dapat meningkatkan kefahaman peserta kajian tahun 5 tentang prinsip rekaan dalam karya gabungan kolaj dan gurisan. Dalam hal ini, untuk melihat peningkatan bagi setiap peserta kajian dalam setiap elemen prinsip rekaan serta elemen kolaj dan gurisan, pengkaji telah membuat perbandingan secara individu serta menunjukkan peningkatan keseluruhan peratusan markah bagi setiap peserta kajian.

### Jadual 3

*Hasil analisis berdasarkan temubual*

No item soalan	Intervensi	Deskriptif	Respon
Soalan 4 (Pengetahuan tentang prinsip rekaan di dalam kolaj dan gurisan)	Sebelum Intervensi	"Garis kot, dah nama gurisan, garis lah kot noh?" (PK4/TB1S4) "Garis lah kan?" PK10/TB1S4)	Peserta kajian ragu-ragu dengan jawapan yang diberikan
	Selepas intervensi	"Tauu cikgu. Tuu yang kita buat tu saya buat banyak jenis garis hah, maksudnya kepelbagaian lah." (PK4/TB2S4) "Cikgu, em saya tahu. Em ada em kepelbagaian, imbalan sebab kena penuh kertas dan ada kontra juga." (PK10/TB2S4)	Peserta kajian menunjukkan rasa gembira dan faham tentang prinsip rekaan dalam karya gabungan kolaj dan gurisan.
Soalan 7 (Perasaan peserta kajian menjalani sesi pembelajaran dengan cara bermain sambil belajar)	Sebelum Intervensi	"lyaaaa, seronokkk amat" (PK8/TB1S7) "Seronok Cikgu" (PK5/TB1S7)	Peserta kajian menunjukkan rasa seronok
	Selepas intervensi	"Seronok (sambil menganggukkan kepala). Saya suka bermain, sebab lebih ingat kalau main sambil belajar. Sebab, rasa lagi seronok dan lebih ingat lama." (PK5/TB2S7) "Saya, err rasa seronok kerana err kita mendapat ilmu daripada, bukan sahaja kita berseronok bermain game malahan kita juga mendapat ilmu daripada game tersebut." (PK8/TB2S7)	Peserta kajian menunjukkan rasa seronok dan mampu menyatakan sebab keseronokkan mereka.
Soalan 9 (Minat peserta kajian dalam menggunakan permainan Gamilab)	Sebelum Intervensi	"Saya pun tak tahu" (PK6/TB1/S9) "Suka kot" (PK1/TB1S9)	Peserta kajian ragu-ragu dengan jawapan mereka.
	Selepas Intervensi	"Saya suka, cikgu sebab dia tak bosan dan buat saya excited." (PK6/TB2S9) "Erm saya suka cikgu, sebab seronok dan tidak membosankan." (PK1/TB2S9)	Peserta kajian menyatakan perasaan positif serta minat terhadap permainan Gamilab

Melalui sesi temubual, 3 item soalan daripada keseluruhan item soalan temubual dapat menjawab persoalan 1. Item soalan tersebut merupakan aspek pengetahuan tentang prinsip rekaan, perasaan peserta kajian dalam menjalani intervensi, serta minat peserta kajian dalam menggunakan permainan 'Gamilab'. Dari aspek pengetahuan tentang prinsip rekaan, peserta kajian mampu menyatakan elemen prinsip rekaan dengan baik, bahkan mampu menghuraikan sedikit sebanyak mengenai prinsip rekaan yang dinyatakan. Manakala, dari aspek perasaan peserta kajian dalam menjalani intervensi, semua peserta kajian sememangnya sangat seronok kerana kaedah bermain yang diterapkan tersebut. Dari aspek minat peserta kajian dalam menggunakan permainan 'Gamilab' pula, dapat disimpulkan bahawa semua peserta kajian menunjukkan minat dan menginginkan jika permainan 'Gamilab' diterapkan pada sesi PdP akan datang.

**Jadual 4**  
*Hasil Analisis berdasarkan Item Pemerhatian*

Item Pemerhatian	Perkara yang diperhatikan	Intervensi 1	Intervensi 2	PERATUSAN PENINGKATAN
Item 1	Peserta kajian menunjukkan minat tentang topik gabungan karya kolaj dan gurusan	50%	90%	40%
Item 2	Peserta kajian mendengar dan mengikut arahan pengkaji sepanjang sesi PdP dijalankan	100%	100%	0%
Item 3	Peserta kajian melibatkan diri dengan aktif semasa sesi intervensi dijalankan.	100%	100%	0%
Item 4	Peserta kajian seronok bermain sambil belajar	100%	100%	0%
Item 5	Peserta kajian mampu mengikut arahan permainan 'Gamilab' yang diterangkan oleh pengkaji	100%	100%	0%
Item 6	Peserta kajian mampu memberikan perhatian kepada pengkaji sepanjang sesi PdP walaupun ada kaedah yang digunakan adalah kaedah bermain sambil belajar.	80%	90%	10%
Item 7	Peserta kajian mampu menggunakan alat bantu mengajar iaitu gadget dengan betul.	90%	100%	10%
Item 8	Peserta kajian mampu menggunakan platform 'Gamilab' dengan betul	100%	100%	0%
Item 9	Peserta kajian mampu berinteraksi dengan baik dengan menggunakan platform 'Gamilab'	100%	100%	0%
Item 10	Peserta kajian dapat meningkatkan pemahaman mengenai prinsip rekaan melalui permainan 'Gamilab'	100%	100%	0%

Peningkatan prestasi peserta kajian atau perubahan peserta kajian dapat dilihat melalui item-item pemerhatian yang diperhatikan dalam intervensi 1 dan 2. Dalam hal ini, terdapat 3 item pemerhatian yang menunjukkan peningkatan yang mana, peningkatan ini dipersembahkan dalam bentuk peratusan. Pertama adalah item minat peserta kajian tentang karya gabungan kolaj dan gurisan. Minat peserta kajian meningkat daripada 50% kepada 90%. Dalam hal ini, hanya seorang peserta kajian iaitu peserta kajian 6 yang masih tidak menunjukkan minat dalam topik gabungan karya kolaj dan gurisan. Apabila ditelaah semula, hal ini dapat dikaitkan dengan jawapan peserta kajian 6 pada sesi Temubual 2.

*“Tahuuu cikgu, tapi saya tak suka sebab dia susah kena koyak, lepas tu kena guris lagi, rasa lama nak buat.” (PK6/TB2S2).*

Selain itu, terdapat juga peningkatan peratusan peserta kajian yang memberikan perhatian kepada pengkaji sepanjang sesi PdP walaupun kaedah yang digunakan adalah kaedah bermain sambil belajar iaitu dari 80% kepada 90%. 10% peserta kajian lagi masih tidak dapat memberikan perhatian penuh semasa sesi PdP dijalankan. Hal ini kerana peserta kajian tersebut rasa terlalu teruja sehingga menunjukkan kegembiraan yang berlebihan. Pengkaji mengetahui perasaan peserta kajian tersebut selepas menjalankan sesi temubual bersama peserta kajian tersebut.


*“Sukaaaa!!! (sambil tersenyum dan mengangkat kedua-dua tangan ke atas), sebab lagi seronok bila kita main game sambil belajar. Lebih senang ingat la. Saya rasa terlampau teruja dan nak main lagi lepas ni (berkata dengan nada teruja).” (PK10/TB2S7).*

Seterusnya, terdapat juga peningkatan peratusan dari aspek kemampuan peserta kajian menggunakan alat bantu mengajar iaitu gajet dengan betul. Perubahan ini berlaku daripada 90% kepada 100% yang mana, peserta kajian 5 yang sebelumnya tidak mampu mengawal basikal dalam *game bike race* pada intervensi 1 kini dapat bermain permainan *puffy ghost* pada intervensi 2 dengan lebih lancar. Hal ini dipengaruhi oleh jenis corak permainan serta cara permainan yang berbeza yang mana, permainan *puffy ghost* dikatakan lebih mudah oleh 90% peserta kajian. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan-pernyataan peserta-peserta kajian pada sesi temubual 2.

*“Game yang puffy ghost sebab dia lebih senang, soalan-soalan dia pun tak susah dah, saya boleh ingat.” (PK5/TB2S10).*

## Rajah 2

### Perbezaan Skor intervensi 1 dan intervensi 2



Melihat kepada graf 2 di atas juga, dapat dilihat bahawa skor bagi semua peserta kajian meningkat dengan pesat semasa intervensi kedua berbanding intervensi pertama. Sebanyak 10% peserta kajian berjaya meningkatkan skor sebanyak 5 skor, seramai 40% peserta kajian berjaya mendapatkan pertambahan skor sebanyak 4 skor, seramai 30% peserta kajian berjaya mendapatkan perambahan skor sebanyak 3 skor manakala 20% peserta kajian lainya berjaya mendapat pertambahan skor sebanyak 5 skor. Dalam hal ini, anjakan skor tertinggi adalah skor peserta kajian 1 yang mana pertambahan skor yang berjaya diperoleh oleh peserta kajian 1 tersebut adalah sebanyak 5 skor. Manakala, pertambahan skor terendah diperoleh oleh peserta kajian 4 dan peserta kajian 10 iaitu sebanyak 2 skor setiap seorang.

## REFLEKSI

Peningkatan yang ketara dari aspek penguasaan peserta kajian dalam karya gabungan kolaj dan gurisan selepas menggunakan kaedah permainan 'Gamilab' dapat dilihat. Kekuatan kaedah ini adalah 'Gamilab' memberikan pengalaman yang menyeronokkan dan memotivasikan mampu meningkatkan keinginan peserta-peserta kajian ini untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran. Pembelajaran interaktif yang diterapkan juga mampu meningkatkan pemahaman serta penyampaian maklumat dengan cara yang lebih menarik kerana peserta kajian dapat berinteraksi

secara langsung dengan bahan pembelajaran. Teknologi seperti gadget pintar memungkinkan penggunaan elemen visual yang bervariasi termasuklah grafik, animasi, audio, dan teks.

Dalam hal ini, kaedah permainan 'Gamilab' ini juga sesuai untuk pengajaran secara online atau Pdpr (di rumah). 'Gamilab' ini dapat disesuaikan dengan tahap kesukaran serta diselaraskan mengikut keperluan peserta kajian menjadikannya lebih efektif dan boleh diperluaskan sebagai satu *pattern* pembelajaran digital. Cabaran dalam permainan yang sesuai dengan peserta kajian dapat memotivasi peserta kajian serta pengalaman yang menyenangkan. Pengkaji perlu menilai tahap kesukaran permainan tersebut agar sesuai dengan kebolehan peserta kajian. Permainan ini juga tidak dapat dijalankan jika tidak terdapat akses kepada internet.

### **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Antara cadangan tindakan susulan yang boleh dijalankan termasuklah mengutamakan ketepatan dan kualiti kajian berbanding bilangan peserta kajian. Selaras dengan itu, melakukan kajian lanjutan untuk memahami secara lebih mendalam impak kaedah bermain sambil belajar terhadap pencapaian pembelajaran dan motivasi pelajar. Kemudian, meningkatkan pelaksanaan kajian dengan menilai kesan penggunaan teknologi dalam kaedah bermain sambil belajar terhadap kemajuan peserta kajian. Akhir sekali adalah melakukan pembangunan atau penambahbaikan dalam permainan yang diterapkan kepada peserta kajian.

### **KESIMPULAN**

Kaedah bermain permainan 'Gamilab' boleh dijadikan sebagai satu pendekatan berkesan kepada peserta kajian untuk mencapai objektif pembelajaran pada tahap maksimum. Diharapkan agar penerapan kaedah bermain permainan 'Gamilab' dalam PdP PSV ini mampu meningkatkan lagi pengetahuan peserta kajian dalam prinsip rekaan. Diharapkan juga agar sektor pendidikan di negara ini akan bertambah maju dengan adanya inovasi serta penemuan dan kaedah-kaedah baharu dalam pendidikan.

## RUJUKAN

- Bloom, B.S. (1956) *Taxonomy of Educational Objectives, Handbook: The Cognitive Domain*. David McKay.
- Deterding, S., Sicart, M., Nacke, L., O'Hara, K., & Dixon, D. (2011). Gamification using game design elements in non-gaming contexts. *In CHI'11 Extended Abstracts on Human Factors in Computing Systems* (pp. 2425-2428). ACM
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2019). *Pendidikan Seni Visual Tahun 5*. Semakan 2017. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dewey, J. (1938). *Experience and education*. Macmillan.
- Flinders, D., & Thornton, S. (2013). *The curriculum studies reader*. (4th Ed.). Routledge.
- Gutek, G. (2014). *Philosophical, ideological, and theoretical perspectives on education*. (2nd Ed.). Pearson.
- Hays, R.T. (2005). *The effectiveness of instructional games: A literature review and discussion*. Technical Report 2005-004. Naval Air Warfare Centre Training Systems Division.
- Hsin-Yuan Huang, W., & Soman, D. (2013). *A practitioner's guide to gamification of education*. Rotman school of management.
- Hussain, S. Y. S., Tan, W. H., & Idris, M. Z. (2014). *Digital game-based learning for remedial mathematics students: A new teaching and learning approach In Malaysia*. *International Journal of Multimedia Ubiquitous Engineering*, 9 (11),325-338
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner* (3rd ed.). Deakin University.
- Kuschner, D. (2012). What is the state of play?. *International Journal of Play*, Vol.1(1), p. 103-104.
- Moyle, J. (1991). *Play as a Learning Process in your Classroom*. Open Press University.
- Norul. (2014). *Apresiasi Seni*. Scribd. <https://www.scribd.com/doc/36650414/Apresiasi-Seni>
- Siti Saleha Samsuri (2020). *Kajian Maklum Balas Murid Terhadap Pembelajaran Berasaskan Projek Secara Bersepadu Di Sekolah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)*. [https://researchgate.net/publication/331673418\\_KAJIAN\\_MAKLUM\\_BALAS\\_MURID\\_TERHADAP\\_PEMBELAJARAN\\_BERASASKAN\\_PROJEK\\_SECARA\\_BERSEPADU\\_DI\\_EKOLAH\\_PROGRAM\\_TRANSFORMASI\\_SEKOLAH\\_2025\\_TS25](https://researchgate.net/publication/331673418_KAJIAN_MAKLUM_BALAS_MURID_TERHADAP_PEMBELAJARAN_BERASASKAN_PROJEK_SECARA_BERSEPADU_DI_EKOLAH_PROGRAM_TRANSFORMASI_SEKOLAH_2025_TS25)

## **E-MODUL GARISAN MEMBANTU MENINGKATKAN PENGUASAAN UNSUR SENI GARISAN TERHADAP MURID TAHUN LIMA**

Nor Atiqah Aina Binti Zakaria<sup>1</sup>, Dr. Norhayati Binti Musa<sup>2</sup>

Jabatan Seni Visual dan Muzik, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun <sup>1,2</sup>

atiqahaina222@gmail.com<sup>1</sup>

### **Abstrak**

Kajian tindakan secara kualitatif ini dilaksanakan di sebuah sekolah dalam daerah Kulim dan peserta kajian terdiri daripada lima orang murid iaitu seorang murid perempuan dan lima orang murid lelaki. Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Pendidikan Seni Visual (PSV), terdapat empat modul yang terkandung dalam standard kandungan iaitu Modul Bahasa Seni Visual, Modul Kemahiran Seni Visual, Modul Kreativiti dan Inovasi Seni Visual dan Modul Apresiasi Seni Visual. Keempat-empat modul ini sangat penting dan perlu dikuasai oleh murid-murid agar mereka dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk membantu murid meningkatkan penguasaan unsur seni garisan agar mereka dapat mengamati jenis-jenis garisan pada karya lukisan dengan betul. Pengkaji mengumpul data yang diperlukan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah triangulasi terdiri daripada analisis dokumen, pemerhatian dan temubual. Hasil dapatan kajian yang dibuat, analisis ujian pra menunjukkan peserta kajian tidak menguasai dalam aktiviti lukisan dan membuat apresiasi seni berkaitan karya lukisan. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menghasilkan E-Modul Garisan yang diwujudkan dalam bentuk digital menggunakan perisian komputer iaitu PowerPoint bagi membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap unsur seni garisan. Bukan itu sahaja, pada masa yang sama pengkaji dapat mendedahkan dan menerapkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terhadap murid. Hasil dapatan analisis dokumen dengan menggunakan ujian pos menunjukkan peningkatan keberkesanan E-Modul Garisan sebanyak 29% terhadap penguasaan unsur seni garisan murid. Kesimpulannya, jelas di sini E-Modul Garisan mampu membantu murid meningkatkan penguasaan unsur seni garisan.

**Kata Kunci:** E-Modul Garisan, penguasaan, unsur seni garisan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)



## **Abstract**

*This qualitative action research was carried out at a school located in the Kulim district, with a cohort of five students, consisting of one female student and four male students. According to the Curriculum and Assessment Standard Document for Visual Arts Education, there are four integral modules embedded within the curriculum: the Visual Language Module, the Visual Skills Module, the Creativity and Innovation in Visual Arts Module, and the Visual Arts Appreciation Module. These four modules hold paramount importance and must be mastered by students to facilitate the development and practical application of the knowledge and skills they acquire in their daily lives. The primary aim of this study was to aid students in elevating their proficiency in the elements of artistic lines, enabling them to accurately discern the various types of lines in paintings. The researcher collected the requisite data through a triangulation approach, which encompassed document analysis, observations, and interviews. The results of this study revealed, through a pre-test analysis, that the participants exhibited a deficiency in both painting activities and the appreciation of art related to paintings. In response, the researcher devised an E-Module on Lines in a digital format, utilizing PowerPoint as the software medium, to enhance students' comprehension of the elements of line in art. This innovative approach not only facilitated a deeper understanding but also introduced and applied Information and Communication Technology (ICT) to the students. Subsequent analysis of post-test data demonstrated a notable 29% improvement in the students' mastery of the elements of line in art, confirming the effectiveness of the E-Module on Lines. In conclusion, it is unequivocal that the E-Module on Lines significantly contributes to the enhancement of students' proficiency in the realm of line elements in art.*

**Keywords:** *E-Module on Lines, mastery, line elements, Information and Communication Technology (ICT).*

## **PENGENALAN**

Unsur-unsur seni merupakan asas dalam subjek Pendidikan Seni Visual (PSV) yang perlu dipelajari oleh murid-murid sebelum menguasai konsep seni visual yang lain seperti yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Seni Visual Tahun 5 (Semakan 2017). Unsur-unsur seni terkandung dalam bahasa seni visual yang terbahagi kepada enam perkara iaitu garisan, rupa, ruang, bentuk, jalinan dan warna. Nilai estetika sebuah karya dapat dilihat dan dibuat apresiasi melalui unsur-unsur seni yang terdapat pada karya tersebut. Nilai estetika sebuah karya dapat dilihat dan dibuat apresiasi melalui unsur-unsur seni yang terdapat pada karya tersebut. Setiap olahan seni dan kreativiti tanpa asas ilmu tentang unsur-unsur seni adalah tidak berguna. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) PSV tidak dapat dipisahkan dengan pemikiran kreativiti dan nilai-nilai estetika (Efland, 1990). Permasalahan kajian yang timbul sepanjang tiga bulan pengkaji berpraktikum di sebuah sekolah dalam daerah Kulim adalah terdapat beberapa orang murid tidak menguasai unsur seni garisan dalam sebuah kelas yang diajar. Hal ini dapat dikenal pasti oleh pengkaji melalui sesi apresiasi karya yang dibuat semasa sesi PdP. Pengkaji menghasilkan E-Modul Garisan dalam kajian ini dengan harapan dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul. Oleh itu, pengkaji melaksanakan ujian pra untuk mengumpul data awal dalam sebuah kelas Tahun 5 yang dipilih untuk mengenal pasti tahap pengetahuan sedia ada murid-murid kelas tersebut berkenaan unsur seni garisan. Pengkaji memilih peserta kajian berdasarkan hasil keputusan ujian pra yang dibuat.

## **FOKUS KAJIAN**

Dalam kajian yang dibuat, saya menumpukan kepada subjek Pendidikan Seni Visual bagi Tahun 5, iaitu berdasarkan Modul Bahasa Seni Visual dalam DSKP PSV Tahun 5 (terbitan 2019). Bahasa seni visual mengandungi unsur seni dan prinsip rekaan. Saya memfokuskan unsur seni garisan dalam kajian yang dilaksanakan ini. Selain itu, fokus utama kajian ini adalah untuk membantu murid Tahun 5 meningkatkan penguasaan unsur seni garisan merangkumi keempat-empat bidang dalam PSV iaitu bidang Menggambar, Membuat Corak dan Rekaan, Membentuk dan Membuat Binaan dan Mengenal Kraf Tradisional menggunakan E-Modul Garisan. Hal ini bertujuan bagi membantu dan memastikan kelancaran sesi PdP semasa murid membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan karya rakan-rakan yang lain.

## **OBJEKTIF**

Objektif utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk:

1. Murid dapat membezakan jenis-jenis garisan pada karya dengan betul.
2. Mengenal pasti keberkesanan E-Modul Garisan yang dihasilkan terhadap penguasaan unsur seni garisan murid.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian ini adalah:

1. Bagaimanakah murid dapat membezakan jenis-jenis garisan yang dilihat pada karya?
2. Sejauh manakah penggunaan E-Modul Garisan dapat meningkatkan penguasaan unsur seni garisan murid-murid Tahun 5?

## **PESERTA KAJIAN**

Untuk peserta kajian bagi kajian tindakan yang dibuat ini, pengkaji sendiri merupakan peserta kajian yang utama (Gay dan Airasian, 2000). Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di Kulim, Kedah yang melibatkan seramai lima orang murid sekolah tersebut. Kelima-lima orang murid ini dipilih dari salah satu kelas yang pernah diajar oleh pengkaji semasa berpraktikum bagi Fasa 1 dahulu. Pemilihan peserta kajian ini terdiri daripada lima orang murid iaitu empat murid lelaki dan seorang murid perempuan. Kriteria peserta kajian yang dipilih adalah berdasarkan keputusan ujian pra yang telah dibuat. Peserta kajian ditapis berdasarkan markah ujian pra yang paling lemah dalam kalangan murid kelas tersebut. Selain itu, perbezaan personaliti juga diambil kira di mana murid yang pendiam dan murid yang aktif mempengaruhi hasil kajian yang diperolehi.

## **TINDAKAN YANG DIJALANKAN**

Sebelum pengkaji memulakan kajian, pengkaji telah mendapatkan surat kebenaran terlebih dahulu dari Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) seperti mana yang termaktub dalam etika penyelidikan yang betul. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih model kajian tindakan yang telah dibangunkan oleh Kemmis dan McTaggart (1988). Empat langkah kajian tindakan telah disarankan dalam model tersebut iaitu tinjauan awal, merancang tindakan, melaksanakan tindakan dan membuat pemerhatian serta mereflek untuk membantu pengkaji membuat kajian tindakan di sekolah. Tinjauan awal telah dilaksanakan oleh pengkaji semasa praktikum fasa 1. Pengkaji telah merancang dengan teliti tindakan seterusnya yang akan

dibuat dalam kitaran satu iaitu mengumpul data awal menggunakan instrumen yang berkaitan. Kemudian, pengkaji menjalankan pengumpulan data awal dengan memberikan ujian pra kepada seramai 38 orang murid di dalam sebuah kelas Tahun 5. Peserta kajian ditapis berdasarkan keputusan ujian pra yang paling lemah dan tidak menepati item-item yang ditetapkan. Seramai lima orang peserta kajian telah dipilih iaitu seorang murid perempuan dan empat orang murid lelaki.

Seterusnya, pengkaji telah membuat perancangan terhadap tindakan awal yang boleh dilaksanakan terhadap murid-murid Tahun 5 bagi membina konsep awal terhadap unsur-unsur seni berdasarkan hasil ujian pra yang diperoleh. Pengkaji menghasilkan E-Modul Garisan sebagai intervensi satu dan memberikan peluang kepada peserta kajian untuk menggunakannya. Pengkaji telah menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) serta memasukkan kaedah yang dipilih ke dalam RPH sebagai amalan baharu guru semasa proses PdP. Pengkaji merancang untuk menggunakan E-Modul Garisan sebagai salah satu BBM untuk memperkenalkan unsur-unsur seni terutamanya unsur garisan kepada murid. Pembinaan konsep awal dan prinsip terhadap kognitif murid tentang sesuatu perkara yang akan dipelajari sangat membantu murid menerima maklumat yang disampaikan oleh guru dengan mudah kerana murid telah didedahkan dengan konsep awal tajuk pembelajaran tertentu (Jerome Bruner, 1973). Kemudian, pengkaji terlebih dahulu menyediakan jadual pelaksanaan kajian dalam bentuk Jadual Carta Gantt agar lebih tersusun.

Selesai melaksanakan intervensi satu, pengkaji memberikan ujian pos kepada peserta kajian untuk menilai peningkatan dan tahap kefahaman mereka terhadap unsur garisan selepas menjalani intervensi satu. Terdapat sebuah gambar pemandangan yang kosong disediakan kepada peserta kajian dan mereka perlu melukis pelbagai jenis garisan yang diketahui untuk menghiasinya. Selain itu, terdapat sebuah gambar lukisan yang mempunyai pelbagai jenis garisan yang perlu dikeluarkan oleh peserta kajian dan menamakannya di dalam ruangan kotak kosong yang disediakan. Sesi temu bual diadakan untuk memperoleh data yang lebih kukuh untuk melihat perubahan yang ditunjukkan oleh peserta kajian. Pengkaji menganalisis data yang diperoleh dari instrumen-instrumen yang digunakan dan membuat refleksi terhadap intervensi satu yang telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengenal pasti beberapa kekurangan yang timbul semasa intervensi satu dan membuat keputusan untuk menambah baik E-Modul Garisan dengan membuat perancangan semula bagi intervensi dua.

Bagi intervensi dua dalam kitaran dua kajian, pengkaji telah membuat perancangan semula dengan menambah baik elemen-elemen grafik yang ada pada E-Modul Garisan. Elemen-elemen grafik seperti rajah yang menarik, video, permainan digital dan transisi dimasukkan ke dalam E-Modul Garisan untuk menjadikan ia lebih menarik minat peserta kajian untuk belajar di samping dapat bermain yang membantu mengurangkan kebosanan dan tekanan mereka semasa belajar menggunakan E-Modul Garisan. Kemudian, pengkaji menjalankan intervensi dua kepada peserta kajian dengan memberikan peluang mereka meneroka E-Modul Garisan dengan sendiri.

Pengkaji memberikan ujian pos untuk intervensi dua kepada peserta kajian untuk melihat perubahan yang diperoleh hasil dari penambahbaikan yang dibuat terhadap E-Modul Garisan sama seperti intervensi satu. Borang rekod anekdot dicatat semasa intervensi dua dilaksanakan dan sesi temu bual kedua juga diadakan. Pengkaji membuat rakaman suara sebagai bukti data yang diperoleh. Selesai menjalankan intervensi dua, pengkaji membuat analisis data untuk memperoleh dapatan kajian yang diperlukan. Akhir sekali, pengkaji akan membuat refleksi terhadap kedua-dua intervensi bagi mengenal pasti keberkesanan E-Modul Garisan yang dibina.

Pengkaji telahpun menentukan tiga instrumen untuk digunakan semasa proses mengumpul data iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Analisis dokumen merupakan instrumen yang ditekankan oleh pengkaji dalam penyelidikan tindakan yang dibuat. Pengkaji menyediakan ujian pra bagi mengukur tahap pengetahuan murid terhadap unsur seni garisan. Ujian pra dihasilkan dalam bentuk subjektif bagi menguji pemikiran dan laras bahasa seni visual yang diketahui murid-murid. Selain daripada itu, pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian dan membuat rekod anekdot di dalam bilik darjah sepanjang proses PdP Pendidikan Seni Visual dijalankan untuk mendapat data secara terus dari situasi sebenar ketika murid sedang belajar. Menurut Kerlinger (1973), kaedah pemerhatian terbahagi kepada beberapa kriteria iaitu tingkah laku, unit tingkah laku, paras tafsiran pemerhati, generalisasi (keseluruhan dan terperinci) dan penggunaan serta pensampelan tingkah laku seseorang individu. Kriteria-kriteria yang dinyatakan ini memperincikan aspek-aspek tingkah laku yang perlu diperhatikan dan direkodkan untuk kajian. Akhir sekali, pengkaji melaksanakan kaedah temu bual terhadap peserta kajian kerana temu bual merupakan satu kaedah yang membolehkan pengkaji memahami dan mendalami perkembangan dan situasi yang dialami oleh peserta kajian (Patton, 1980). Temu bual dilaksanakan kerana ia membantu pengkaji mengumpul data yang banyak dalam tempoh masa yang pendek sahaja berkenaan keberkesanan E-Modul Garisan yang dihasilkan.

Dapatan data lebih tepat dan kukuh melalui kaedah triangulasi disebabkan data diperoleh dari pelbagai sumber (Yin, 1994). Bagi analisis dokumen dan pemerhatian, pengkaji menggunakan senarai semak dalam bentuk skor (peratusan). Pengkaji menganalisis data yang dikumpul dari pemerhatian yang dibuat menggunakan senarai semak mengikut item-item yang telah ditetapkan. Kaedah temu bual pula dianalisis mengikut kod-kod temu bual yang telah ditetapkan oleh pengkaji dari aspek minat dan amali. Kod temu bual ditetapkan mengikut giliran peserta kajian (PK), bilangan temu bual diadakan seperti temu bual 1 (TB1) dan bilangan soalan seperti soalan 1 (S1). Kod-kod ini membantu pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih jelas berdasarkan data yang dianalisis.


## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Dapatan (Analisis Dokumen)

Dapatan analisis ujian pos bagi intervensi 2 menunjukkan peningkatan peratus sebanyak 29% berbanding intervensi 1. Kelima-lima item dalam ujian pos intervensi 2 ini telah dinilai dan hal ini membuktikan bahawa E-Modul Garisan bagi intervensi 2 dapat meningkatkan tahap penguasaan unsur seni garisan murid-murid Tahun 5.

#### Rajah 1

*Graf Peratusan Dapatan Ujian Pos*



## Analisis (Pemerhatian)

Rekod anekdot yang dibuat oleh pengkaji telah menunjukkan perubahan minat terhadap intervensi 1 dan intervensi 2 yang dijalankan. Intervensi 1 kurang menarik minat peserta kajian untuk menggunakannya disebabkan tiada elemen-elemen atau bahan seperti video dan permainan atas talian berkaitan dengan unsur seni garisan. Hal ini menjadikan intervensi 2 lebih menarik setelah pengkaji menambah elemen-elemen ini ke dalam E-Modul Garisan. Peserta kajian kelihatan lebih seronok, banyak bertanya dan fokus semasa menggunakan intervensi 2.

### Jadual 1

*Senarai Semak Rekod Anekdote Intervensi 2*

BIL	SENARAI SEMAK (REKOD ANEKDOT) PERKARA	PESERTA KAJIAN				
		1	2	3	4	5
1.	Dapat menggunakan E-Modul Garisan dengan betul.	/	/	/	/	/
2.	Dapat menjawab soalan-soalan yang diajukan berkenaan ciri-ciri garisan dengan betul dan yakin.	/	X	/	/	/
3.	Dapat melukis garisan sesuai pada objek dalam gambar.	/	/	/	/	/
4.	Dapat menamakan jenis garisan yang dilihat pada gambar atau objek sebenar.	/	/	/	/	/
5.	Seronok menggunakan E-Modul Garisan semasa belajar.	/	/	/	/	/
	<b>SKOR</b>	<b>5/5</b>	<b>4/5</b>	<b>5/5</b>	<b>5/5</b>	<b>5/5</b>

## Analisis Dapatan (Temu Bual)

Kelima-lima peserta kajian dapat menjawab temu bual dengan baik terutamanya apabila soalan yang ditanya berkaitan dengan perbezaan ciri-ciri garisan mengikut jenis-jenis garisan. Peserta kajian dapat menjawab soalan yang diajukan dengan betul dan masih menepati kehendak soalan.

**Jadual 2**

Dapatan Temu Bual (Persoalan Kajian 1)

SOALAN (S)	TEMU BUAL 1 (TB 1)		KOD TEMU BUAL
	PESERTA KAJIAN (PK)	JAWAPAN TEMU BUAL	
1. Apakah jenis-jenis garisan yang dapat dilihat pada gambar/objek yang ditunjukkan?	1	"Garis putus-putus dan garisan pusingan."	(PK1/TB1/S1)
	2	"Garis putus-putus... Garis silang... pangkah."	(PK2/TB1/S1)
	3	"Garis pusingan... Em.. Garis putus-putus... Ombak..."	(PK3/TB1/S1)
	4	"Garis putus-putus... Aaaa garis lingkaran... Garis biji-biji..."	(PK4/TB1/S1)
	5	"Garis putus-putus... Em... Garis silang pangkah..."	(PK5/TB1/S1)

**Jadual 3**

Dapatan Temu Bual (Persoalan Kajian 2)

SOALAN (S)	TEMU BUAL 1 (TB 1)		KOD TEMU BUAL
	PESERTA KAJIAN (PK)	JAWAPAN TEMU BUAL	
4. Apakah garisan yang sesuai digunakan untuk melukis mi segera?	1	"Garis lingkaran."	(PK1/TB1/S4)
	2	"Garis zig-zag..."	(PK2/TB1/S4)
	3	"Em... garis serabut..."	(PK3/TB1/S4)
	4	"Garis beralun..."	(PK4/TB1/S4)
	5	"Garis lingkaran..."	(PK5/TB1/S4)

Untuk persoalan kajian 2, hanya PK2/TB1/S4 sahaja yang menjawab soalan temu bual menggunakan jawapan yang kurang sesuai. Tetapi keempat-empat peserta kajian yang lain dapat menjawab dengan jawapan yang betul. Jelas di sini persoalan kajian dapat dijawab melalui kaedah temu bual yang dilaksanakan.

Kesimpulannya, triangulasi kaedah untuk menganalisis data sangat membantu pengkaji memperoleh hasil dapatan yang baik dan berkualiti. Data yang diperolehi juga lebih terperinci bagi membuktikan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan terhadap E-Modul Garisan.



## REFLEKSI

Penguasaan unsur seni garisan sangat penting kepada murid-murid semasa mempelajari subjek PSV kerana ia merupakan asas terawal yang akan dipelajari oleh mereka sebelum menguasai unsur-unsur seni yang lain. Pengkaji sedaya upaya menghasilkan E-Modul Garisan untuk membantu murid-murid meningkatkan tahap penguasaan unsur seni garisan mereka. Sepanjang kajian tindakan ini dilaksanakan, pengkaji sedar bahawa proses pelaksanaan kajian tidak semestinya akan terus berjaya semasa intervensi pertama dihasilkan. Berkemungkinan besar pengkaji perlu terus mencuba dan mengambil iktibar dari kekurangan intervensi-intervensi sebelumnya dengan menambah baik elemen-elemen interaktif seperti audio dan video, menggunakan templat slaid *PowerPoint* yang lebih ceria dan menambahkan permainan digital yang lebih banyak dan menarik. Penggunaan E-Modul Garisan sangat menjimatkan masa untuk guru mengajar dan merupakan bahan bantu mengajar yang mudah serta menepati Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) di bawah Anjakan Ketujuh iaitu memanfaatkan penggunaan TMK di sekolah dalam meningkatkan kualiti PdP. Oleh itu, pengkaji akan terus berusaha memperbaiki segala kekurangan yang ada pada E-Modul Garisan supaya ia dapat memberikan manfaat kepada murid-murid atau para guru pada masa akan datang.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan tindakan susulan pengkaji terhadap E-Modul Garisan ini adalah pengkaji akan cuba menambah pelbagai bahan yang lebih menarik dan terkini ke dalam E-Modul Garisan ini dan menjadikan ia lebih menarik dan moden. Pengkaji menyimpulkan bahawa kaedah inovasi E-Modul Garisan menepati perspektif dalam meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap unsur seni garisan. Dalam menghasilkan karya seni yang bermakna dan bernilai estetika tinggi, murid-murid perlu menguasai unsur-unsur seni bermula dari unsur seni garisan di mana murid-murid boleh mengamalkannya di dalam bilik darjah serta di luar sekolah.

## RUJUKAN

- Buto, Z. A. (2010). Implikasi Teori Pembelajaran Jerome Bruner dalam Nuansa Pendidikan Modern. *Millah Edisi Khusus Desember 2010*, 58-62.
- Fauziah Ani, Rosman Md. Yusoff, Zahrul Akmal Damin, Riki Rahman. (2021). *Reka Bentuk Penyelidikan Sains Sosial*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Keperluan E-Modul dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual. (2022). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN : 2504-8562), 2-5.
- Lee Keok Cheong, Zakri Abdullah, Chua Lay Nee. (2018). *Penyelidikan dalam Penyelidikan*. Sham Alam: Oxford Fajar.

- Malaysia, B. P. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Seni Visual Tahun 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malaysia, K. P. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marzudi Md Yunus, NurYuhanis Mohd Nasir, Nurul Haniza Samsudin. (2019). Logo Hari Kebangsaan 2018: Analisis Teori Seni dan Aplikasi Komunikasi Visual. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication Jilid 35(2) 2019: 176-194, 178-181*.
- Mimi Mohaffyza Mohamad, Haryanti Mohd Affandi, Yee Mei Heong, Tee Tze Kiong. (2019). *Kurikulum dan Instruksi Siri 9*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Sharulnizam Ramli, Syed Alwi Syed Abu Bakar, Sabzali Musa Khan. (2015). Cabaran yang Dihadapi Pendidikan Seni Visual dengan Kemunculan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26, 84*.
- Siti Hajar Halili (PhD), S. (2016). Penerimaan Guru Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Berasaskan Model Tam dalam Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Tamil. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 65*.
- Sundari, Endang Fauziati. (2021). Implikasi Teori Belajar Bruner dalam Model Pembelajaran Kurikulum 2013. *Jurnal Papeda: Vol 3, No 2, 131-134*.

# KAEDAH GALLERY TOUR MENINGKATKAN PENGUASAAN LARAS BAHASA SENI VISUAL DALAM SESI APRESIASI KARYA GABUNGAN MOZEK DAN CATAN MURID TAHUN LIMA

Kelvin Steven<sup>1</sup> dan Kannagi Subramaniam (Ph.D)<sup>2</sup>

Jabatan Seni Visual dan Muzik, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

[kelvinemmanual@gmail.com](mailto:kelvinemmanual@gmail.com)<sup>1</sup>

## Abstrak

*Penguasaan laras bahasa seni visual amat penting bagi seseorang individu dalam melaksanakan sesi apresiasi dengan memerihal secara kritis berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses karya yang dihasilkan. Masalah yang sering berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Seni Visual (PSV) ialah murid tidak dapat melaksanakan sesi apresiasi terhadap karya gabungan mozek dan catan dengan menggunakan laras bahasa seni visual yang sesuai. Penyelidikan tindakan ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana keberkesanan pelaksanaan kaedah Gallery Tour dalam meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual semasa melaksanakan sesi apresiasi dalam karya gabungan mozek dan catan seperti yang terkandung dalam bidang menggambar. Kaedah ini digunakan bagi meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual yang terdiri daripada komponen karya, unsur seni dan prinsip rekaan semasa melaksanakan sesi apresiasi. Pelaksanaan kajian ini dijalankan berdasarkan Model Tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988). Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk penyelidikan kualitatif yang melibatkan peserta kajian seramai 8 orang murid dari tahun 5 yang terdiri daripada 5 orang lelaki dan 3 orang perempuan di sebuah sekolah di daerah Kulim. Instrumen yang digunakan bagi mengumpul data dalam kajian ini adalah berdasarkan kaedah triangulasi yang terdiri daripada pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa peserta kajian menunjukkan peningkatan dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam melakukan sesi apresiasi menggunakan laras bahasa seni visual yang sesuai dan tepat. Dapatan kajian juga menjelaskan penggunaan kaedah Gallery Tour meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual dalam sesi apresiasi karya gabungan mozek dan catan. Sebagai tindakan susulan, penyelidik mencadangkan pelaksanaan kaedah permainan yang berbentuk lisan agar peserta kajian dapat membiasakan diri dengan laras bahasa seni visual.*

**Kata Kunci:** Laras bahasa seni visual, apresiasi seni, kaedah Gallery Tour, Mozek dan Catan

## Abstract

*Mastery of the language of visual arts is crucial for an individual when conducting a critical appreciation session based on the language of visual arts, techniques, and processes used in the produced artwork. One common problem during the teaching and learning (T&L) of Visual Arts Education (VAE) is that students often struggle to conduct appreciation sessions for mixed-media artworks using the appropriate language of visual arts. This action research aims to investigate the effectiveness of implementing the Gallery Tour method in enhancing mastery of the language of visual arts during appreciation sessions for mixed-media artworks, such as those in the field of drawing. This method is employed to improve mastery of the language of visual arts, comprising components of the artwork, art elements, and design principles during appreciation sessions. The research is conducted based on Kemmis and McTaggart's (1988) Action Research Model. This research design is qualitative and involves 8 pupils from year 5, consisting of 5 boys and 3 girls, from a school in the Kulim district. Data collection instruments for this study are based on triangulation, including observations, interviews, and document analysis. The research findings indicate that the \*studied participants showed improvement in terms of knowledge and skills in conducting appreciation sessions using the appropriate and precise language of visual arts. The study findings regarding the use of this method further emphasize the effectiveness of the Gallery Tour method in enhancing mastery of the language of visual arts during appreciation sessions for mixed-media artworks. As a follow-up action, the researcher suggests implementing oral-based game methods to familiarize study participants with the language of visual arts.*

**Keywords:** Language of visual arts, arts appreciation, Gallery Tour method, Mosaic and Paintin

## PENGENALAN

Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan satu subjek yang melibatkan perkembangan diri individu. Subjek ini turut menjadi salah satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh murid-murid di sekolah rendah. Mata pelajaran PSV perlu diterapkan dalam diri murid-murid sejak kecil lagi untuk melahirkan generasi yang mempunyai daya ketahanan dari aspek fizikal dan juga mental. Karya seni merupakan sebuah imaginasi atau situasi yang sebenar yang dihasilkan oleh manusia secara kreatif. Karya seni terhasil daripada tindak balas pemikiran pengkarya untuk menyampaikan apa yang berlegar dalam fikiran mereka (Noor Enfendi Desa et. al, 2021). Idea tersebut diterjemahkan dalam bentuk hasil karya melalui visual, teknik, alat dan bahan yang sesuai. Setiap karya seni yang dihasilkan oleh pengkarya mempunyai maksud yang ingin disampaikan kepada penonton. Dari situlah, cara mengamati karya dilakukan melalui apresiasi bagi memahami dan menghayati penyampaian sesebuah karya. Apresiasi melibatkan cara seseorang berfikir terhadap sesebuah karya seni untuk memahami maksud yang disampaikan oleh pelukis. Ia berkait rapat dengan teori kognitif yang diperkenalkan oleh Jean Piaget di mana seseorang individu akan berfikir semasa melakukan apresiasi seni dari segi sejarah, gaya atau stail pelukis dan hasil karya seni, faktor atau punca mempengaruhi mereka, cara mereka bekerja, bagaimana mereka memilih tema dan hal benda serta gaya dan stail mereka dalam mempamerkan karyanya. Jadi, di sini penguasaan laras bahasa seni visual memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan sesi apresiasi yang baik.

## FOKUS KAJIAN

Sepanjang praktikum fasa 1, pengkaji mengenalpasti kebanyakan murid tahun 5 mempunyai bakat dan berkebolehan dalam menghasilkan karya seni terutamanya karya gabungan mozek dan catan. Walau bagaimanapun, hampir kesemua murid iaitu sebanyak 85% murid tahun 5 mempunyai kelemahan dalam melakukan apresiasi seni dengan menggunakan laras bahasa seni visual yang sesuai. Masalah tersebut jelas kelihatan apabila pengkaji mula menjalankan PdP berkaitan dengan topik gabungan karya mozek dan catan, hampir sebahagian murid daripada kelas tersebut tidak dapat menjalankan sesi apresiasi sepertimana yang telah dinyatakan dalam standard pembelajaran. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pengetahuan murid dalam apresiasi seni masih berada pada tahap yang rendah kerana semasa melaksanakan sesi apresiasi, mereka menerangkan karyanya dengan kurang yakin, teragak-agak untuk memberi pendapat mereka ataupun bertanya soalan kepada guru.

Ia menyebabkan pengkaji menghadapi kesukaran dalam mencapai objektif terutamanya bagi modul penghayatan seni visual. Dengan ini, pengkaji dapat dirumuskan bahawa murid hanya melaksanakan kegiatan seni tanpa melakukan apresiasi seni yang tidak memberi apa-apa makna atau kesan positif dalam memahami dan menghayati karya sendiri atau rakan lain. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah berfokuskan kepada masalah murid yang mempunyai kurang penguasaan laras bahasa seni visual semasa melaksanakan sesi apresiasi. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, antara faktor yang menjadi penghalang utama dalam penguasaan laras bahasa seni visual murid tahun 5 adalah sikap guru yang menganggap subjek PSV tidak begitu penting dan tidak mempunyai peperiksaan awam. Hal ini menyebabkan guru-guru di sekolah kurang peka terhadap pelaksanaan PdP PSV berdasarkan modul-modul yang terkandung dalam DSKP PSV. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menjalankan penyelidikan tindakan dengan melaksanakan kaedah *Gallery Tour* untuk meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual dalam sesi apresiasi murid tahun 5 semasa membenteng hasil karya gabungan mozek dan catan. Keberkesanan pelaksanaan kaedah *Gallery Tour* yang melibatkan pembelajaran secara koperatif akan bergantung kepada empat kriteria asas seperti mempunyai semangat, kesalingbergantungan, kemahiran sosial, kesedaran akauntabiliti individu dan penilaian kumpulan (Mok Soon Sang, 2009).

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

### Objektif Khusus:

- I. Meningkatkan pengetahuan tentang laras bahasa seni visual murid tahun 5 melalui kaedah *Gallery Tour*.
- II. Membantu murid tahun 5 meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual dalam melaksanakan sesi apresiasi terhadap karya gabungan mozek dan catan dengan menggunakan kaedah *Gallery Tour*.

### Persoalan kajian:

- I. Adakah *Gallery Tour* dapat meningkatkan pengetahuan tentang laras bahasa seni visual murid tahun 5?
- II. Bagaimanakah kaedah *Gallery Tour* membantu murid tahun 5 meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual untuk melaksanakan sesi apresiasi dalam karya gabungan mozek dan catan?

## PESERTA KAJIAN

Pengkaji merupakan peserta kajian utama. Kajian ini melibatkan 8 orang murid tahun 5 di sebuah sekolah rendah di bandar Kulim, Kedah. Berdasarkan maklum balas daripada ujian pra, pengkaji mendapati mereka pada tahap yang sederhana dan tidak mempunyai penguasaan laras bahasa seni visual semasa melaksanakan sesi apresiasi. Dengan ini, pengkaji memilih peserta kajian yang berprestasi sederhana kerana tindakan-tindakan dalam kajian ini dapat dilaksanakan dengan cepat dan mudah.

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

### Langkah-langkah tindakan

Berdasarkan model kajian tindakan yang dipilih, pengkaji telah melakukan perancangan untuk menjalankan inkuiri setelah dapat mengesan isu atau kritikan awal mengenai masalah yang dikenalpasti. Dalam mengenalpasti peserta kajian untuk dipilih bagi menyertai penyelidikan (bukan populasi kelas), pengkaji telah menjalankan ujian pra dalam bentuk lisan terhadap peserta kajian seramai 33 murid di kelas Tahun 5. Setiap murid telah ditanyakan dengan 15 jenis soalan yang berbeza berkaitan dengan karya gabungan yang ditunjukkan. Melalui ujian pra ini, pengkaji dapat melihat dan menilai bagaimana mereka melaksanakan sesi apresiasi dengan menggunakan laras bahasa seni visual.

Dalam langkah merancang tindakan pengkaji dapat mengenal pasti peserta kajian yang dipilih untuk menyertai penyelidikan ini melalui dapatan awal ujian pra. Pengkaji telah menentukan objektif yang ingin dicapai sebagai penggerak utama bagi kajian tindakan ini. Melalui objektif ini, pengkaji telah mengambil keputusan untuk memilih kaedah *Gallery Tour* yang merupakan salah satu aktiviti PAK-21 untuk meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual murid dalam melaksanakan sesi apresiasi. Dalam proses kaedah ini, pengkaji telah merancang segala aspek-aspek penting seperti alat dan bahan, kemudahan tempat yang diperlukan untuk melaksanakan kaedah *Gallery Tour*. Kemudian, pengkaji telah merangka dan merancang penggunaan intervensi-intervensi *Gallery Tour* yang bersesuaian serta melaksanakan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Dalam langkah tindakan yang seterusnya iaitu melaksana tindakan dan memerhati, pengkaji telah bertindak dengan mengaplikasikan kaedah *Gallery Tour* dalam aktiviti apresiasi seni. Pengkaji telah memberikan penerangan dan demonstrasi kepada peserta kajian terlebih dahulu sebelum mereka memulakan aktiviti. Pengkaji telah membina dua jenis intervensi untuk meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual murid semasa melaksanakan apresiasi karya gabungan mozek dan catan.

### Intervensi 1

Untuk tindakan pertama, murid telah dibahagikan kepada 2 kumpulan dan satu kumpulan terdiri daripada 4 orang ahli kumpulan. Murid dalam kumpulan akan bermain setiap aktiviti yang disediakan dalam setiap stesen. Aktiviti-aktiviti di setiap stesen berkaitan dengan laras bahasa seni visual di mana murid perlu melakukan apresiasi seni melalui permainan melalui BBM tertentu. Pengkaji telah menanyakan beberapa soalan yang merangkumi komponen seni, unsur seni dan prinsip rekaan dalam setiap stesen. Murid secara bergilir menjawab soalan yang ditanyakan oleh pengkaji. Melalui aktiviti ini, murid secara langsung dapat memahami kandungan laras bahasa seni visual dalam apresiasi seni. Pengkaji telah mengumpulkan data-data yang diperolehi melalui pemerhatian seperti nota lapangan dan catatan pemerhatian serta merakam video sepanjang aktiviti dijalankan.

### Jadual 1

Senarai karya gabungan mozek dan catan, BBM yang digunakan, fokus utama mengikut stesen – Intervensi 1



STESEN	KARYA DAN BBM	FOKUS
1		Komponen seni: <i>Tema, hal benda, maksud tersurat dan tersirat</i>
2		Unsur seni: <i>warna, rupa, bentuk, garisan, ruang, jalinan</i>
3		Prinsip rekaan: <i>keseimbangan, kesatuan, irama dan pergerakan, kanta, penegasan, harmoni</i>

### Intervensi 2

Bagi intervensi kedua, peserta kajian yang terlibat adalah hanya 4 orang murid yang tidak melepasi intervensi 1 dalam kaedah *Gallery Tour*. Intervensi 2 hampir sama seperti intervensi 1 di mana murid telah dibahagikan kepada 2 kumpulan dan satu kumpulan terdiri daripada 4 orang ahli kumpulan. Murid dalam kumpulan akan bermain setiap aktiviti yang disediakan dalam setiap stesen. Walaubagaimanapun, tahap kesusahan bagi intervensi ini agak rendah berbanding dengan intervensi 1 kerana aktiviti lebih kepada mengelaskan atau mengenal pasti perkataan. Aktiviti di stesen 1 adalah mengenal pasti perkataan unsur seni yang betul berdasarkan gambar yang ditunjukkan dan memasukkan perkataan unsur seni yang dicari ke dalam sampul yang disediakan. Setiap gambar yang dilekatkan mempunyai sampul tersendiri. Stesen 2 pula memfokuskan prinsip rekaan di mana peserta kajian perlu mencari gambar berdasarkan perkataan prinsip rekaan yang dilekatkan pada *mounting board*. Disamping itu, stesen 3 adalah stesen menguji tahap pemahaman murid iaitu aktiviti di stesen memfokuskan kedua-dua elemen seni iaitu unsur seni dan prinsip rekaan. Dalam stesen ini karya gabungan catan dan mozek telah disediakan dan peserta kajian hanya perlu memilih perkataan yang sesuai berdasarkan anak panah yang ditunjukkan.

**Jadual 2**

Senarai karya gabungan mozek dan catan, BBM yang digunakan, fokus utama mengikut stesen – Intervensi 2

STESEN	1	2	3
<b>KARYA DAN BBM</b>			
<b>FOKUS</b>	Unsur seni: <i>warna, rupa, bentuk, garisan, ruang, jalinan</i>	Prinsip rekaan: <i>keseimbangan, kesatuan, irama dan pergerakan, konta, penegasan, harmoni</i>	Gabungan unsur seni dan prinsip rekaan

Langkah terakhir dalam model Stephen Kemmis & Mc Taggart (1988) ialah refleksi. Dalam bahagian ini, pengkaji telah membuat refleksi terhadap keberkesanan kaedah *Gallery Tour* serta mengumpul dokumen-dokumen yang berkaitan. Pengkaji juga telah membuat refleksi tentang apa yang telah dirancang dan dilaksanakan sama ada berjaya atau tidak serta membuat refleksi terhadap respon peserta kajian sepanjang aktiviti ini.

### Kaedah mengumpul data

#### Ujian Pra dan Pos

Pengkaji menguji murid-murid menggunakan ujian pra dan pos yang dibina oleh pengkaji sendiri untuk mengukur pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan topik kajian tindakan ini. Ujian pra telah dilaksanakan sebelum intervensi 1 manakala ujian pos dilaksanakan selepas intervensi 2.

#### Pemerhatian

Pemerhatian merupakan kaedah yang berkesan dalam pengumpulan data untuk memerhatikan cara pelaksanaan peserta kajian dalam membuat sesi apresiasi berdasarkan karya yang dihasilkan. Pengkaji telah menjalankan pemerhatian secara berstruktur dengan menyediakan borang senarai semak dengan mengambil kira beberapa kriteria tertentu.

#### Temu bual

Pengkaji telah melaksanakan temu bual secara semi berstruktur iaitu soalan utama disediakan dan soalan susulan berdasarkan jawapan murid. Pengkaji telah melaksanakan temu bual selepas melaksanakan kedua-dua intervensi. Protokol temubual yang dilaksanakan telah ditranskriptkan sebelum dianalisis data ini.



## Analisis Dokumen


Pengkaji telah memilih dokumen peribadi iaitu rekod murid dan fail peribadi murid (sumber sekunder) untuk mengumpul data. Analisis dokumen dilakukan sepanjang proses kajian tindakan ini dijalankan. Dokumen yang diteliti adalah Rancangan Pengajaran Harian, gambar, klip video dan markah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

## CARA MENGANALISIS DATA


Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan 4 jenis instrumen yang berbeza untuk mengumpul data iaitu ujian pra, pos, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data yang dikumpul diklasifikasikan berdasarkan tema yang ditetapkan agar mudah untuk dianalisis.

### Rajah 1

Graf Perbandingan Peratusan Ujian Pra dan Ujian Pos



Berdasarkan analisis data dalam rajah 1, kenaikan markah bagi kelas ini adalah 47 markah. Semasa pelaksanaan ujian pra berlaku kekurangan markah kerana kebanyakan peserta kajian tidak mengetahui konsep apresiasi yang sebenar dalam subjek PSV. Selepas intervensi, peserta kajian dapat melaksanakan apresiasi seni yang baik dengan menggunakan laras bahasa seni visual dipelajari melalui aktiviti stesen dalam kaedah *Gallery Tour*. Keputusan kajian ini dapat dirumuskan dengan melihat perbandingan skor markah peserta kajian dalam ujian pos seperti yang dinyatakan dalam rajah 1. Semua peserta kajian menunjukkan peningkatan markah dalam ujian pos berbanding dengan ujian pra setelah mengikuti intervensi-intervensi dalam kaedah *Gallery Tour*.



**Rajah 2**  
Graf perbandingan pencapaian kriteria intervensi 1 dan 2 melalui borang senarai semak

Melalui pemerhatian, peserta kajian menunjukkan bahawa aktiviti pelaksanaan kaedah *Gallery Tour* dapat membantu murid-murid dalam menguasai laras bahasa seni visual semasa melaksanakan sesi apresiasi karya gabungan mozek dan catan. Buktinya, semasa pelaksanaan intervensi 1, peserta kajian M5 dapat mencapai kriteria yang paling banyak iaitu sebanyak 11 kriteria manakala dalam intervensi 2 pula mendapat peningkatan sebanyak 2 kriteria iaitu berjaya mencapai 13 kriteria dalam aktiviti ketiga-tiga stesen. Peserta kajian yang dapat mencapai kriteria yang paling rendah adalah M3 yang dapat mencapai 4 kriteria sahaja dalam intervensi 1. Namun begitu, peserta kajian ini juga mempunyai peningkatan sebanyak 4 kriteria dengan mencapai 8 kriteria dalam intervensi 2.

**Jadual 3**  
*Senarai jawapan peserta kajian bagi soalan temu bual bagi intervensi 1 dan 2*

<b>SOALAN 7</b>		
<b>APAKAH PRINSIP REKAAN YANG ANDA TAHU?</b>		
<b>PESERTA KAJIAN</b>	<b>JAWAPAN PESERTA KAJIAN</b>	
	<b>Selepas intervensi 1</b>	<b>Selepas intervensi 2</b>
M1	Minta maaf cikgu. Saya tak ingat	Harmoni dan Kepelbagaian
M2	Tak tahu	Kepelbagaian dan garisan lurus.
M3	Harmoni, Kepelbagaian	Penegasan dan garisan
M4	Ya saya tahu cikgu. Antaranya, penegasan, dan pergerakan	-
M5	Rupa	Harmoni dan Kepelbagaian
M6	Harmoni	-Harmoni,
M7	kontra	-
M8	Ya saya tahu cikgu. Kepelbagaian	-

Berdasarkan dapatan temu bual di atas, pengkaji mendapati selepas melaksanakan intervensi 1, beberapa peserta kajian terutamanya M1, M2, dan M5 tidak dapat menjawab soalan 7 yang berkaitan dengan prinsip rekaan. Kebanyakan jawapannya adalah "*Tidak tahu cikgu*". Hal ini bermakna peserta kajian ini masih berada pada tahap yang lemah walaupun telah melaksanakan intervensi 1. Jika kita menganalisis jadual ini, selepas intervensi 2 pengkaji mendapati kesemua peserta kajian terutamanya M1, M2 dan M5 dapat menjawab soalan 5 dengan betul dan tepat. Kesemua peserta kajian tersebut dapat berjaya menganalisis sekurang-kurangnya 2 jenis prinsip rekaan yang berbeza.

### Cara menyemak data

Data yang dikumpul daripada instrumen pemerhatian, temu bual dan dokumen-dokumen berstruktur dan tidak berstruktur dianalisis secara triangulasi agar dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul dalam kajian ini.



### DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis dan interpretasi data, perkembangan dan pencapaian dari penguasaan laras bahasa seni visual peserta kajian meningkat pada peringkat akhir berbanding peringkat awal pelaksanaan kaedah *Gallery Tour*.

#### Soalan kajian 1

**Adakah *Gallery Tour* dapat meningkatkan pengetahuan tentang laras bahasa seni visual murid tahun 5?**

Melalui perbandingan daripada skor pencapaian markah ujian pra dan pos, kesemua murid mempunyai peningkatan sekurang-kurangnya sebanyak 27% dan purata keseluruhan adalah sebanyak 47%. Melalui pemerhatian pula, borang pemerhatian (senarai semak) telah menunjukkan kaedah *Gallery Tour* dapat meningkatkan pengetahuan tentang laras bahasa seni visual.

#### Soalan kajian 2

**Bagaimanakah kaedah *Gallery Tour* membantu murid tahun 5 meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual dalam melaksanakan sesi apresiasi dalam karya gabungan mozek dan catan?**

Dapatan temu bual, data menunjukkan kebanyakan peserta kajian selepas melalui proses intervensi 2 dapat menjawab soalan pengkaji dengan tepat. Dapatan perbandingan markah ujian pra dan pos, didapati bahawa kaedah *Gallery Tour* telah berjaya meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual kerana semua peserta kajian telah menunjukkan peningkatan. Jumlah peningkatan yang paling banyak adalah 67%. Dapatan analisis dokumen seperti rakaman video, jurnal harian, Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan nota lapangan menunjukkan peningkatan dalam penguasaan laras bahasa seni visual dalam sesi apresiasi karya gabungan mozek dan catan murid tahun 5.

## **REFLEKSI**

Melalui dapatan kajian yang diperoleh, pelaksanaan aktiviti kaedah *Gallery Tour* dalam kajian ini telah memberi impak positif dalam meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual semasa melaksanakan apresiasi terhadap karya gabungan mozek dan catan. Pengaplikasian kaedah baru seperti ini dalam subjek PSV telah memberi satu motivasi kepada murid-murid dalam mempelajari subjek PSV serta mereka berkelihatan lebih semangat dan bermotivasi terhadap pembelajaran apresiasi seni. Hal ini telah meningkatkan motivasi pengkaji dalam terus menabur bakti serta menjalankan tanggungjawab pengkaji iaitu mengajar dan mendidik anak murid pengkaji dengan lebih berkesan dan efektif. Kesimpulannya, kajian tindakan ini telah memberi banyak faedah dan manfaat kepada pelbagai pihak terutamanya pihak peserta kajian iaitu murid dan secara tidak langsung kepada pengkaji di mana kajian tindakan ini telah membuatkan pengkaji lebih mencintai profesion keguruan ini serta menambahkan lagi semangat pengkaji untuk menjadi seorang guru PSV yang berkualiti bagi melahirkan modal insan yang seimbang dan sanggup berkorban demi agama, bangsa dan negara.

## **CADANGAN IMPLIKASI KAJIAN**

Dapatan kajian telah membuktikan bahawa pelaksanaan kaedah *Gallery Tour* telah meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual semasa melaksanakan apresiasi seni terhadap karya gabungan mozek dan catan. Dengan kata lain objektif utama kajian ini juga telah dapat dicapai dengan baik oleh pengkaji. Walaupun, keputusan yang diperolehi adalah positif dan berjaya namun masih terdapat beberapa perkara yang membuatkan pengkaji tidak berpuas hati. Jadi, terdapat beberapa perkara yang boleh dilakukan penambahbaikan sekiranya ada dalam kalangan warga pendidik yang ingin melaksanakan kajian sebegini pada masa akan datang. Antaranya ialah penambahan pelaksanaan aktiviti stesen berbentuk lisan. Laras bahasa seni visual adalah suatu elemen yang melibatkan pertuturan atau lisan di mana seseorang individu perlu menerangkan sesebuah karya seni menggunakan perkataan-perkataan bahasa seni visual seperti maksud tersurat dan tersirat, alat dan bahan, hal benda, unsur seni, prinsip rekaan dan banyak lagi. Jadi, pengkaji harus melaksanakan aktiviti yang menggalakkan peserta kajian untuk bercakap atau menerangkan sesuatu. Selain itu, pengkaji perlu menggunakan peserta kajian yang lebih ramai dan melibatkan semua murid. Sekiranya jumlah peserta kajian bertambah maka peluang untuk menganalisis data dengan lebih mendalam juga adalah lebih besar

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, melalui kajian yang dijalankan ini, pengkaji dapat mengenalpasti tahap penguasaan laras bahasa seni visual murid tahun 5 semasa melaksanakan sesi apresiasi dalam karya gabungan mozek dan catan. Seterusnya, pengkaji juga dapat mengetahui bahawa dengan kaedah *Gallery Tour* yang dijalankan ini dapat meningkatkan penguasaan laras bahasa seni visual dalam kalangan murid tahun 5 semasa melaksanakan sesi apresiasi dalam karya gabungan mozek dan catan. Pengaplikasian kaedah baru dalam subjek PSV telah memberi satu motivasi kepada murid-murid dalam mempelajari subjek PSV. Kaedah ini mampu memperkukuhkan kemahiran pelaksanaan apresiasi seni dalam bilik darjah serta murid-murid pastinya dapat memahami dan menghayati penghasilan karya sendiri dan juga karya rakan lain.

## RUJUKAN

- Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2015). *Pengantar Penyelidikan Tindakan*. Petaling Jaya: Sasbadi SDN. BHD.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Zurihanmin Zakariya. (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Efendi Zakaria. (1998). *Pembelajaran Koperatif*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2018). *Buku Panduan Penyelidikan Tindakan*. Cyberjaya, Malaysia: IPGM.
- Johnson, A. P. (2012). *A short guide to action research (4th ed)*. Boston: MA: Pearson.
- KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA. (2008). *BUKU MANUAL KAJIAN TINDAKAN EDISI KETIGA*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner*. Victoria: Deakin University Press.
- Mohd Johari AB Hamid. (2013). *Falsafah dan kritikan seni*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Moh Rondhi. (2017). Apresiasi Seni dalam Konteks Pendidikan Seni. *Jurnal Imajinasi*, 10-18.
- Mok Soon Sang. (2014). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia SDN. BHD.
- Noor Enfendi Bin Desa. (2021). ASAS APRESIASI SENI DARI PERSPEKTIF FORMALISTIK, *Gendang Alam, Jilid 11 (2)*, 99-112.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Yin & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2012). *Siri Pendidikan Guru : Murid dan Alam Belajar*. Shah Alam: Oxfor Fajar Sdn. bhd.
- Yee Sye Foong. (2018). *Asas Penyelidikan dalam Tindakan*. Bangi: Pelangi Professional Publishing SDN. BHD.

**PENGGUNAAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DIGITAL DALAM  
KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
(IPG) SEMASA PRAKTIKUM**

Muhammad Yusri Zahin Azhar<sup>1</sup> dan Rizal Ariffin<sup>2</sup>

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun<sup>1,2</sup>

yusrizahin17@gmail.com<sup>1</sup>

**ABSTRAK**

*Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Digital (BPPD) dalam pelaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah terbukti meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid. Oleh yang demikian, kajian ini amat penting untuk dijalankan kerana masih terdapat guru Pendidikan Islam yang kurang pengetahuan dan kemahiran terhadap penggunaan BPPD menyebabkan mereka jarang menggunakannya dalam bilik darjah. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meninjau tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap penggunaan serta hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran BPPD dalam kalangan guru pelatih IPG semasa menjalani praktikum. Reka bentuk kajian ini ialah penyelidikan tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang disebarkan melalui Google Form kepada 100 orang guru pelatih opsyen Pendidikan Islam Ambilan Jun 2020 di sebuah IPG sebagai responden dalam kajian ini. Analisis data adalah analisis deskriptif dengan menggunakan Statistic For Social Science (SPSS) Versi 26.0 dan analisis inferensi dengan menggunakan ujian korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan terhadap penggunaan BPPD berada di tahap yang tinggi dengan skor min 3.13, manakala tahap kemahiran terhadap penggunaan BPPD berada pada tahap sederhana dengan skor min 2.88 dan bagi tahap penggunaan BPPD dalam bilik darjah adalah pada tahap sederhana rendah dengan skor min 2.42. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran terhadap penggunaan BPPD dengan nilai  $r=0.78$ . Kajian seumpama ini dapat memberi satu gambaran jelas mengenai penggunaan BPPD dalam subjek Pendidikan Islam semasa praktikum. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa guru pelatih IPG menggunakan BPPD di dalam bilik darjah namun masih di tahap sederhana rendah kerana skor min yang ditunjukkan majoritinya di peringkat sederhana rendah dan rendah. Sehubungan itu, inisiatif atau kesedaran tentang penggunaan BPPD ini perlu dipertingkatkan dalam kalangan guru pelatih IPG. Kajian ini juga mencadangkan agar responden yang lebih ramai dilibatkan serta instrumen temu bual dan pemerhatian diaplikasikan dalam kajian lanjutan.*

*Kata Kunci: Bahan pengajaran dan pembelajaran digital, tahap pengetahuan, tahap kemahiran, Pendidikan Islam, pelajar praktikum*

فثككونان باهن فثعاجرن دان فمبلاجرن ديكيتل دالم كالغن كورو فلاتيه فنديدين اسلام دسبواه

اينستيتوت فنديدين كورو (ا.ي.في.جي) سماس فركتيكوم

محمد يسري زهن ازهر دان ريزل عريفين

yusrizahin17@gmail.com

جابتن فنديدين اسلام دان مورل، ا.ي.في.جي. كي.تي.بي

## ابستزک

باهن فعاجرن دان فمبلاجرن ديکيتل (بي.في.في.دي) دالم فلقسانان فروسيس فعاجرن دان فمبلاجرن (في.دي.في) تله تربوقي منيغکتکن کبرکسنن فمبلاجرن موريد. اوليه يغ دمکين، کاجين اين امت فنتيغ اونتوق دجالنکن کران ماسيه تردافت کورو فنديديقن اسلام يغ کورغ فغتاھوان دان کماھيرن ترھادف فغکوناکن بي.في.في.دي مپيکن مريک جارغ مگکوناکن دالم بيليق درجه. جوسنرو، کاجين اين دجالنکن باکي منينجاو تاهف فغتاھوان، تاهف کماھيرن دان تاهف فغکوناکن سرتا هوبوغن انتارا تاهف فغتاھوان دغن تاهف کماھيرن بي.في.في.دي دالم کالغن کورو فلانتيه اي.في.في.جي سماس منجالي فرکتیکوم. ريک بنتوق کاجين اين اياله فپليديقن تينجاوان دغن فندکتن کواتيتيغ. اينسنزومن يغ دکوناکن اياله سؤال سلیديق يغ دسیرکن ملالوي *Google Form* کغد 100 اورغ کورو فلانتيه اوغشن فنديديقن اسلام اميلن جون 2020 دسبواه اي.في.في.جي سباکاي ريسقوندن دالم کاجين اين. اناليسيس داتا اداله اناليسيس ديسکري فتيغ دغن مگکوناکن *Statistic For Social Science* (ايس.في.ايس.ايس) ورسى 26.0 دان اناليسيس اينرسى دغن مگکوناکن اوچين کوريلاسى *Pearson*. دافتن کاجين منوجوقکن بهاوا تاهف فغتاھوان ترھادف فغکوناکن بي.في.في.دي برادا د تاهف يغ تيشکي دغن سکور مين 3.13، مانکالا تاهف کماھيرن ترھادف فغکوناکن بي.في.في.دي برادا فد تاهف سدرهان دغن سکور مين 2.88 دان باکي تاهف فغکوناکن بي.في.في.دي دالم بيليق درجه اداله فد تاهف سدرهان رنده دغن سکور مين 2.42. دافتن جوک منوجوقکن تردافت هوبوغن يغ سيکنيفيکن انتارا تاهف فغتاھوان دغن تاهف کماھيرن ترھادف فغکوناکن بي.في.في.دي دغن نيلاي  $r=0.78$ . کاجين ساومقام اين دافت مبري ساتو کمرن جلس مغاناي فغکوناکن بي.في.في.دي دالم سوبجیک فنديديقن اسلام سماس فرکتیکوم. کسيمقولنن کاجين اين ممبوقتيکن بهاوا کورو فلانتيه اي.في.في.جي مگکوناکن بي.في.في.دي دالم بيليق درجه نامون ماسيه دتاهف سدرهان رنده کران سکور مين يغ دتوجوقکن ماجوريتين دفریغکت سدرهان رنده دان رنده. سهوبوغن ايت، اينيسپانث اتاو کسدرن تنتغ فغکوناکن بي.في.في.دي اين فرلو دفریغکتکن دالم کالغن کورو فلانتيه اي.في.في.جي. کاجين اين جوک منجادغکن اکر ريسقوندن يغ لبیه راماي دليبتکن سرتا اينسنزومن تمو بوال دان فمرهاتين دافليکسيکن دالم کاجين لنجوتن.

کات کونچي: باهن فعاجرن دان فمبلاجرن ديکيتل، تاهف فغتاھوان، تاهف کماھيرن، فنديديقن اسلام،

فلاجر فرکتیکوم

**THE USE OF DIGITAL TEACHING AND LEARNING MATERIALS AMONG  
ISLAMIC EDUCATION TRAINEE TEACHERS  
IN AN INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION (ITE) DURING PRACTICUM**

**ABSTRACT**

*Digital Teaching and Learning Materials (DTLM) in the implementation of the teaching and learning process has been proven to improve the effectiveness of student learning. Therefore, this study is very important to be carried out because there are still Islamic education teachers who lack in knowledge and skills on the use of DTLM causing them to rarely use it in the classroom. Therefore, this study was conducted to assess the level of knowledge, skill level and level of use as well as the relationship between the level of knowledge and skill level of DTLM among ITE trainee teachers during practicum. The design of this study is a survey research with quantitative approach. The instrument used was a questionnaire distributed via Google Form to 100 trainee teachers at an Islamic education option ITE taken in June 2020 as respondents in this study. Data analysis uses descriptive analysis by using Statistics for Social Science (SPSS) version 26.0 and inferential analysis by using Pearson correlation test. The findings showed that the level of knowledge on the use of DTLM was at high level with a mean score of 3.13, while the level of skill on the use of DTLM was at a medium level with a mean score of 2.88 and for the level of use of DTLM in the classroom was at a medium low level with a mean score of 2.42. The findings also showed that there is a significant relationship between the level of knowledge and skill level on the use of DTLM with a value of  $r=0.78$ . Such a study can provide a clear picture of the use of DTLM in the subject of Islamic education during practicum. The conclusion of this study proves that ITE trainee teachers use DTLM in the classroom but still at the medium low level because the mean score shown by the majority at the medium low level and low level. Therefore, the initiative or awareness on the use of DTLM needs to be enhanced among ITE trainee teachers. The study also suggested that more respondents should be involved as well as interview and observation instruments applied in further studies.*

*Keywords:* Digital teaching and learning materials, knowledge level, skill level, Islamic education, practicum students



## Pengenalan

Perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasa pendidikan digital telah dinyatakan secara eksplisit dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013–2025) terutamanya di bawah anjakan ketujuh yakni Memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong pelajar menjadi kreatif malah menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih menarik apabila diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar bagi meningkatkan lagi kefahaman pelajar terhadap kandungan mata pelajaran yang diajarkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Namun begitu terdapat beberapa isu yang telah dikenalpasti antaranya ialah kurangnya pengetahuan guru terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital seperti dalam kajian yang dijalankan oleh Kamarulzaman et al. (2017) ke atas 60 orang guru prasekolah mendapati bahawa 60% bersetuju bahawa kesedaran penggunaan TMK berada pada tahap yang rendah. Perkara ini juga dijelaskan lagi di dalam kajian yang sama iaitu seramai 68% mengakui bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang terhad dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berbantuan TMK. Selain itu, kurangnya kemahiran guru terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital di dalam kelas. Kajian Rusdiana et al. (2020) menyatakan bahawa tahap penguasaan teknologi yang rendah dalam kalangan pendidik menyebabkan penyampaian bahan PdP kepada pelajar kurang memuaskan. Kajian Fatimah (2017) juga mendapati bahawa guru Bahasa Inggeris kurang mahir menggunakan aplikasi digital dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas menyebabkan mereka gemar menggunakan kaedah konvensional dalam pengajaran dan tidak menggunakan media Internet untuk menyokong proses PdP yang dijalankan.

Permasalahan yang seterusnya ialah kurang penggunaan BPPD ini dalam bilik darjah. Kajian Aziz (2013) menyatakan tahap penggunaan TMK dan digital di kalangan guru sekolah agama adalah masih di tahap sederhana. Hal ini dapat diterangkan bahawa guru Pendidikan Islam (GPI) merupakan antara golongan guru yang sering mengalami masalah dalam mengendalikan bahan bantu mengajar (BBM) yang berkait rapat dengan teknologi terkini menyebabkan mereka tidak menggunakannya dalam bilik darjah (Ilias et al., 2016). Muhammad Haron Husaini et al. (2018) juga menyatakan kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar TMK dalam kalangan guru Bahasa Arab berada pada tahap rendah dengan nilai min 2.92. Oleh yang demikian, kajian mengenai BPPD ini perlu dibuat sebagai tindakan awal supaya pihak IPG atau pihak yang berkenaan boleh menyelesaikan masalah ini sebelum guru pelatih keluar menjadi guru sebenar kelak.

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada empat objektif:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum.
- ii. Mengkaji tahap kemahiran terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum.
- iii. Mengukur tahap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara skor min tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum.

Di samping itu, kajian ini memberi fokus kepada soalan kajian yang berikut iaitu:

- i. Apakah tahap pengetahuan terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum?
- ii. Apakah tahap kemahiran terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum?
- iii. Apakah tahap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum?
- iv. Adakah terdapat hubungan signifikan antara skor min tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum?

Hipotesis bagi kajian ini adalah:

HO1: Tidak terdapat hubungan signifikan antara skor min tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum

Kajian ini juga dapat memberi kepentingan kepada beberapa pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membentuk pengajaran yang seragam. KPM juga dapat memastikan bahawa bahan pengajaran dan pembelajaran digital yang digunakan di seluruh negara adalah konsisten dan bersesuaian dengan kurikulum yang ditetapkan. Ini


akan membantu memastikan bahawa semua murid di Malaysia mendapat pengajaran yang setaraf dan seragam. Selain itu, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dapat memastikan guru pelatih memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti untuk menyampaikan konsep pelajaran kepada murid. Ini akan mempersiapkan kesediaan mereka untuk menjadi guru berkesan dan memahami bagaimana memaksimumkan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam proses pembelajaran. Akhir sekali ialah kepada Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) dalam memperkenalkan bahan pengajaran dan pembelajaran berbentuk digital. Hal ini untuk memberi pendedahan teknologi terkini kepada guru pelatih, mengajarkan mereka mengintergrasikan peralatan dan aplikasi teknologi dalam pengajaran untuk meningkatkan daya tarikan dan keberkesanan pembelajaran agar mereka dapat menguasai penggunaan BPPD dengan baik.

**Literatur**

Kajian ini telah menggunakan Teori Pemikiran Kawalan Adaptif (1983) dan model ASSURE. Teori Pemikiran Kawalan Adaptif (1983) ini digunakan dalam memastikan guru pelatih untuk mempunyai pengetahuan dan memahaminya sebelum menggunakan BPPD ini di dalam kelas sesuai dengan topik pembelajaran yang diajarkan manakala model ASSURE digunakan sebagai panduan guru pelatih untuk memilih, menggunakan dan menilai keberkesanan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam proses PdP secara sistematik supaya dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dengan berkesan.

**Rajah 1**


*Teori Pemikiran Kawalan Adaptif (1983)*



Sumber: Anderson (1983)

**Rajah 2**


*Model ASSURE*



Sumber: Heinich, Molenda, Russell & Smaldino (1993)

Syed Ismail, Pushavali & Raja Gopal (2018) yang menyatakan bahawa kerangka konseptual merupakan suatu pelan atau kerangka yang dibina daripada cakupan idea serta teori yang luas. Dalam kajian ini kerangka konseptual memperlihatkan dengan jelas mengenai kajian yang dijalankan. Kajian ini berpandukan kepada Teori Pemikiran Kawalan Adaptif dan Model ASSURE yang menjadi panduan guru pelatih berdasarkan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran terhadap penggunaan BPPD dalam pengajaran Pendidikan Islam seperti dalam rajah 3 di bawah.

**Rajah 3**  
*Kerangka Konseptual*



### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang disebarikan melalui *Google Form* kepada 100 daripada populasi 122 orang guru pelatih di sebuah IPG opsyen Pendidikan Islam Ambilan Jun 2020 sebagai responden dalam kajian ni. Persampelan kajian ditentukan melalui teknik persampelan bukan rawak iaitu persampelan bertujuan dan soal selidik dalam kajian ini menggunakan skala likert empat bagi soalan kajian pertama dan kedua serta skala likert lima bagi soalan kajian ketiga untuk mengumpul maklumat dan jawapan. Bagi mendapatkan kesahan instrumen kajian yang dibina, borang soal selidik telah diserahkan kepada empat orang pensyarah pakar iaitu dua pakar kandungan, pakar penyelidikan dan pakar bahasa untuk disemak. Kajian rintis juga telah dilakukan terhadap 30 orang responden yang terdiri daripada guru pelatih IPGK Ipoh, IPGK Perempuan Melayu Melaka, IPGK Pulau Pinang, IPGK Antarabangsa, IPGK Ilmu Khas dan IPGK Pendidikan Islam. Maka, nilai *Alpha Cronbach* yang diperoleh secara keseluruhan ialah 0.964 dimana kebolehpercayaan keseluruhan item berada

pada tahap yang sangat baik menurut interpretasi pekali *Alpha Cronbach* oleh Mohd Majid Konting et al. (2005). Data yang diperoleh, dikumpul serta dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan *Statistic For Social Science (SPSS)* versi 26.0 dan analisis inferensi dengan menggunakan ujian korelasi *Pearson*.

## Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian dan perincian bagi soalan 1: Apakah tahap pengetahuan terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum?

Tahap pengetahuan terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.31 dan sisihan piawai 0.41 berdasarkan kepada interpretasi skor min Wiersman (2011). Perincian bagi dapatan kajian ini adalah berdasarkan jadual 1.

### Jadual 1

*Dapatan kajian bagi tahap pengetahuan terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital*

Soalan	Min	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
B01. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran digital semasa proses pengajaran Pendidikan Islam bagi mewujudkan pembelajaran berkesan.	3.63	0.49	Tinggi
B02. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi <i>Powtoon</i> bagi menghasilkan video animasi yang menarik	3.38	0.72	Tinggi
B03. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi <i>Google Classroom</i> bagi memudahkan murid mengakses dan menghantar maklumat dan tugas.	3.61	0.53	Tinggi
B04. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi <i>Google Slides</i> bagi menghasilkan persembahan nota dan grafik berkaitan Pendidikan Islam.	3.76	0.45	Tinggi
B05. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi <i>Capcut</i> bagi menyunting dan menghasilkan video bahan pengajaran dan pembelajaran	3.67	0.55	Tinggi
B06. Saya mempunyai pengetahuan untuk membangunkan laman web sendiri menggunakan aplikasi <i>Google Sites</i> .	3.56	0.61	Tinggi
B07. Saya mempunyai pengetahuan untuk menyunting imej dan poster menggunakan aplikasi <i>Canva</i> .	3.65	0.54	Tinggi
B08. Saya mempunyai pengetahuan untuk memilih video pengajaran yang sesuai mengenai subjek Pendidikan Islam menggunakan aplikasi <i>Youtube</i> .	3.81	0.39	Tinggi
B09. Saya mempunyai pengetahuan untuk melaksanakan permainan atas talian dalam pengajaran menggunakan aplikasi <i>Kahoot</i> .	3.61	0.63	Tinggi
B10. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi <i>Plickers</i> sebagai alat penilaian bagi memeriksa pemahaman pelajar.	2.28	1.06	Sederhana
B11. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi <i>Quizlet</i> bagi membolehkan pelajar mempelajari maklumat melalui alat pembelajaran dan permainan.	2.54	1.05	Sederhana
B12. Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi <i>Pocket</i> bagi menyimpan kandungan web, video dan bahan berkaitan subjek Pendidikan Islam.	2.26	1.01	Sederhana
<b>Purata Min Keseluruhan</b>	<b>3.31</b>	<b>0.41</b>	<b>Tinggi</b>

Bagi item yang mempunyai skor min tertinggi seperti dalam jadual 1 adalah (Saya mempunyai pengetahuan untuk memilih video pengajaran yang sesuai mengenai subjek Pendidikan Islam menggunakan aplikasi *Youtube*) (Min=3.81, SP=0.39) manakala item yang mempunyai nilai min terendah adalah pada item (Saya mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi *Pocket* bagi menyimpan kandungan web, video dan bahan berkaitan subjek Pendidikan Islam) dengan min 2.26 dan sisihan piawai 1.0. Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan Lee Jia Rou, Saemah Rahman dan Shahlan Surat (2022) yang menyatakan tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan aplikasi digital berada pada tahap tinggi (Min=4.13, SP=0.64). Ini dapat dijelaskan apabila guru sekolah telah diberikan pendedahan terhadap penggunaan beberapa BPPD semasa PKP dalam melaksanakan PDP di rumah seperti aplikasi *Google Classroom* dan *Google Meet* manakala guru pelatih pula telah diberikan pendedahan semasa menjalani pembelajaran di IPG selama empat tahun seperti kursus Teknologi dalam Pembelajaran (EDUP 3053) dan Inovasi Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PIMK 3152) dan lain-lain menyebabkan tahap pengetahuan terhadap penggunaan BPPD kedua-duanya berada pada tahap yang tinggi.

Dapatan kajian dan perincian bagi soalan 2: Apakah tahap kemahiran terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum?

Tahap kemahiran terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital berada pada tahap sederhana dengan skor min 2.88 dan sisihan piawai 0.38 berdasarkan kepada interpretasi skor min Wiersman (2011). Perincian bagi dapatan kajian ini adalah berdasarkan jadual 2 dibawah.

## Jadual 2

*Dapatan kajian bagi tahap kemahiran penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital*

Soalan	Min	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
C01. Saya mahir menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam subjek Pendidikan Islam di dalam kelas.	3.53	0.52	Tinggi
C02. Saya mahir dalam menghasilkan slaid dengan menggunakan aplikasi <i>Google Slides</i> untuk melakukan pembentangan yang menarik.	3.74	0.44	Tinggi
C03. Saya mahir menggunakan aplikasi <i>Powtoon</i> bagi menghasilkan video animasi dalam masa 30 minit.	3.03	0.82	Tinggi
C04. Saya mahir untuk menyunting video menggunakan aplikasi <i>Capcut</i> sehingga mampu mengajarkan kepada orang lain cara penggunaannya.	3.49	0.70	Tinggi
C05. Saya mahir membuat dan menyunting grafik menggunakan aplikasi <i>Canva</i> bagi menghasilkan gambar yang realistik dan menarik.	3.57	0.57	Tinggi
C06. Saya mahir membangunkan beberapa laman web pembelajaran dengan menggunakan aplikasi <i>Google Sites</i> dalam masa yang singkat.	3.35	0.69	Tinggi
C07. Saya mahir memilih video pengajaran yang sesuai menggunakan aplikasi <i>Youtube</i> sebagai pemudahcara dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.	3.72	0.47	Tinggi

C08. Saya mahir menghasilkan permainan atas talian seperti <i>Quizziz</i> bagi setiap topik pengajaran untuk mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan.	3.48	0.64	Tinggi
C09. Saya mahir menggunakan <i>Google Classroom</i> bagi memudahkan murid mengakses maklumat dan menghantar bahan pembelajaran	3.53	0.67	Tinggi
C10. Saya mahir menggunakan aplikasi <i>Seesaw</i> bagi membina persekitaran pembelajaran digital yang interaktif.	2.17	1.01	Sederhana
C11. Saya mahir untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kelas dengan menggunakan aplikasi permainan atas talian seperti <i>Socrative</i> bagi melakukan kuiz yang menarik dan memberikan tugas mengenai subjek Pendidikan Islam.	2.28	1.04	Sederhana
C12. Saya mahir untuk menggunakan aplikasi <i>Scratch</i> bagi mempamerkan kemahiran kreatif pelajar dalam menggabungkan muzik, grafik dan foto untuk membuat permainan dan animasi.	2.20	1.01	Sederhana
<b>Purata Min Keseluruhan</b>	<b>2.88</b>	<b>0.38</b>	<b>Sederhana</b>

Skor min tertinggi yang terdapat dalam dapatan kajian jadual 2 adalah pada item (Saya mahir dalam menghasilkan slaid dengan menggunakan aplikasi *Google Slides* untuk melakukan pembentangan yang menarik) (Min=3.74, SP=0.44) manakala item yang mempunyai skor min terendah adalah pada item (Saya mahir menggunakan aplikasi *Seesaw* bagi membina persekitaran pembelajaran digital yang interaktif) (Min=2.17, SP=1.01). Hasil dapatan kajian ini bertentangan dengan jawapan Chew Lee Yi dan Suziyani Mohd (2021) yang menyatakan tahap kemahiran guru terhadap penggunaan BPPD berada pada tahap yang tinggi dengan (Min=3.84, SP=0.68). Hal ini dapat diterangkan apabila guru di sekolah telah menjalani latihan dan kursus sebagai guru yang berjawatan tetap terhadap penggunaan BPPD ini menyebabkan mereka mempunyai kemahiran yang lebih tinggi berbanding guru pelatih seperti kursus Pensijilan e-Delima.

Dapatan kajian dan perincian bagi soalan 3: Apakah tahap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum?

Tahap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital berada pada tahap sederhana dengan skor min 2.42 dan sisihan piawai 0.90 berdasarkan kepada interpretasi skor min Nunnally & Bernstein (1994). Perincian bagi dapatan kajian ini adalah berdasarkan jadual 3 dibawah.

### Jadual 3

*Dapatan kajian bagi tahap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital*

Soalan	Min	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
D01: Saya menggunakan aplikasi <i>Google Slides</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	3.91	1.14	Sederhana Tinggi
D02: Saya menggunakan aplikasi <i>Youtube</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	4.37	0.73	Tinggi
D03: Saya menggunakan aplikasi permainan atas talian <i>Wordwall</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	3.66	1.20	Sederhana Tinggi
D04: Saya menggunakan aplikasi permainan atas talian <i>Kahoot</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	3.31	1.32	Sederhana Tinggi
D05: Saya menggunakan aplikasi permainan atas talian <i>Quizziz</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	3.52	1.21	Sederhana Tinggi

D06: Saya menggunakan aplikasi <i>Spin The Wheel</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	3.63	1.35	Sederhana Tinggi
D07: Saya menggunakan aplikasi <i>Google Classroom</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	2.56	1.49	Sederhana Rendah
D08: Saya menggunakan aplikasi <i>TikTok</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	2.63	1.38	Sederhana Rendah
D09: Saya menggunakan aplikasi <i>Google Sites</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	2.84	1.37	Sederhana Rendah
D10: Saya menggunakan aplikasi <i>Microsoft Paint</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	2.10	1.24	Sederhana Rendah
D11: Saya menggunakan aplikasi <i>Powtoon</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	2.58	1.34	Sederhana Rendah
D12: Saya menggunakan aplikasi <i>Capcut</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	2.92	1.29	Sederhana Rendah
D13: Saya menggunakan aplikasi <i>Canva</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	3.74	1.21	Sederhana Tinggi
D14: Saya menggunakan aplikasi <i>Padlet</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	2.29	1.33	Sederhana Rendah
D15: Saya menggunakan aplikasi <i>ClassDojo</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.99	1.31	Rendah
D16: Saya menggunakan aplikasi <i>Edmodo</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.82	1.18	Rendah
D17: Saya menggunakan aplikasi <i>Microsoft Teams</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.84	1.26	Rendah
D18: Saya menggunakan aplikasi <i>Moodle</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.74	1.19	Rendah
D19: Saya menggunakan aplikasi <i>Flipgrid</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.66	1.11	Rendah
D20: Saya menggunakan aplikasi <i>Schoology</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.69	1.13	Rendah
D21: Saya menggunakan aplikasi <i>Seesaw</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.69	1.10	Rendah
D22: Saya menggunakan aplikasi <i>Socrative</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.61	1.10	Rendah
D23: Saya menggunakan aplikasi <i>Scratch</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.64	1.12	Rendah
D24: Saya menggunakan aplikasi <i>Prezi</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	2.31	1.41	Sederhana Rendah
D25: Saya menggunakan aplikasi <i>Thinklink</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.70	1.14	Rendah
D26: Saya menggunakan aplikasi <i>Plickers</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.73	1.21	Rendah
D27: Saya menggunakan aplikasi <i>Zappar</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.72	1.20	Rendah
D28: Saya menggunakan aplikasi <i>Quizlet</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.86	1.27	Rendah
D29: Saya menggunakan aplikasi <i>Pocket</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.83	1.23	Rendah
D30: Saya menggunakan aplikasi <i>Educreations</i> dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam	1.69	1.15	Rendah
<b>Purata Min Keseluruhan</b>	<b>2.42</b>	<b>0.89</b>	<b>Sederhana Rendah</b>

Skor min tertinggi yang terdapat dalam jadual 3 adalah pada item D02 (Saya menggunakan aplikasi *Youtube* dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam) (Min=4.37, SP=0.73) manakala item yang mempunyai nilai skor min terendah adalah pada item (Saya menggunakan aplikasi *Socrative* dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam) (Min=1.61, SP=1.10). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan guru pelatih IPG kerap sederhana rendah menggunakan BPPD ini dalam bilik darjah. Kajian ini selari dengan Siti Roshila Roslan dan Nuraini Omar (2020) menyatakan bahawa tahap penggunaan GPI terhadap penggunaan BPPD ini adalah berada pada tahap sederhana dengan (Min=3.27, SP=0.91). Hal ini berdasarkan dapatan soalan kajian kedua apabila kurangnya kemahiran guru pelatih terhadap penggunaan BPPD iaitu dengan nilai min 2.88 dan sisihan piawai 0.38 menyebabkan mereka kurang menggunakan BPPD dalam bilik darjah. Ini selari dengan Saharia et al. (2021) bahawa kelemahan dan kurangnya kemahiran terhadap penggunaan computer dan BPPD membawa kepada kurangnya pengaplikasian TMK dalam proses PdP.

Dapatan kajian dan perincian bagi soalan 4: Adakah terdapat hubungan antara skor min tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru semasa praktikum?

Terdapat hubungan signifikan antara skor min tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital. Hal ini menunjukkan



terdapat hubungan linear yang positif dan kuat dengan nilai  $r=0.784$  antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran terhadap penggunaan BPPD berdasarkan kepada interpretasi pekali korelasi *Pearson* oleh Dancey & Reidy (2007).

#### Jadual 4

*Dapatan kajian bagi hubungan antara skor min tahap pengetahuan dan tahap kemahiran terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital*

	Tahap pengetahuan	
	r	Sig.P
Tahap kemahiran terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital	0.784**	0.00

Kajian ini menggunakan ujian *Pearson* untuk menentukan hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru pelatih terhadap penggunaan BPPD semasa praktikum. Berdasarkan jadual 4 di atas, analisis mendapati nilai  $r=0.784$ ,  $p<0.05$ . two tailed,  $N = 100$ , maka hipotesis null ditolak. Ini selari dengan kajian Mursyida Ilias dan Nur syida Mohd Soleh (2021) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan signifikan antara tahap pengetahuan dengan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran modular terhadap murid masalah pembelajaran ( $r = 0.818$ ,  $p< 0.01$ ). Hal ini dapat dihuraikan apabila tahap pengetahuan mempengaruhi tahap kemahiran guru pelatih terhadap penggunaan BPPD.

#### Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan secara terperinci, kesimpulan yang dapat dibuat adalah penggunaan BPPD amat penting dalam pengajaran Pendidikan Islam. Bagi konstruk pertama, penyelidik mendapati bahawa guru pelatih Pendidikan Islam IPG mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai penggunaan BPPD dalam bilik darjah. Bagi konstruk yang kedua pula ialah penyelidik mendapati bahawa tahap kemahiran guru pelatih IPG terhadap penggunaan BPPD adalah pada tahap yang sederhana. Oleh itu, sebagai seorang yang bakal bergelar guru, kemahiran dalam menggunakan aplikasi digital perlulah dikuasai dengan baik agar dapat menarik minat murid dan membantu guru dalam mewujudkan pembelajaran yang sesuai dengan kemajuan teknologi terkini. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap penggunaan BPPD dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam IPG adalah berada pada tahap sederhana rendah. Oleh itu, guru pelatih perlulah lebih kreatif dalam menjadikan sesi PdP Pendidikan Islam lebih menarik dengan cara menggunakan BPPD dalam bilik darjah secara kerap. Kajian ini juga mendapati terdapat hubungan signifikan antara skor min tahap pengetahuan dan tahap kemahiran terhadap penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran digital.

Kajian mengenai bahan pengajaran dan pembelajaran digital dapat memberikan implikasi kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) untuk menyemak semula kurikulum pendidikan dengan memasukkan aspek-aspek teknologi dan literasi digital. Ini dapat meningkatkan keperluan tambahan dalam pelatihan guru pelatih IPG. IPGM juga boleh melaksanakan kursus dan latihan peningkatkan profesional berterusan seperti program pensijilan e-Delima yang terbuka kepada guru pelatih dan tidak terhad kepada guru yang berjawatan tetap sahaja. Selain itu, melakukan penstrukturan semula program pendidikan guru dengan memasukkan model bahan digital dan cara penggunaan BPPD ini dalam sukatan pelajaran bagi program latihan guru di Institut Pendidikan Guru di seluruh Malaysia. Penggunaan BPPD ini juga dapat membantu GPI dalam merancang dan memilih bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut tajuk pengajaran. Hal ini dapat dihuraikan apabila guru Pendidikan Islam perlu mengetahui fungsi teknologi digital dan kesesuaiannya dalam pengajaran supaya dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, beberapa cadangan telah disenaraikan untuk kajian lanjutan seperti kajian yang akan datang boleh dilakukan dengan lebih meluas bagi mengkaji tentang faktor yang menghalang penggunaan BPPD ini, minat terhadap BPPD dan sebagainya. Selain itu ialah dari aspek metodologi kajian seperti mempelbagaikan lagi instrumen kajian terhadap penyelidikan yang dijalankan seperti melaksanakan pemerhatian serta temu bual dalam proses pengumpulan maklumat kajian lanjutan dan tidak terhad kepada soal selidik sahaja. Akhir sekali, dicadangkan agar pengkaji akan datang untuk melaksanakan kajian ini dengan menggunakan populasi dan saiz sampel yang lebih besar.

Kesimpulannya, penggunaan BPPD dalam proses PdP perlu diamalkan oleh setiap guru pelatih IPG dan juga guru-guru sekolah. Segala cabaran yang dihadapi oleh para guru pelatih perlu ditangani dengan baik dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai kesediaan yang rapi dalam melaksanakan BPPD dalam bilik darjah bagi mewujudkan pembelajaran yang interaktif dan berkesan. Hal ini kerana guru pelatih merupakan generasi baru GPI kini yang berfungsi sebagai penggerak kepada percambahan pengetahuan dan kemahiran penggunaan BPPD dalam PdP selain dapat membantu generasi GPI terdahulu untuk sentiasa berusaha menggunakan BPPD sekerap mungkin agar dapat menarik perhatian pelajar untuk terus meminati subjek Pendidikan Islam supaya dapat menghasilkan modal insan yang lengkap dengan ilmu agama di samping berpengetahuan dalam ilmu pengetahuan semasa.

## Rujukan

- Alizah Lambri & Zamri Mahamood (2019). Penggunaan alat pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 78-94. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPC-2019-33-12-07.pdf>
- Anderson, J.R. (1983). A spreading activation theory of memory. *Journal of Verbal Learning and Verbal Behavior* 22(3):261-295.
- Aziz.S.M. (2013). Kesediaan Guru Sekolah Menengah Agama terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: *Laporan Projek Sarjana*.
- Baharun. (2016). Pengembangan media pembelajaran pai berbasis lingkungan melalui model ASSURE. *Cendekia: Jurnal Kependidikan Dan Kemasyarakatan*, 14(2), 231–246.
- Chew Le Yee & Suziyani, M. (2021). Kemahiran Guru dalam Mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pembelajaran di Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(2), 44-53.
- Dancey & Reidy. (2007). *Statistic Without Maths for Psychology*. Prentice Hall.
- Ilias, M. F., Husain, K., Noh, M. A. M., Rashed, Z. N., & Abdullah, M. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. *e-Academia Journal*,5(2).
- Kamarulzaman Kamaruddin, Che Anuar Che Abdullah, Mohd Noor Idris, & Mohd Nasrun Mohd Nawawi (2017). Teachers' level of ICT integration in teaching and learning: A survey in Malaysian private preschool. *AIP Conference Proceedings*. <https://doi.org/10.1063/1.5005408>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Anjakan Ketujuh Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia. *Pelan Pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Khairul Azhar Jamaludin & Kayalvili Munusamy. (2022). Cabaran Guru Untuk Mengintegrasikan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Bagi Meningkatkan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 265-273.
- Lee Jia Rou, Saemah Rahman, Shahlan Surat. (2022). Hubungan antara Kesediaan, Pengetahuan dan Kemahiran Guru Terhadap Pengajaran Dalam Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1-11.
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa & Pustaka*.
